



KEMENTERIAN PERUSAHAAN  
PERLADANGAN DAN KOMODITI

# Laporan Tahunan MPIC 2017

“ **Sekecil** Langkah **Sebesar** Kejayaan ”



[www.mpic.gov.my](http://www.mpic.gov.my)

# Laporan Tahunan MPIC *2017*

“ **Sekecil** Langkah **Sebesar** Kejayaan ”

---

© **Kementerian Perusahaan  
Perladangan dan Komoditi (MPIC)**

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana isi kandungan penerbitan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

Buku ini merupakan hasil kajian yang diterbitkan secara tahunan.  
Cetakan kedua 2018

ISSN 2600-7835

---

# Rasional

## Muka Hadapan

---



Dalam mengorak langkah memacu industri agri komoditi negara ke tahap yang kita raih pada masa ini, tidak terakam jutaan pahit manis, mahupun suka duka yang telah dilalui oleh negara bagi memartabatkan industri ini. Titisan keringat orang terdahulu terutamanya pekebun-pekebun kecil adalah berpaksikan dengan semangat juang mereka yang tidak berbelah bahagi menabur bakti kepada tanah dan bumi yang bertuah ini.

Justeru, semestinya kegemilangan yang diraih oleh sektor komoditi hari ini akan dipertahankan dan diwarisi kepada generasi yang akan datang. Bertepatan dengan tema “**Sekecil Langkah, Sebesar Kejayaan**”, tema kali ini menceritakan tentang impian yang kecil generasi terdahulu telah direalisasikan, dan legasi kegemilangan ini akan diteruskan oleh generasi kini bagi mendepani cabaran pembangunan industri komoditi bagi menjulang Malaysia menjadi negara pengeluar terbesar bagi produk komoditi bernilai tambah tinggi di dunia.

---

## SIDANG REDAKSI 2017

### **Penaung**

Datuk K.Yogeesvaran

### **Penasihat**

Toisin Gantor

### **Ketua editor**

Cheah Chee Fong

### **Editor**

Mohd Rizal bin Hashim

Kartina binti Hamzah

### **Penulis**

Dr. Chong Yen Nee

Hafsah binti Abdul Aziz

Mohd Fadli bin Mohd Sharif

Mohd Faisal bin Wahid

Hafifi Hafiz bin Zulkifli

Zainab binti Abdul Ghani

Nurul Atiqah binti Shahrudin

Noraini binti Mohammed

Kamarul Izam bin Jalani

Baharuddin bin Bakar

Shahazan Zuraina binti Mohd Daud

Lim Siew May

Janatun Aisyah binti Abu Hassan

Fouziah binti Baba

Hamdan bin Said

Hariati binti Abu Kher

Awang Nasrun bin Awang Ali

Hilmi bin Mohd Ali

Azizi binti Elias

Siti Hajar binti Zulkefle

Razita Abd Razak (MPOC)

### **Jurugambar**

Nurazlina binti Abdul Muthalib

### **Percetakan**

Giga Wise Network Sdn Bhd

### **Terbitan**

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perusahaan Perladangan

dan Komoditi

# KANDUNGAN



- |    |  |    |   |
|----|--|----|---|
| 6  | LENSA ASPIRASI MPIC 2017               | 26 | MILESTONE 100 TAHUN                     |
| 8  | PERUTUSAN MENTERI                      | 30 | PROGRAM-PROGRAM KE ARAH 100 TAHUN SAWIT |
| 12 | LAPORAN KETUA SETIAUSAHA               | 34 | HUBUNG JALIN RAKYAT                     |
| 16 | PENGERUSAN TERTINGGI MPIC              | 40 | PENCAPAIAN SEKTOR KOMODITI TAHUN 2017   |
| 17 | VISI, MISI DAN OBJEKTIF                | 45 | KOMODITI SAWIT                          |
| 18 | PIAGAM PELANGGAN                       | 58 | BIO BAHANAPI                            |
| 20 | CARTA ORGANISASI                       | 64 | KOMODITI GETAH                          |
| 24 | 100 ULANGTAHUN INDUSTRI SAWIT MALAYSIA |    |   |



91 KOMODITI PERKAYUAN

99 KOMODITI LADA

109 KOMODITI KOKO

127 KOMODITI KENAF DAN TEMBAKAU

132 PERANCANGAN DASAR DAN ANTARABANGSA

139 PENGURUSAN PEMBANGUNAN DAN KEWANGAN

144 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

153 INOVASI, TRANSFORMASI DAN MODAL INSAN INDUSTRI

159 TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN ICT

164 KOMUNIKASI KORPORAT

178 PENGAUDITAN DAN INTEGRITI

181 PERAKAUNAN

184 DIREKTOR AGENSI DAN MAJLIS DI BAWAH MPIC

# LENSA ASPIRASI MPIC 2017

## Januari



Sesi Interaksi YB Menteri MPIC Bersama Pegawai MPIC Bersama Pegawai Penyelidik MPOB di Ibu Pejabat MPOB, Bangi pada 10 Jan 2017

## Februari



Kunjungan Hormat YB Menteri sempena Lawatan Kerja ke Iran pada 6 Feb 2017

## Mac



Program Ramah Mesra Koko Bersama YB Timbalan Menteri di Raub, Pahang pada 23 Mac 2017

Majlis Pelancaran Duit Syiling Peringatan 100 Tahun Industri Minyak Sawit Malaysia di Galeri Seni, Bank Negara pada 27 Julai 2017



## Julai

Program Larian Obor Kuala Lumpur 2017 (KL 2017) di Putrajaya pada 11 Ogos 2017



## Ogos

Majlis Perhimpunan Bulanan MPIC Dan Sempena Semarak Merdeka Serta Hari Malaysia di MPIC, Putrajaya pada 8 Sep 2017



## September

# “ Sekecil Langkah Sebesar Kejayaan ”

■ April



Majlis Pelancaran Dan Perasmian Sistem Pra-Pembersihan Bahan Makanan Ternakan di Sime Dardy, Pulau Carey pada 25 April 2017

■ Mei



Majlis Bacaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) di MPIC, Putrajaya pada 3 Mei 2017

■ Jun



Meet-Up Session bersama YBhg. KSU MPIC di MPIC, Putrajaya pada 20 Jun 2017

Roadshow Seminar Keperluan Latihan Dalam Memperkasa Modal Insan di Sektor Komoditi Sawit di Malaysia di Hotel Grand Court, Teluk Intan, Perak pada 7 Okt 2017



■ Oktober

Program Pemimpin Bersama Rakyat dan Penyerahan Bantuan Musim Tengkujuh kepada Pekebun Kecil Getah di Alor Setar, Kedah pada 1 Nov 2017



■ November

Majlis Penganugerahan Sijil IMPAC Kali Ke-5 di Hotel Everly, Putrajaya pada 12 Dis 2017




■ Disember






# Sekilas Fakta




sektor agri komoditi telah mencatatkan jumlah nilai dagangan sebanyak RM179.8 billion, peningkatan **16.3%** berbanding RM154.6 billion yang direkodkan pada tahun 2016

sektor komoditi masih lagi kekal sebagai *net exporter* yang terbesar dengan merekodkan imbalan dagangan sebanyak RM100.8 billion berbanding sektor-sektor lain seperti elektrik dan elektronik sebanyak RM90.1 billion serta petroleum dan gas sebanyak RM36 billion



**PENDAPATAN EKSPORT** pada tahun 2017 adalah sebanyak **RM140.3** billion atau **15%** daripada keseluruhan pendapatan eksport negara. Nilai ini menokok peningkatan sebanyak **14.4%** berbanding **RM122.6** billion yang direkodkan pada tahun 2016. **PENINGKATAN** sebanyak **14.4%** berbanding **RM122.6** billion yang direkodkan pada tahun 2016.



# Perutusan MENTERI

---

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku,

Sebagai menteri yang dipertanggungjawabkan untuk menggubal dasar dan strategi pembangunan keseluruhan perladangan dan sektor komoditi, saya berasa amat bangga dengan pencapaian yang telah diraih oleh kementerian ini sepanjang tahun 2017. Pada tahun 2017, sektor agri komoditi telah mencatatkan jumlah nilai dagangan sebanyak RM179.8 bilion iaitu peningkatan 16.3% berbanding RM154.6 bilion yang direkodkan pada tahun 2016. Angka peningkatan ini merupakan satu jumlah yang sangat besar jika dilihat dalam lingkup persekitaran ekonomi global yang tidak menentu sepanjang tahun 2017.

Dalam erti kata lain, sektor komoditi masih lagi kekal sebagai *net exporter* yang terbesar dengan merekodkan imbalan dagangan sebanyak RM100.8 bilion berbanding dengan sektor-sektor lain seperti elektrik dan elektronik sebanyak RM90.1 bilion serta petroleum dan gas sebanyak RM36 bilion. Ini jelas menunjukkan bahawa, sektor komoditi merupakan khazanah utama negara yang menjadi "*game changer*" kepada galur pertumbuhan ekonomi negara dalam usaha menjadikan negara sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

Dengan rekod jumlah pendapatan eksport pada tahun 2017 adalah sebanyak RM140.3 bilion atau 15% daripada keseluruhan pendapatan eksport negara. Nilai ini menokok sebanyak 14.4% berbanding RM122.6 bilion yang direkodkan pada tahun 2016. Angka-angka ini sudah cukup jelas bahawa sektor ini akan kekal menjadi peneraju utama ekonomi negara dan akan terus di perkasa bukan sahaja atas dasar pencapaian fiskal ekonomi negara semata-mata, tetapi yang lebih penting kementerian ini akan terus membela nasib lebih sejuta pekebun kecil yang bergantung harap kepada sektor ini.

Saya yakin, bantuan dan insentif yang telah disediakan oleh kerajaan seperti Bantuan Musim Tengkujuh (BMT), Insentif Pengeluaran Getah (IPG), skim tanaman semula dan skim tanaman baru pekebun kecil, pembinaan jalan ladang dan sebagainya akan menjadi suntikan positif kepada sektor komoditi khususnya pekebun-pekebun kecil di Malaysia.

Saya berpendapat, tahun 2018 semestinya akan menjadi tahun yang lebih mencabar. Saya mempunyai keyakinan bahawa, Kementerian Perusahaan

Perladangan dan Komoditi (MPIC) bersama-sama dengan agensinya akan terus mengekalkan momentum positif ini serta berusaha menyusun langkah-langkah strategik yang berupaya memberi nilai tambah kepada pertumbuhan industri komoditi negara yang terdiri daripada produk-produk sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada dan kenaf.

Saya yakin, komitmen tinggi dan semangat kerjasama berpasukan yang ada di MPIC, lebih banyak lagi kejayaan lain akan terus menyusul untuk tahun 2018. Semua kejayaan dan pencapaian MPIC bagi tahun 2017 telah direkodkan dalam laporan ini. Akhir kata, syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menerbitkan Buku Laporan Tahunan ini dan semoga ia memberi manfaat dan panduan kepada masyarakat umum.

Sekian, salam hormat.



**YB DATUK SERI MAH SIEW KEONG**  
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN  
KOMODITI (MPIC)

“ bantuan dan insentif yang telah disediakan oleh kerajaan seperti Bantuan Musim Tengkujuh (BMT), Insentif Pengeluaran Getah (IPG), skim tanaman semula dan skim tanaman baru pekebun kecil, pembinaan jalan ladang dan sebagainya akan menjadi suntikan positif kepada sektor komoditi khususnya pekebun-pekebun kecil di Malaysia. ”




YOGEES


# Sekilas Fakta



Jumlah Keluaran Dalam  
Negara Kasar (KDNK)  
sebanyak **90.4 bilion**



**7.7%**  
penyumbang  
kepada jumlah  
keseluruhan KDNK  
negara.



## Ringkasan

Peningkatan ini akan  
dicapai melalui  
pertumbuhan pendapatan  
negara kasar (GNI)  
sebanyak **6% setahun**  
sehingga **2020**.



Getah berjaya menduduki tempat  
pertama antara **12 NKEA** yang  
dilaksanakan dengan jumlah markah  
sebanyak **136%**

**Pencapaian  
Prestasi KPI**

**126%**

Tahun  
2017

**111%**

Tahun  
2016

# Laporan KETUA SETIAUSAHA

Tahun 2017 merupakan tahun yang penuh dengan peristiwa penting, termasuk cabaran-cabaran baru bagi industri komoditi negara. Dalam hal ini, industri komoditi merupakan salah satu tonggak utama ekonomi negara, dan sudah tentulah kementerian akan terus memberi fokus kepada usaha-usaha memperteguhkan daya tahan industri komoditi. Sehubungan dengan itu, penumpuan utama adalah melihat kemajuan industri komoditi melonjak ke tahap yang lebih tinggi, berdaya saing, mampan dan seimbang. Ini adalah sangat penting bagi memastikan produk-produk berasaskan komoditi keluaran negara terus menjadi salah satu penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi negara.

Pada tahun 2017 menyaksikan sektor komoditi yang meliputi aktiviti di peringkat hulu (*upstream*) dan hiliran (*downstream*) telah merekodkan jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM90.4 bilion, peningkatan sebanyak 10.1% berbanding tahun 2016. Angka ini merupakan penyumbang sebanyak 7.7% kepada jumlah keseluruhan KDNK negara.

Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) diperkenalkan untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Lantaran itu, kerajaan pada bulan Oktober 2010 telah melancarkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi meningkatkan pendapatan per kapita daripada **AS\$6,700 (RM23,700)** pada tahun 2009 kepada **AS\$15,000 (RM48,000)** pada tahun 2020. Peningkatan ini akan dicapai melalui pertumbuhan pendapatan negara kasar (GNI) sebanyak **6%** setahun sehingga 2020.

## Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) NKEA Komoditi Sawit Dan Getah

Secara keseluruhan, pencapaian prestasi KPI 2017 bagi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi adalah **126%** berbanding **111%** yang dicapai pada tahun 2016, peningkatan sebanyak 15%. Apa yang lebih membanggakan, pencapaian KPI NKEA pada tahun 2017 menyaksikan pencapaian yang sangat cemerlang apabila NKEA Sawit dan Getah berjaya menduduki tempat pertama antara 12 NKEA yang dilaksanakan dengan pencapaian jumlah markah sebanyak **136%**.

Manakala bagi sektor lada pencapaian 2017 juga amat memberangsangkan. Pada tahun 2017, nilai eksport lada telah mencatatkan hasil sebanyak RM309 juta dan pasaran lada telah menembusi beberapa pasaran di benua Eropah, Amerika Syarikat, Afrika Selatan, Australia dan New Zealand.


Pencapaian sektor koko pada tahun 2017 turut mengalami pertumbuhan yang agak baik disokong oleh kedua-dua sub sektor hulu dan hiliran. Pada tahun 2017, industri koko di Malaysia telah mencatat jumlah pengisaran sebanyak 218,258 tan, peningkatan sebanyak 7.5% berbanding tahun 2016. Malaysia telah menyumbang sebanyak 6.6% jumlah pengisaran dunia seterusnya menjadikan Malaysia pemproses ketujuh utama di dunia.

Industri perikanan negara telah menunjukkan prestasi yang amat membanggakan bagi tahun 2017. Nilai eksport produk kayu kayan Malaysia pada tahun 2017 telah mencatat peningkatan sebanyak 5% iaitu berjumlah RM23.22 bilion. Malaysia, antara

pengeluar utama dan pengeksport produk kayu tropika akan memastikan bahawa produk kayu kayan yang dibekalkan diperolehi dari sumber yang diurus secara mampan. Justeru Malaysia akan memberi tumpuan kepada Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS) bagi memastikan pengurusan hutan asli dan ladang hutan diurus selia dengan baik dan diiktiraf oleh dunia.

Sektor kenaf pula merupakan komoditi yang berpotensi besar untuk dikomersialkan dan seterusnya bakal menjadi “sumber pertumbuhan baharu” negara. Nilai jualan kenaf meningkat sebanyak 9.5% atau RM1.84 juta pada tahun 2017 berbanding RM1.68 juta pada tahun 2016. Peningkatan ini didokong oleh pengeksportan fiber dan produk berasaskan kenaf ke China, Thailand dan Korea Selatan serta permintaan pasaran tempatan.

Berdasarkan pencapaian Sektor Komoditi yang dilaporkan dalam buku laporan tahunan 2017 ini, saya yakin sektor ini akan terus berkembang dan akan menjadi nadi kepada pertumbuhan ekonomi negara di masa-masa akan datang. Kementerian akan terus mengoptimumkan program-program pembangunan sektor komoditi, menambahbaik perancangan dasar sedia ada dan meningkatkan daya inovasi, transformasi serta memartabatkan sektor komoditi negara di persada dunia.



**YBHG. DATUK K. YOGESVARAN**  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN  
DAN KOMODITI

“ Secara keseluruhan, pencapaian prestasi KPI 2017 bagi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi adalah 126% berbanding 111% yang dicapai pada tahun 2016, peningkatan sebanyak 15%. Apa yang lebih membanggakan, pencapaian KPI NKEA pada tahun 2017 menyaksikan pencapaian yang sangat cemerlang apabila NKEA Sawit dan Getah berjaya menduduki tempat pertama antara 12 NKEA yang dilaksanakan dengan pencapaian jumlah markah sebanyak 136%. ”



# PENGURUSAN TERTINGGI MPIC

**YBrs. Encik Toisin Gantor**  
Timbalan Ketua Setiausaha  
(Perancangan Strategik  
Dan Pengurusan)



**YBhg. Datuk Zurinah Pawanteh**  
Timbalan Ketua Setiausaha  
(Perladangan Dan Komoditi)



**YBhg. Datuk K. Yogeessvaran**  
Ketua Setiausaha

**YB Datuk Seri Mah Siew Keong**  
Menteri

**YB Datuk Datu Nasrun Datu Mansur**  
Timbalan Menteri



## VISI

Untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan bagi sektor komoditi dan sebagai pengeluar utama nilai tambah yang lebih tinggi berasaskan komoditi dalam pasaran global.

## MISI

Untuk memastikan daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa dalam industri berasaskan komoditi dan sumbangan mereka kepada pembangunan negara.

## OBJEKTIF

- Untuk memaksimumkan sumbangan industri berasaskan komoditi kepada pendapatan negara termasuk KDNK dan pendapatan tukaran asing.
- Untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan R & D, teknologi dan perkhidmatan dalam industri berasaskan komoditi.
- Bagi meningkatkan kecekapan, produktiviti, kualiti dan kemampuan industri utama berdasarkan K-ekonomi.
- Untuk meningkatkan keupayaan pemasaran disamping meningkatkan bahagian pasaran terutamanya dalam pasaran *niche*.

# PIAGAM PELANGGAN

## 1. Penggubalan Dasar

Menggubal dasar dan strategi yang jelas mengenai industri komoditi perladangan berlandaskan kepada perkembangan dan keperluan semasa dalam tempoh masa seperti berikut:

- 18 bulan bagi penggubalan dasar dan strategi baru; dan
- Enam (6) bulan bagi meminda dasar dan strategi sedia ada.

## 2. Penggubalan Perundangan

Menggubal perundangan utama dan perundangan subsidiari berkaitan industri perladangan dan komoditi berlandaskan kepada perkembangan dan keperluan semasa dalam tempoh masa seperti berikut:

### i. Perundangan Utama:

- Draf Perundangan Utama (kedua-dua Bahasa Melayu dan Inggeris) disediakan oleh Bahagian/ Agensi yang kemudiannya dipanjangkan ke Bahagian PUU melalui Bahagian di MPIC.
- Dalam masa 20 hari bekerja dari tarikh penyelesaian isu dasar dan perundangan. Jika ada isu dasar atau perundangan berbangkit tempoh 20 hari terhenti sehingga isu dasar atau perundangan selesai.
- Kualiti : Selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Akta ibu, Akta lain dan menepati kehendak pelanggan.

### ii. Perundangan Subsidiari:

- Draf Perundangan Subsidiari (kedua-dua Bahasa Melayu dan Inggeris) disediakan oleh Bahagian/ Agensi yang kemudiannya dipanjangkan ke Bahagian PUU melalui Bahagian di MPIC.
- Dalam masa 14 hari bekerja bagi teks kurang 50 m/s dan 21 hari bekerja bagi teks melebihi 50 m/s. Jika ada isu dasar atau perundangan berbangkit tempoh itu terhenti sehingga isu dasar atau perundangan selesai.
- Draf perundangan utama/ subsidiari akan dipanjangkan ke Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara setelah isu dasar selesai.

## 3. Projek Pembangunan

Memastikan program pembangunan sektor perladangan dan komoditi dirancang, dilaksana dan dipantau sewajarnya termasuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) diadakan 12 kali setahun.

## 4. Sesi Konsultasi

Mengadakan sesi konsultasi dengan kerajaan-kerajaan negeri, pihak industri dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) :

### i. Peringkat Menteri :

- Satu (1) mesyuarat setahun dengan exco pertanian negeri; dan



- Satu (1) dialog sesi konsultasi setahun bagi setiap komoditi dengan industri komoditi.

ii. Peringkat Pegawai :

- Enam (6) sesi konsultasi dengan industri; dan
- Satu (1) dialog setahun dengan NGO.

### 5. Misi Perdagangan

Menganjurkan misi galakan pasaran dan perdagangan/ lawatan kerja bagi memperkukuhkan pasaran sedia ada dan menerokai pasaran baru sekurang-kurangnya lima (5) kali setahun serta mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.

### 6. Buku Perangkaan Komoditi

Menerbitkan buku Perangkaan Komoditi setiap tahun dan diedarkan pada bulan April tahun berikutnya.

### 7. Aduan Pelanggan

Memastikan semua aduan pelanggan diberi:

- Akuan penerimaan dalam masa satu (1) hari;
- Maklum balas awal dalam masa lima (5) hari; dan
- Diselesaikan dalam tempoh 15 hari bagi aduan yang tidak melibatkan perkara dasar.

### 8. Sesi Bertemu Pelanggan

Mengadakan sesi bertemu pelanggan melalui program-program turun padang seperti Program Hello Komoditi sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun.

### 9. Pembayaran Bil

- Memastikan 90% pembayaran bil yang lengkap diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari; dan
- Sekiranya terdapat mana-mana pihak yang tidak menerima pembayaran dalam tempoh 14 hari, aduan yang diterima akan diselesaikan dalam tempoh 72 jam.

### 10. Laman Web

Memuat naik maklumat program terkini MPIC ke laman web dalam tempoh 24 jam.

### 11. Lesen Biobahan Api

- Mengeluarkan akuan penerimaan bagi permohonan yang lengkap dalam tempoh satu (1) hari;
- Mengeluarkan lesen dalam tempoh tiga (3) hari selepas lesen ditandatangani oleh Pihak Berkuasa Pelesenan Biobahan Api; dan
- Memberi jawapan kepada permohonan yang tidak berjaya dalam tempoh tiga (3) hari selepas keputusan dibuat Pihak Berkuasa Pelesenan Biobahan Api .

**Menteri**  
YB Datuk Seri Mah Siew Keong

**Timbalan Menteri**  
YB Datuk Datu Nasrun Datu Mansur

**Timbalan Menteri**  
Kosong

**Ketua Setiausaha**  
(PTD Gred Utama A/ TURUS III)  
YBhg. Datuk K. Yogeessvaran

**Timbalan Ketua Setiausaha (Perladangan Dan Komoditi)**  
(PTD Gred Utama B/A)

YBhg. Datuk Zurinah Pawanteh

**Unit Undang-Undang**  
Pegawai Undang-Undang (L52)

Pn. Nur Ashikin Ismail

**Unit Audit Dalam**  
Ketua Audit (W48)

En. Donyos Jeros

**Unit Komunikasi Korporat**  
Ketua Komunikasi Korporat (Gred 54 Terbuka)

En. Cheah Chee Fong

**Bahagian Kemajuan Industri Sawit Dan Sogo**  
Setiausaha Bahagian (PTD Gred Utama C)

YBrs. Dr. Sugumari a/p Shanmugam

**Kemajuan Industri Kayu-kayan, Tembakau & Kenaf**  
Setiausaha Bahagian (PTD Gred Utama C)

En. Mad Zaidi Mohd Karli

**Bahagian Pembangunan Industri Getah & Jathropa**  
Setiausaha Bahagian (PTD Gred M54)

En. Muhamad Nahar Hj Mohd Sidek

**Bahagian Pembangunan Industri Koko Dan Lada**  
Setiausaha Bahagian (PTD Gred M54)

Pn. Mariam Ilias

**Bahagian Biobahan Api**  
Setiausaha Bahagian (PTD Gred M52)

En. Ahmad Farid Mohammed

**Lembaga Minyak Sawit Malaysia**  
Ketua Pengarah (Gred Utama A/Turus III) (Terbuka)

YBhg. Datuk Dr. Hj Ahmad

**Lembaga Getah Malaysia**  
Ketua Pengarah (Pegawai Penyelidikan Gred Utama Turus III)

YBrs. Dr. Zairossani Mohd Nor

**Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia**  
Ketua Pengarah (Pegawai Ehwal Ekonomi Gred Utama B)

YBhg. Dato' Dr. Jalaluddin Harun

**Malaysian Palm Oil Certification Council**  
Ketua Pegawai Eksekutif

YBrs. En. Harnarinder


**Malaysian Palm Oil Council**  
Ketua Pegawai Eksekutif

YBrs. Dr. Kalyana Sundram

**Malaysian Rubber Export Promotion Council**  
Ketua Pegawai Eksekutif

Pn. Low Yoke Kiew

# CARTA ORGANISASI MPIC 2017







**Yang Bulat  
Datang Bergolek,  
Yang Pipih  
Datang Melayang**





Malaysia, negara bertuah yang telah mencapai 60 tahun kemerdekaan, kini mengecapi kestabilan ekonomi, nikmat kemakmuran di samping pelbagai pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun ke-100, Pengkomersialan minyak sawit Malaysia yang disambut pada 18 Mei 2017 di Bestari Jaya Selangor, coretan ini akan memahat sejarah perjalanan tanaman sawit di Malaysia untuk tatapan generasi hari ini dan akan datang. Apa yang dilihat pada hari ini terhadap sektor sawit merupakan titisan keringat, liku-liku dan ranjau yang telah dilalui oleh mereka yang terlibat, dari pekebun kecil hinggalah kepada pemain industri.

Ini lah bumi bertuah Malaysia yang selalu diungkapkan. Jangan di sangkal akan tanahnya yang subur dan makmur dalam pelbagai sumber alam. Bak kata pepatah melayu lama **“Yang Bulat Datang Bergolek, Yang Pipih Datang Melayang”** merupakan pepatah yang sesuai dikaitkan dengan kedatangan benih sawit ke Tanah Melayu. Pokok sawit mula diperkenalkan di Tanah Melayu yang dikenali sebagai Malaya sebelum ini sebagai pokok atau tumbuhan hiasan telah mempamerkan nilai ekonomi yang tidak ternilai kepada tanah air. Keunikan pokok sawit mampu menghasilkan minyak sawit yang kini menjadi sumber utama dalam rantai keselamatan makanan di peringkat global.

Penanaman spesies *Elaeis guineensis jacq* (pokok sawit) secara komersial bermula di Ladang Tennamaram, Batang Berjuntai (kini dikenali sebagai Bestari Jaya) Selangor pada tahun 1917 telah melakar asas kepada pembangunan industri sawit serta pewujudan nilai komersial kepada negara. Sepanjang satu abad bertapak di tanah air, kerancangan dalam pembangunan industri sawit dengan penekanan kepada kelestarian telah berjaya mengangkat masyarakat Malaysia khususnya luar bandar keluar daripada belunggu kemiskinan seiring dengan peningkatan taraf kehidupan masyarakat

“Bak kata pepatah melayu lama **“Yang Bulat Datang Bergolek, Yang Pipih Datang Melayang”** merupakan pepatah yang sesuai dikaitkan dengan kedatangan benih sawit ke Tanah Melayu.”

luar bandar. Kemunculan bandar-bandar baharu yang juga menyumbang kepada peningkatan taraf sosio ekonomi penduduk. Malah, industri sawit negara telah dikenali dipersada dunia dengan kepakaran negara dalam bidang kajian lemak sawit yang sememangnya diakui dalam dunia penyelidikan.

Malaysia hari ini telah menikmati hasil yang melimpah ruah daripada sumbangan industri sawit dari segi hasil pendapatan eksport serta sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Semua ini menjadi realiti kerana iltizam Kerajaan dan industri sawit dalam memastikan pematuhan sepenuhnya kepada peraturan dan perundangan domestik yang ketat, penghasilan inovasi melalui pengamalan teknologi tinggi di samping memenuhi piawaian yang ditetapkan industri dan alam sekitar bagi memastikan komoditi sawit yang dihasilkan adalah selamat, berkualiti tinggi dan tidak mengandungi kandungan lemak. Semua ini hanya mampu dicapai dengan strategi yang mampu memenuhi kehendak sosio ekonomi negara dalam pada itu komited dalam memastikan kemampanan dan kelestarian alam sekitar negara.

**“Minyak Sawit Negara, Pencapaian dan Kebanggaan Kita”**


---

Berbekalkan semangat yang tinggi serta menyukai cabaran mendorong Henri Fauconnier mengembara dan beliau tiba di Tanah Melayu pada tahun 1905 untuk menanam getah.

Beliau dikenang sebagai individu yang merubah penanaman sawit sebagai hobi kepada penanaman berbentuk komersial. Fauconnier dipilih sebagai Felo Kehormat Pertubuhan Peladang (penghargaan tertinggi yang diberikan oleh Pertubuhan) pada tahun 1969 atas jasa dan usaha yang dicurahkan kepada industri penanaman sawit di negara ini.

Beliau akhirnya menghembuskan nafas terakhir di selatan negara Perancis di usia 91 tahun pada 1973.

---



# INDUSTRI SAWIT MALAYSIA

Kelapa sawit (*Elaeis guineensis*) berasal dari Afrika Barat. Empat anak benih telah diperkenalkan di Taman Botani Bogor, Jawa, Indonesia pada tahun 1848, dan melalui Sumatera telah sampai ke Rantau Panjang, Kuala Selangor, Malaysia pada tahun 1911/12.

Penanaman awal sawit adalah sebagai tanaman hiasan di pinggir jalan. Yakin dengan potensi komersial sawit, Henri Fauconnier, seorang usahawan Perancis telah menubuhkan ladang sawit pertama di Malaysia pada tahun 1917 di Ladang Tennamaram, Batang Berjuntai, Selangor. Ladang ini merupakan asas kepada industri sawit Malaysia.

Bagi jangka 1917 - 2017, industri sawit telah berkembang daripada perladangan kepada pemprosesan, pengeluaran produk dan eksport yang telah menyumbang kepada ekonomi negara selama 100 tahun.



**1972**

Penubuhan Kementerian Perusahaan Utama (KPU).


**1970**

Sektor penapisan minyak sawit mula berkembang. Malaysia bergerak ke arah penghasilan barangan hiliran sawit.



**1917**

Henri Fauconnier, usahawan Perancis memulakan tanaman sawit secara komersial di Ladang Tennamaram, Batang Berjuntai, Selangor menggunakan bahan tanaman dari Rantau Panjang.



**1961**

Penubuhan Felda Taib Andak di Kulai, Johor merupakan skim pertama dengan tanaman sawit di bawah program pembasmian kemiskinan dan pempelbagaian tanaman. Penerima menikmati peningkatan pendapatan dan kualiti hidup yang lebih baik.



**1922**

Jabatan Pertanian memulakan penyelidikan sawit.



**1917-1950**

Industri sawit berkembang. Sime Darby, Guthrie, Socfin, United Plantations dan Harrison & Crosfield antara syarikat sawit di Malaysia.


## 1977

Penubuhan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA) yang berperanan menjalankan aktiviti kawal selia industri sawit.



## 1979

Penubuhan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) bagi menjalankan dalam semua aspek sawit.



## 1981

Kumbang pendebungaan (*Elaeidobius kamerunicus*) diperkenalkan dengan kesan meningkatkan kecekapan pendebungaan, peningkatan set buah dan hasil minyak.

## 1985

Permulaan sektor oleokimia berasaskan sawit. Pempelbagaian nilai tambah meningkatkan daya saing industri sawit.



## 2000

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) ditubuhkan, penggabungan PORIM dan PORLA.



## 2004

Kementerian Perusahaan Utama disusun semula menjadikan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

**ECONOMIC TRANSFORMATION PROGRAMME**


**B7**

## 2011

Pelaksanaan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Sawit dengan sasaran Pendapatan Negara Kasar (PNK) RM178 billion menjelang tahun 2020.

Pelaksanaan adunan 5 peratus bio bahan api berasas sawit dengan diesel petroleum (B5) yang dilaksanakan secara berperingkat ke seluruh negara dan ditingkatkan kepada 7% pada tahun 2015.

Pendapatan eksport minyak sawit dan produk keluaran tertinggi RM 83.26 bilion.



## 2006

Dasar Bio Bahan Api Negara diperkenalkan untuk menggunakan minyak sawit sebagai sumber bahan api boleh diperbaharui dan mesra alam.



## 1990

Penubuhan Majlis Promosi Minyak Sawit Malaysia (MPOPC) dan kemudiannya dinamakan MPOC bagi menangkis kempen anti minyak sawit di luar negara

## 2013

Penyelidikan genom menghasilkan penjujukan genom sawit diterbitkan dalam jurnal saintifik terkemuka di dunia, *Nature*.



## 2015

Pelaksanaan skim pensijilan Minyak Sawit Mampu Malaysia (MSPO).

Penubuhan Majlis Pensijil Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) untuk melaksanakan MSPO.

5.74 juta hektar tanaman sawit



453 kilang kelapa sawit

52 kilang penapis

45 kilang isirung sawit

20 kilang oleokimia

17 kilang biodiesel



4 juta

pekerja terlibat secara langsung dan tidak langsung.

600,000



pekebun kecil terlibat dalam penanaman sawit



## 2016

Minyak sawit dan produk keluarannya dipasarkan ke lebih 200 negara yang menjana pendapatan eksport RM67.6 bilion.



## 2017

Malaysia meraikan ulang tahun ke-100 industri sawit.

## PAMERAN *WORLD PALM PORTRAITS* DAN PELANCARAN DUIT SYILING PERINGATAN ULANG TAHUN INDUSTRI MINYAK SAWIT MALAYSIA KE-100

Pameran "*World Palm Portraits* bertemakan "Pengembaraan yang Menakjubkan" sempena menyambut ulang tahun kebangsaan yang ke-100 industri minyak sawit di Malaysia. Pameran tersebut telah di adakan dari 27 Julai 2017 hingga 27 Ogos 2017 bertempat di Sasana Kijang, Kuala Lumpur.

Pameran *World Palm Portraits* menjadi penanda aras kerjasama antara Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Bank Negara Malaysia. MPOC mengundang penghayat seni untuk menghayati foto-foto yang berkisarkan tanaman sawit ini.

Selain itu, turut dipamerkan adalah Duit Syiling 100 Tahun Industri Kelapa Sawit didalam bentuk replika dan duit syiling sebenar. Pada 27 Julai 2017, YB Datuk Seri Mah Siew Keong, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah melancarkan Duit Syiling Peringatan Ulang Tahun Industri Minyak Sawit Malaysia ke-100 di Muzium dan Galeri Seni, Bank Negara Malaysia, Sasana Kijang, Kuala Lumpur.

Foto-foto yang dipamerkan dalam pameran ini kebanyakannya telah memenangi pertandingan serta penyertaan terbaik daripada Pertandingan Fotografi "*World Palm Potraits*" MPOC bagi tahun 2013-2017. Koleksi menarik ini merangkumi foto-foto disebalik industri. Ia merungkai kisah sebenar tentang kecekelan, kegigihan dan harapan melalui raut wajah peladang, pemandangan yang menakjubkan serta hidupan liar sekaligus membuktikan bahawa minyak kelapa sawit telah mengubah kehidupan berjuta-juta penduduk. Ia memberikan masa hadapan manusia sejagat yang lebih baik dan bekalan makanan yang selamat untuk dunia.



“

**Saya mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM510 juta untuk Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil dan Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil bagi penghargaan sumbangan industri sawit dalam negara.**

”

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak  
Perdana Menteri Malaysia  
Ladang Tennamaram Bestari Jaya Selangor  
18 Mei 2017

# SAMBUTAN 100 TAHUN SAWIT- 18 MEI 2017 LADANG TENNAMARAM, BESTARI JAYA, SELANGOR

YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abd Razak, Perdana Menteri telah menyempurnakan Majlis Sambutan 100 Tahun Kegemilangan Industri Sawit Negara yang diadakan di Ladang Tennamaram, Bestari Jaya, Selangor pada 18 Mei 2017. Pada majlis berkenaan, YAB Perdana Menteri juga telah menyampaikan anugerah-anugerah khas seperti berikut:

- Anugerah Khas Pekebun Kecil;
- Anugerah Khas Skim Rancangan Sawit Kerajaan Pertama;
- Anugerah Khas Ladang Sawit Komersial Pertama;
- Anugerah Khas Pengasas Industri Sawit; dan
- Anugerah Tokoh Pembangunan Industri Sawit.



YB Datuk Seri Mah Siew Keong dan YB Datuk Datu Nasrun Bin Datu Mansur turut mengiringi YAB Perdana Menteri untuk melancarkan setem sambutan 100 Tahun Kegemilangan Industri Sawit Negara semasa majlis tersebut.



YB Menteri dan YB Timbalan Menteri turut mengiringi YAB Perdana Menteri semasa upacara penanaman anak pokok sawit semasa majlis perasmian tersebut.



Bersempena dengan sambutan 100 Tahun Kegemilangan Industri Sawit Negara, Bank Negara telah mengeluarkan syiling peringatan khas yang telah disempurnakan pelancarannya oleh YB Datuk Seri Mah Siew Keong pada 26 Julai 2017 di Sasana Kijang, Kuala Lumpur.









**100 Tahun  
Industri Sawit  
Kebanggaan Dan  
Pencapaian Kita...**

# HUBUNG JALIN RAKYAT

## Program Hello Komoditi

Program Hello Komoditi ini merupakan salah satu program turun padang Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC). Ia merupakan suatu medan pertemuan antara Kementerian, agensi dan pekebun-pekebun kecil untuk berkongsi pelbagai maklumat berkaitan inisiatif yang dilaksanakan pihak Kerajaan untuk memajukan sektor komoditi.

Program Hello Komoditi diadakan bertujuan untuk:

- Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat terutamanya para pekebun kecil dan usahawan berhubung dengan tanaman komoditi seperti sawit, getah, kayu kayan, koko, lada dan kenaf;
- Memberikan pendedahan kepada pekebun kecil mengenai bantuan dan insentif yang disediakan oleh MPIC dan agensi dalam usaha meningkatkan produktiviti pekebun kecil; dan
- Memberikan pendedahan kepada golongan belia mengenai peluang mengikuti latihan dalam sektor perladangan dan komoditi serta peluang keusahawanan berasaskan komoditi yang berpotensi untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat.

Program Hello Komoditi disasarkan kepada golongan belia, pekebun kecil, usahawan komoditi, penggiat industri komoditi dan masyarakat setempat. Aktiviti yang dijalankan semasa program meliputi seminar komoditi, pameran, kaunter khidmat nasihat, demonstrasi dan jualan produk komoditi.

Pada tahun 2017, sebanyak 2 siri Program Hello Komoditi telah dilaksanakan iaitu Hello Komoditi Teluk Intan pada 25 Mac 2017 bertempat di Dewan Bandaran, Teluk Intan, Perak dan juga Hello Komoditi Lahad Datu pada 21 Oktober 2017 bertempat di Felda Sahabat 16, Lahad Datu, Sabah. Program Hello Komoditi Teluk Intan ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Mah Siew Keong, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi manakala program Hello Komoditi Lahad Datu telah dirasmikan oleh YB Datuk Datu Nasrun Datu Mansur, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Program Hello Komoditi Teluk Intan pada 25 Mac 2017 bertempat di Dewan Bandaran, Teluk Intan, Perak



Program Hello Komoditi Felda Sahabat pada 21 Oktober 2017 di Dewan Semai Bakti, Desa Kencana, Felda Sahabat 16, Lahad Datu, Sabah



## Program Ekspresi FELDA Negaraku Malaysia 2017

MPIC dan juga agensi telah dijemput oleh pihak Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) untuk menyertai aktiviti pameran di Program Ekspresi Felda Negaraku Malaysia pada 21- 23 Julai 2017 bertempat di Dataran Persiaran Perdana, Presint 3, Putrajaya. Program ini telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Program Ekspresi Felda Negaraku Malaysia ini diadakan bersempena sambutan Hari Peneroka Felda yang merupakan acara tahunan bagi menghargai peranan peneroka dalam pembangunan tanah rancangan FELDA. Pengisian program adalah seperti karnival jualan murah, jualan makanan, jualan murah buah-buahan tempatan, pameran, selain program Transformasi Nasional.

Aktiviti pameran di Program Ekspresi Felda Negaraku Malaysia pada 21 – 23 Julai 2017 bertempat di Dataran Persiaran Perdana, Presint 3, Putrajaya.



## Program AGRI Malaysia 2017

MPIC dan juga agensi telah menyertai *Malaysia International Agriculture Technology Exhibition (AGRI MALAYSIA) 2017* pada 28 - 30 September 2017 bertempat di Setia City Convention Centre (SCCC), Shah Alam. Program ini juga telah dirasmikan oleh YB Menteri MPIC. Program AGRI Malaysia 2017 ini merupakan pameran yang diadakan khusus untuk usahawan sektor pertanian di Malaysia meneroka peluang perniagaan di pasaran tempatan dan pasaran antarabangsa



## “Success Story Screening”

“Success Story Screening” di Golden Screen Cinema, Putrajaya merupakan satu tayangan video tentang kisah benar seorang peniaga yang berjaya menghadapi pelbagai cabaran dalam mengusahakan perniagaan.

Sesi tayangan kisah Penjaja Kecil Cina (Success Story Screening) bertempat di “Success Story Screening” di Golden Screen Cinema, Putrajaya



## Mini Karnival Makanan

Program seperti *“Mini Food Carnival”* di Pulau Pinang, Karnival Makanan di Teluk Intan dan Majlis *“Best of Malaysia”* di Johor Bahru adalah bertujuan untuk menjana peluang perniagaan tempatan. Pelbagai jenis juadah telah diperkenalkan oleh peniaga tempatan dan aktiviti jualan dijana untuk para peniaga mengaut keuntungan melalui penganjuran aktiviti tersebut.

*“Mini Food Carnival”* di Pulau Pinang



Karnival Makanan di Teluk Intan



Majlis *“Best of Malaysia”* di Johor Bahru





A photograph of a palm tree plantation. The scene is filled with tall palm trees, their fronds creating a dense canopy. Sunlight filters through the leaves, casting long, dark shadows on the ground. The ground is covered in dry palm fronds and soil. The overall atmosphere is serene and natural.

**Kalau tak dipecahkan  
ruyung manakan  
dapat sagunya**



# PENCAPAIAN SEKTOR KOMODITI TAHUN 2017

## Pendapatan Eksport Sektor AgriKomoditi




Pada tahun **2017**, sektor agrikomoditi telah mencatatkan jumlah nilai dagangan sebanyak **RM179.8 bilion**, peningkatan **16.3%** berbanding RM154.6 bilion yang direkodkan pada tahun 2016.

Sektor komoditi masih lagi kekal sebagai **net exporter** yang **terbesar** dengan merekodkan imbangan dagangan sebanyak **RM100.8 bilion** berbanding sektor-sektor lain seperti elektrik dan elektronik sebanyak **RM90.1 bilion** serta petroleum dan gas sebanyak **RM36 bilion**.

Jumlah pendapatan eksport pada tahun **2017** adalah sebanyak **RM140.3 bilion** atau **15%** daripada keseluruhan pendapatan eksport negara. Nilai ini adalah peningkatan sebanyak **14.4%** berbanding RM122.6 bilion yang direkodkan pada tahun 2016.

Antara rakan dagangan utama dalam pengeksportan produk-produk komoditi pada tahun 2017 adalah seperti berikut:





### Rakan dagangan utama eksport produk-produk komoditi tahun 2017

#### Prestasi Perdagangan Sektor Komoditi

	Sawit	Getah	Kayu Kayan	Koko	Tembakau	Lada
Ekspori	RM77.8 bilion ▲ 14.6%	RM32.3 bilion ▲ 30.2%	RM23.3 bilion ▲ 5.0%	RM5.6 bilion ▼ 3.0%	RM1.1 bilion ▼ 29.8%	RM308.9 juta ▼ 37.0%
Import	RM6.9 bilion ▲ 30.9%	RM19.7 bilion ▲ 33.7%	RM4.7 bilion ▲ 20.8%	RM4.4 bilion ▲ 2.4%	RM1.1 bilion ▼ 36.4%	RM76.7 juta ▼ 44.7%

#### Eksport Komoditi Ke Negara Utama

Kesatuan Eropah	Republik Rakyat China	Amerika Syarikat	Jepun	India
2017 : RM20.1 bilion 2016 : RM18.3 bilion ▲ 9.6%	2017 : RM19.1 bilion 2016 : RM15.0 bilion ▲ 27.2%	2017 : RM15.1 bilion 2016 : RM13.0 bilion ▲ 16.0%	2017 : RM9.6 bilion 2016 : RM8.7 bilion ▲ 10.2%	2017 : RM9.2 bilion 2016 : RM10.2 bilion ▼ -10.1%

Jumlah Perdagangan  
**RM179.8 bilion**  
▲ 16.3%

Imbangan Dagangan  
**RM100.8 bilion**  
▲ 11.3%  
15% Kepada Eksport Negara


Jumlah Eksport Produk Komoditi  
**RM140.3 bilion**  
▲ 14.4%  
4.7% Kepada Import Negara

Jumlah Import Produk Komoditi  
**RM39.5 bilion**  
▲ 23.3%

## Sumbangan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Pada tahun 2017, sektor komoditi yang meliputi aktiviti di peringkat hulu (*upstream*) dan hiliran (*downstream*) telah merekodkan jumlah KDNK sebanyak RM90.4 bilion, peningkatan sebanyak 10.1% berbanding tempoh tahun 2016. Ia turut menyumbang sebanyak 7.7% kepada jumlah keseluruhan KDNK negara.

## Prestasi komoditi Kepada KDNK Negara



Menyumbang 7.7  
kepada KDNK Negara  
(Hulu + Hiliran)

Sawit



**RM55.9 bilion**  
(4.8%)

Getah



**RM14.7 bilion**  
(1.3%)

Kayu Kayan



**RM14.1 bilion**  
(1.2%)

Koko



**RM1.5 bilion**  
(0.1%)


Lada



**RM638 juta**  
(0.1%)

Sektor pertanian mencatatkan nilai KDNK sebanyak RM95.9 bilion pada tahun 2017. Daripada jumlah ini, subsektor sawit di peringkat hulu merupakan penyumbang terbesar dengan nilai sebanyak RM44.7 bilion atau 46.6%. Subsektor getah pula mencatatkan nilai sebanyak RM7 bilion (7.3%) manakala subsektor pembalakan dan perhutanan menyumbang sebanyak RM5.4 bilion (5.7%).

## Subsektor Sawit Di Peringkat Hulu



Sektor pembuatan pula merekodkan nilai KDNK sebanyak RM270 bilion pada tahun 2017. Industri berasaskan sawit di peringkat hiliran menyumbang sebanyak RM11.2 bilion atau 4.2%. Industri berasaskan kayu-kayan dan getah pula masing-masing sebanyak RM8.7 bilion (3.2%) dan RM7.8 bilion (2.9%).

## Sektor Pembuatan




**Nilai KDNK**  
**RM270 bilion**

Industri berasaskan sawit di peringkat hiliran menyumbang sebanyak **RM11.2 bilion** atau **4.2%**

## Keluasan Tanaman Agri Komoditi

Pada tahun 2017, keluasan tanaman agrikomoditi ialah 7 juta hektar. Jumlah keluasan ini adalah 63.9% daripada jumlah keseluruhan guna tanah pertanian negara yang dianggarkan seluas 10.94 juta hektar dan 21.2% daripada jumlah keseluruhan guna tanah negara iaitu seluas 33.03 juta hektar.



## Statistik Pekebun Kecil Persendirian Mengikut Komoditi

Pada tahun 2017, jumlah pekebun kecil persendirian yang terlibat dalam mengusahakan tanaman agrikomoditi adalah seramai 762,912 orang.

Negeri	Sawit	Getah <sup>2</sup>	Koko	Lada	Kenaf <sup>3</sup>	Jumlah
Johor	83,544	24,406	275	94	4	108,323
Kedah	6,687	59,805	88	16	45	66,641
Kelantan	1,989	62,705	514	3	114	65,325
Melaka	3,615	9,286	21	2	-	12,924
N. Sembilan	5,522	27,911	44	1	-	33,478
Pahang	13,934	44,750	880	3	248	59,815
Perak	46,205	36,913	867	22	3	84,010
Perlis	37	3,237	40	1	104	3,419
P. Pinang	4,069	1,110	31	3	2	5,215
Selangor	26,616	6,770	108	13	-	33,507
Terengganu	3,960	18,334	40	14	125	22,473
Wilayah Persekutuan <sup>1</sup>	1,369	1,282	-	3	-	2,654
Semenanjung Malaysia	197,547	296,509	2,908	175	645	497,784
Sabah	40,717	55,978	5,241	157	-	102,093
Sarawak	59,597	81,468	5,577	16,393	-	163,035
<b>Jumlah</b>	<b>297,861</b>	<b>433,955</b>	<b>13,726</b>	<b>16,725</b>	<b>645</b>	<b>762,912</b>

Sumber: Pangkalan Data Pekebun Kecil (PDPK), MPIC

<sup>1</sup> Termasuk WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya dan WP Labuan

<sup>2</sup> Pekebun kecil persendirian yang berdaftar di bawah Permit Autoriti Transaksi Getah (PAT-G)

<sup>3</sup> Tidak termasuk syarikat swasta

## Statistik Keluasan Tanaman Pekebun Kecil Persendirian Mengikut Komoditi

Pada tahun 2017, jumlah keluasan tanaman pekebun kecil persendirian yang terlibat dalam mengusahakan tanaman komoditi adalah seluas 1.91 juta hektar atau 27.4% daripada jumlah keluasan tanaman keseluruhan komoditi.

Negeri	Sawit	Getah <sup>2</sup>	Koko	Lada	Kenaf <sup>3</sup>	Jumlah
Johor	223,087	52,479	353	47	15	275,981
Kedah	27,057	106,036	58	11	114	133,277
Kelantan	5,971	125,915	486	3	392	132,767
Melaka	12,663	17,733	21	-	-	30,416
N. Sembilan	26,128	61,640	61	1	-	87,829
Pahang	51,390	96,572	1,358	5	321	149,646
Perak	123,543	64,652	576	10	7	188,787
Perlis	90	7,184	20	-	314	7,608
P. Pinang	9,308	1,059	21	-	-	10,388
Selangor	46,340	7,439	87	1	-	53,867
Terengganu	12,922	38,167	21	14	300	51,424
Wilayah Persekutuan <sup>1</sup>	3	9	-	-	-	12
Semenanjung Malaysia	538,502	578,886	3,060	93	1,462	1,122,003
Sabah	220,208	174,724	6,760	23	-	401,715
Sarawak	220,405	158,266	6,819	3,247	-	388,737
<b>Jumlah</b>	<b>979,116</b>	<b>911,876</b>	<b>16,639</b>	<b>3,363</b>	<b>1,462</b>	<b>1,912,455</b>

Sumber: Pangkalan Data Pekebun Kecil (PDPK), MPIC

<sup>1</sup> Termasuk WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya dan WP Labuan

<sup>2</sup> Pekebun kecil persendirian yang berdaftar di bawah Permit Autoriti Transaksi Getah (PAT-G)

<sup>3</sup> Tidak termasuk syarikat swasta

# KOMODITI SAWIT





## Prestasi Komoditi Sawit

Industri minyak sawit negara pada tahun 2017 telah mencatatkan prestasi lebih baik berbanding 2016. Pengeluaran minyak sawit Malaysia bagi tahun 2017, telah meningkat sebanyak 15.0% kepada 19.92 juta tan berbanding 17.32 juta tan pada tahun 2016. Harga Minyak Sawit Mentah (CPO) pada tahun 2017 mengalami *trend* kemerosotan iaitu dari paras tertinggi RM3,268.00 satu tan pada bulan Januari 2017 kepada terendah iaitu RM2,402.00 satu tan pada bulan Disember 2017.

Walaupun bagaimanapun, purata harga CPO bagi tahun 2017 meningkat kepada RM2,783.00 satu tan berbanding RM2,653.00 pada tahun 2016. Pendapatan eksport minyak sawit dan produk-produk berasaskan sawit pada tahun 2017 juga


mencatatkan peningkatan sebanyak RM9.9 bilion kepada RM77.8 bilion berbanding RM67.9 bilion pada tahun 2016.

Kesatuan Eropah (EU) muncul sebagai negara pasaran utama minyak sawit dan produk berasaskan sawit Malaysia pada tahun 2017 dengan jumlah eksport sebanyak 3.4 juta tan atau 14.2% daripada jumlah keseluruhan eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit negara pada 2017, diikuti oleh China sebanyak 2.9 juta tan (12.1%) dan India sebanyak 2.3 juta tan (9.2%).




Stok akhir minyak sawit pada **Disember 2017** pula telah **meningkat** sebanyak **1.07 juta tan (63.9%)** kepada **2.73 juta tan** berbanding 1.67 juta tan pada Disember 2016.

**Keluasan Kawasan Tanaman Kelapa Sawit Mengikut Kategori**



- 3.54 Juta Hektar (61.0%)
- 0.17 Juta Hektar (2.9%)
- 0.70 Juta Hektar (12.1%)
- 0.35 Juta Hektar (6.0%)
- 0.17 Juta Hektar (2.9%)
- 0.98 Juta Hektar (16.9%)

**Nilai Eksport Produk Kelapa Sawit 2017 (Export Value Of Palm Products, 2017)**



- RM46.75 Bilion (61.0%)
- RM5.50 Bilion (7.5%)
- RM5.65 Bilion (7.5%)
- RM20.00 Bilion (26.0%)

**Pasaran Utama Minyak Sawit Negara**



## Pertandingan Mekanisasi Ladang Sawit Antarabangsa (ICOMP 2017)



Sidang media YB Menteri sempena pelancaran pertandingan Mekanisasi Ladang Sawit Antarabangsa atau *International Competition on Oil Palm Mechanisation (ICOMP)* di MPIC

Pertandingan Mekanisasi Ladang Sawit Antarabangsa atau *International Competition on Oil Palm Mechanisation (ICOMP)* anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menawarkan AS\$1 juta sebagai hadiah utama kepada pemenang terbaik keseluruhan. Tujuan pertandingan ICOMP ini adalah menyediakan platform mencari inovasi baharu bernilai tinggi bagi sektor perladangan kelapa sawit selain bertujuan mengetengahkan penggunaan mekanisasi dalam bidang itu. Sebanyak 57 penyertaan termasuk dari Jepun, Korea Selatan, China dan India mengambil bahagian dalam pertandingan ini.

ICOMP yang dianjurkan sejak 2014, muncul untuk kali ketiga pada tahun 2017 sebagai kesinambungan usaha meningkatkan tahap mekanisasi ladang sawit di Malaysia. ICOMP 3 dianjurkan sempena sambutan 100 tahun industri sawit Malaysia tahun 2017

ICOMP merupakan satu cabaran kepada pencipta inovasi dan teknologi seluruh dunia untuk menghasilkan jentera yang boleh diguna pakai di ladang sawit untuk meningkatkan produktiviti pekerja. Ianya menyangga komitmen MPOB dalam

membentuk industri sawit sebagai satu sektor yang hijau, moden dan mampan.

ICOMP 3 bertujuan untuk mencari inovasi yang praktikal, efektif kos dan berdaya maju dalam memantapkan operasi ladang di sektor sawit. Ia dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu teknologi penuaian, kutipan buah lerai dan pengangkutan/pemindahan buah tandan segar (BTS).

Di bawah kategori teknologi penuaian, peserta dikehendaki menghasilkan alat yang mampu menuai BTS secara efisien dan efektif daripada pokok pelbagai ketinggian antara tiga hingga 15 meter. Hadiah tunai untuk kategori ini adalah AS\$25,000 (Pertama); AS\$15,000 (Kedua), dan AS\$10,000 untuk tempat ketiga.

Pertandingan ini yang menawarkan hadiah utama sebanyak USD 1 juta telah dibuka pada 12 Februari 2017 diadakan bertujuan untuk merevolusikan mekanisasi dalam industri sawit bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh dan menurunkan kos pengeluaran.





YB Datuk Seri Mah Siew Keong semasa berucap merasmikan sesi konsultasi *The Way Forward For Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Certification*

## Sesi Konsultasi *The Way Forward For Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Certification*

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah mengadakan Sesi Konsultasi *The Way Forward For Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Certification* pada 16 Februari 2017 di Hotel Marriott, Putrajaya. Majlis telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Mah Siew Keong, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Sesi konsultasi ini bertujuan antara lainnya untuk memaklumkan cadangan menjadikan pensijilan MSPO mandatori, mendapatkan maklumbalas daripada pelbagai pemegang taruh berhubung cadangan tersebut dan pembentangan pelan tindakan pelaksanaan mandatori Pensijilan MSPO.

Program selama satu hari ini meliputi pembentangan lima (5) kertas kerja berkaitan halatuju MSPO, pelan tindakan MSPO, penerimaan dan pengiktirafan MSPO di peringkat antarabangsa serta perkongsian pengalaman berhubung pensijilan MSPO di kalangan pekebun kecil. Sesi ini telah dihadiri oleh 86 orang

peserta yang terdiri daripada pelbagai pemegang taruh seperti agensi kerajaan, industri, persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan (*Non-Governmental Organisations – NGOs*) berkaitan sawit.

Para peserta telah mencadangkan penetapan *timeline* bagi pelaksanaan mandatori MSPO dan pelaksanaan secara berperingkat mengikut kategori syarikat perladangan utama, syarikat perladangan saiz kecil dan sederhana, pekebun kecil terancang dan pekebun kecil bebas. Di dalam sesi konsultasi ini juga, para peserta menekankan pentingnya MSPO mendapatkan penerimaan dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa melalui kaedah *Government to Government* dan juga *Government to Business*. Ini bagi memastikan minyak sawit yang dipersijilkan MSPO dapat diterima dan dieksport ke pasaran-pasaran antarabangsa yang menitikberatkan minyak sawit dihasilkan secara mampan.

Berdasarkan kepada input dan maklumbalas yang diperolehi semasa sesi konsultasi tersebut, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi bersama-sama dengan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) telah menetapkan halatuju pelaksanaan mandatori MSPO secara berperingkat seperti berikut:

i. Syarikat-syarikat perladangan dan kilang-kilang pemprosesan sawit yang telah pun dipersijilkan RSPO, memperolehi pensijilan MSPO selewat-lewatnya pada 31 Disember 2018;

ii. Syarikat-syarikat perladangan dan kilang-kilang pemprosesan sawit yang tidak dipersijilkan di bawah RSPO perlu mendapatkan pensijilan MSPO selewat-lewatnya pada 30 Jun 2019; dan

iii. Pekebun kecil sawit perlu mendapatkan pensijilan MSPO selewat-lewatnya pada 31 Disember 2019.

Sesi Konsultasi *The Way Forward For Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Certification* ini sesungguhnya telah berjaya mencapai objektif penganjurannya dan telah memberikan input yang bermanfaat yang dapat digunakan untuk memperkukuhkan lagi pelaksanaan pensijilan mampan industri sawit negara.



Gambar di sekitar Sesi Konsultasi *The Way Forward For Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Certification*

## Taklimat Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO)

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) bersama dengan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) telah mengadakan Taklimat Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO) pada 29 April 2017 bertempat di Hotel Grand Court, Teluk Intan, Perak. Taklimat ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Mah Siew Keong, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Taklimat ini merupakan program turun padang MPIC bersama agensi yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat, terutamanya para pekebun kecil dan pengusaha sawit berhubung Skim Pensijilan MSPO. Sesi taklimat tersebut yang julung kali diadakan di Teluk Intan telah dihadiri oleh lebih 200 peserta yang kebanyakannya terdiri daripada pekebun-pekebun kecil sawit dan pengusaha-pengusaha ladang sawit bersaiz kecil dan sederhana di sekitar Teluk Intan.



YB Datuk Seri Mah Siew Keong bersama para peserta Taklimat Skim Pensijilan MSPO

Taklimat ini juga membuka peluang kepada para peserta untuk berdialog bersama panel-panel yang membuat pembentangan bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai skim pensijilan MSPO. Selain itu, kaunter pendaftaran juga disediakan bagi memudahkan para peserta yang ingin terus memohon untuk mendapatkan pensijilan MSPO.

### Produk Hiliran Sawit



### R&D Sawit



### Reach And Remind

The 8th Edition of Reach & Remind, Friends of the Industry Seminar 2017 & Dialogue telah diadakan di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur. Majlis ini dihadiri oleh YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) serta Ketua Setiausaha MPIC, Pengerusi MPOB dan ketua-ketua agensi di bawah MPIC.

Pada majlis ini juga turut diadakan Majlis Pra Pelancaran Sambutan 100 Tahun Kegemilangan Industri Sawit Malaysia. Pada majlis ini menyaksikan pelancaran rasmi logo 100 Tahun Kegemilangan Industri Sawit, Pertandingan Fotografi Sawit dan Pertandingan Dalam Talian (*Online Contest*).



## Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2017



## Lawatan Menteri ke Premium Food Corporation



## Seminar Pemindahan Teknologi (TOT'S)



## First Palm Oil Conference di Glenmarie



## Anugerah Kepimpinan Industri Minyak Sawit (PILA) 2017, Kuala Lumpur

Tahun 2017 merupakan detik bersejarah di mana negara menyambut ulangtahun ke 100 kegemilangan industri sawit negara. Sehubungan dengan itu, Anugerah Kepimpinan Industri Minyak Sawit (PILA) 2017 cukup istimewa dengan kehadiran YAB Timbalan Perdana Menteri (TPM) sebagai tetamu kehormat seterusnya menyampaikan anugerah kepada pemenang-pemenang bagi peneraju industry sawit negara.

Dalam majlis yang sama, YAB TPM telah menyampaikan anugerah kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia, Tan Sri Dr. Yusof Basiron sebagai penerima PILA dan turut menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Seumur Hidup Industri Kelapa Sawit kepada Ketua Pegawai Operasi (Sektor Perladangan) Felda Global Ventures, S. Palaniappan.



YAB Timbalan Perdana Menteri hadir bagi menyampaikan anugerah sempena Majlis Anugerah Kepimpinan Industri Minyak Sawit (PILA) 2017 di Kuala Lumpur

## Majlis Pelancaran Dan Perasmian Sistem Pra-pembersihan Bahan Makanan Ternakan

YB Datuk Seri Mah Siew Keong, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah melancar dan merasmikan sistem pra-pembersihan bahan makanan ternakan dan produk premium PURAFEX yang dihasilkan di Kilang Kernel Crushing milik Sime Darby Plantation Sdn Bhd yang terletak di Pulau Carey, Selangor.

Sistem pra-pembersihan bahan makanan ternakan dibangunkan dengan teknologi dan kerjasama antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Sime Darby Plantation Sdn Bhd serta telah beroperasi pada 14 Oktober 2016. Teknologi yang dibangunkan membolehkan bahan makanan ternakan bagi industri penternakan ayam dan akuakultur terhasil.

*Industry palm kernel oil* (PKO) selama ini berperanan sebagai pendokong kepada sektor pengeluaran bahan makanan ternakan. Melalui PKO juga menghasilkan produk sampingan yang dikenali sebagai *palm kernel cake* (PKC) yang telah digunakan oleh pihak industri sebagai salah satu komponen dalam menghasilkan bahan makanan ternakan untuk kegunaan dalam sektor penternakan. Terdapat sebanyak 45 kilang seumpama ini beroperasi di Malaysia. Pada tahun 2016, Malaysia telah

menghasilkan 2.17 juta tan PKC. Melalui kajian yang dijalankan oleh MPOB, penggunaan palm kernel cake (PKC) dalam sektor penternakan ayam mampu mencapai sehingga 25% manakala 80% bagi sektor penternakan lembu.

Kualiti ternakan ayam terbukti lebih sihat dan kadar kandungan lemak yang lebih rendah dengan pemberian bahan makanan ternakan yang mengandungi (PKC). Di samping itu, kadar kematian (*mortality rate*) yang dicatatkan oleh sektor penternakan ayam adalah di bawah 3% di mana lebih rendah daripada paras industri iaitu sekitar 4 hingga 5 %.

Namun begitu, cabaran yang dihadapi oleh industri penternakan di Malaysia adalah kos pengeluaran yang perlu ditanggung. Secara umum, bahan makanan ternakan mewakili 25% daripada jumlah kos pengeluaran industri penternakan. Keadaan ini lebih ketara terutamanya kepada sektor penternakan ayam. Pada masa kini, negara terpaksa import bahan makan ternakan yang mengandungi bijirin daripada Argentina dan Brazil masing-masing bernilai 415 juta AS Dolar dan 321 juta AS Dolar yang dicatatkan pada tahun 2015.



YB Menteri merasmikan sistem pra-pembersihan bahan makanan ternakan dan produk premium PURAFEX yang dihasilkan di Kilang Kernel Crushing milik Sime Darby Plantation Sdn Bhd di Pulau Carey, Selangor

## Misi Ekonomi Teknikal Dan Promosi Sawit

### Misi Ekonomi dan Teknikal Komoditi Sawit, Kayu Kayan dan Getah ke Iran dan India, 5-9 Februari 2017

YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah mengetuai Misi Ekonomi dan Teknikal Komoditi Sawit, Kayu Kayan dan Getah ke Iran dan India dari 5 hingga 9 Februari 2017. Misi ini bertujuan mempromosi dan mengukuhkan eksport minyak sawit, produk kayu dan getah ke Iran dan India serta memantapkan hubungan perniagaan antara sektor swasta kedua-dua negara dengan Malaysia. Antara tumpuan yang diberikan semasa misi tersebut termasuk keselamatan dan faedah pemakanan minyak sawit dan beberapa bidang kerjasama bagi mengukuhkan dagangan dua hala.



Misi Ekonomi dan Teknikal Komoditi Sawit, Kayu dan Getah ke Iran dan India yang diketuai oleh YB Datuk Seri Mah Siew Keong, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

### Misi Ekonomi dan Promosi Sawit dan Getah ke Republik Rakyat China 3-6 Mei 2017

Misi yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri MPIC telah berjaya memupuk hubungan dan kerjasama dua hala dalam industri minyak sawit dan getah di antara kedua-dua negara. Semasa misi ini, YBM turut menghadiri Palm Oil Trade and Seminar (POTS) dan *Fifth Palm Oil Health and Nutrition Forum and International Glove Seminar*.



Misi Ekonomi dan Promosi sawit dan Getah ke Republik Rakyat China yang diketuai oleh YB Datuk Datu Nasrun Datu Mansur, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

YB Timbalan Menteri MPIC turut menyaksikan upacara menandatangani Memorandum Persefahaman di antara *Palm Oil Industry Cluster (POIC)* Lahad Datu dengan Tangshan Chunhua Grain & Oil Group Co., Ltd. Dalam meningkatkan perdagangan dan pelaburan di dalam aktiviti berkaitan industri sawit.

### Misi Ekonomi dan Promosi Sawit ke Kesatuan Eropah, 10-13 Jun 2017

Kesatuan Eropah (European Union - EU) merupakan destinasi utama eksport minyak sawit dan produk-produk sawit. Misi ini bertujuan untuk menyatakan pendirian negara terhadap Resolusi Parlimen EU mengenai *Palm Oil And Deforestation Of Rainforests* serta memberi informasi mengenai pengeluaran mampan sawit negara. Misi ni melibatkan beberapa siri mesyuarat dan perbincangan delegasi Malaysia dengan Kerajaan di EU, penggiat industri dan juga Badan Bukan Kerajaan (NGO). Misi ini telah berjaya mengeratkan jaringan



Misi Ekonomi dan Promosi Sawit ke Kesatuan Eropah yang diketuai oleh YB Datuk Seri Mah Siew Keong, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi



hubungan dengan pihak-pihak berkepentingan di Kesatuan Eropah. Selain itu, Misi ini turut membincangkan kempen pelabelan “No Palm Oil” ke atas produk pengguna serta menzahirkan kebimbangan Malaysia terhadap kempen-kempen anti minyak sawit.

### Misi Ekonomi dan Promosi Sawit dan Getah ke Filipina, 18-20 Julai 2017

YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi juga mengadakan perbincangan dua hala dengan TYT Alfonso G. Cusi, Setiausaha Tenaga, Republik Filipina dan sesi dialog bersama Ketua Pegawai Eksekutif syarikat pengimport minyak sawit dan Komuniti Perniagaan Malaysia di Republik Filipina. Misi telah berjaya memperkukuhkan pasaran minyak sawit dan produk-produk sawit Malaysia di Republik Filipina yang merupakan salah satu pasaran yang berpotensi tinggi untuk minyak sawit. Sektor swasta Malaysia juga meneroka peluang-peluang pelaburan di samping memperkukuhkan jaringan perdagangan.



Perbincangan antara YB Datuk Seri Mah Siew Keong bersama TYT Alfonso G. Cusi, Setiausaha Tenaga (kanan) dan Ramon M. Lopez, Setiausaha Perdagangan (kiri), Republik Filipina semasa Misi Ekonomi dan Promosi Sawit dan Getah ke Filipina pada 18 hingga 20 Julai 2017

### Sesi Taklimat Mengenai Pembangunan Industri Sawit Malaysia Kepada Duta-Duta Dari Negara-Negara Kesatuan Eropah Di MPIC

YB Datuk Seri Mah Siew Keong telah mengadakan perjumpaan bersama Duta-Duta dari negara-negara Kesatuan Eropah di Malaysia pada 20 Januari 2017 di Putrajaya bagi membincangkan isu berkaitan amalan kemampanan dalam industri sawit Malaysia. Seramai 15 Duta telah hadir ke perjumpaan dan sesi dialog ini. Perjumpaan ini berjaya memberi kefahaman yang lebih jelas berkenaan amalan dan usaha Malaysia dalam memastikan minyak sawit negara mampan dan mesra alam serta selaras dengan permintaan pasaran global terhadap minyak sawit mampan.



YB Datuk Seri Mah Siew Keong beramah mesra dengan Duta-duta dari Negara-negara Kesatuan Eropah



Bergambar kenangan YB Menteri Perusahaan Perladangan Dan Komoditi bersama Duta-Duta Dari Negara-Negara Kesatuan Eropah ke Malaysia

### ***Inaugural Ministerial Meeting Of Palm Oil Producing Countries Di Bali, Indonesia, 1-3 November 2017***

*Inaugural Ministerial Meeting of Palm Oil Producing Countries* (IMMPOPC) telah diadakan di Bali, Indonesia dari 1 hingga 3 November 2017. IMMPPC bertujuan untuk mendapatkan penglibatan dan sokongan lain-lain negara penanam sawit untuk menjadi ahli CPOPC. Antara negara penanam sawit yang hadir pada mesyuarat tersebut adalah Thailand, Columbia, Papua New Guinea, dan Guatemala. CPOPC merupakan satu platform bagi negara-negara sawit bekerjasama serta mempunyai satu pendirian dan suara terhadap isu-isu yang berkaitan industri sawit.



Bergambar kenangan bersama wakil-wakil negara pengeluar sawit semasa *Inaugural Ministerial Meeting Of Palm Oil Producing Countries* Di Bali, Indonesia yang telah diadakan pada 1-3 November 2017

### ***Persidangan Global India 2017 Di Mumbai, India 13-15 September 2017***

YB Datuk Seri Mah Siew Keong, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah dijemput untuk memberi ucapan sempena Persidangan Globoil India 2017 pada 14 September 2017 bertempat di Renaissance Mumbai Convention Centre Hotel, Mumbai, India. YB Menteri juga turut mengadakan perbincangan dua hala dengan TYT Suresh Prabhu, Menteri Perdagangan dan Perindustrian India, TYT Gajendra Singh Shekhawat, Menteri Pertanian India, dan TYT Kolonel Rajyavardhan Singh Rathore, Menteri Belia dan Sukan India pada 13 September 2017 di New Delhi, India. Semasa di India, YB Menteri turut mempromosikan persijilan *Malaysia Sustainable Palm Oil* (MSPO) untuk meningkatkan imej Malaysia sebagai pengeluar minyak sawit mampan dunia.



YB Datuk Seri Mah Siew Keong menyampaikan ucapan di Persidangan Globoil India 2017 di Mumbai, India



YB Datuk Seri Mah Siew Keong mengadakan perbincangan dua hala dengan TYT Suresh Prabhu, Menteri Perdagangan dan Perindustrian India

# BIOBAHAN API

## Pelaksanaan Program B5

Mesyuarat Ke-8 Jawatankuasa Kabinet mengenai Daya Saing Minyak Sawit (*Cabinet Committee on Competitiveness of Palm Oil – CCPO*) pada 12 Januari 2010 telah memutuskan bahawa program mandatori B5 (adunan 5% biodiesel sawit dengan 95% diesel petroleum) dilaksanakan bagi sektor bersubsidi di Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan dan Melaka bermula Jun 2011 secara berfasa.

Sektor bersubsidi merangkumi perikanan, *fleet card* dan tangki skid bagi pengangkutan darat telah menggunakan B5 sepenuhnya mulai 20 Februari 2012. Hasrat Kerajaan adalah untuk mencapai penggunaan biodiesel sawit sebanyak 500,000 tan setahun melalui pelaksanaan Program B5 merangkumi kedua-dua sektor bersubsidi dan tidak bersubsidi (industri dan janakuasa).

Seluruh sektor bersubsidi di Wilayah Selatan (Johor) telah menyertai Program B5 mulai 22 Julai 2013. Perjalanan Program B5 bagi Semenanjung Malaysia telah disempurnakan pada Mac 2014 dengan pelaksanaannya di Wilayah Timur yang meliputi Pahang, Terengganu dan Kelantan serta di Wilayah Utara yang meliputi Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.


## Pelaksanaan Program B7

Setelah meneliti dan memperhalusi hasil konsultasi yang dijalankan dengan pihak-pihak berkepentingan berhubung B7, MPIC dan MPOB mendapati bahawa tidak timbul halangan yang ketara dalam pelaksanaan

Program B7. Sehubungan dengan itu, Kerajaan pada 17 Oktober 2014 telah bersetuju supaya Program B5 ditingkatkan kepada B7 secara berfasa melibatkan sektor bersubsidi. Pelaksanaannya telah dimulakan di Semenanjung pada November 2014 dan diikuti dengan Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan mulai Disember 2014. Pelaksanaan Program B7 bagi sektor bersubsidi akan membantu meningkatkan keperluan biodiesel sawit sebanyak 576,000 tan setahun.

## Pelaksanaan Program B10



Bagi pelaksanaan Program B10, MPIC dan MPOB telah mengadakan beberapa siri perbincangan / konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan dalam sektor automotif termasuk Japan Automobile Manufacturers Association (JAMA) dan Malaysian Automotive Association (MAA), Federation of Malaysia Manufacturers (FMM), Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk meneliti kesesuaian penggunaan B10 dalam sektor berkenaan. Susulan itu, YBM pada 27 Mei 2016 telah membentangkan di Kabinet cadangan untuk meningkatkan program B7 ke B10 di mana Kabinet telah bersetuju dengan cadangan pengurangan GHG melalui program B10. Walau bagaimanapun, program B10 terpaksa ditangguhkan buat masa ini berikutan terdapat perbezaan ketara antara harga minyak fosil dan minyak sawit mentah. Perbincangan dan sesi konsultansi yang telah berlangsung sepanjang 2017 adalah seperti berikut:





### Antara Aktiviti / Konsultasi Pelaksanaan Program B10 Tahun 2017

Jan 2017	Program Ekspedisi 4x4 menggunakan B10	Teluk Intan, Perak
Mac 2017	Ekspedisi Trans-Borneo B10	Belaga, Sarawak ke Kundasang, Sabah
Jun 2017	Sesi Konsultasi dengan Malaysia Automotive Institute (MAI)/Malaysia Automotive Association (MAA /Pengeluar Injektor Bahan Bakar	MAI, Cyberjaya
Oktober 2017	Pelancaran pengujian B10 dengan kerjasama Felda Transport Services	Felda Transport Services Sdn Bhd, Port Klang



## Aktiviti Pengujian Keberkesanan Minyak B10 Dan Lawatan Kerja

Sepanjang 2017, aktiviti-aktiviti pengujian B10 dan lawatan kerja telah dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak dan turut melibatkan pengurusan tertinggi kementerian. Antaranya:



YB Menteri melancarkan (Flag Off) Ekspedisi 4x4 menggunakan B10 pada 8 Januari 2017



YB Timbalan Menteri melancarkan Ekspedisi Trans-Borneo B10 pada 2 Mac 2017

## Pelesenan Biobahan Api

Bagi mengawalselia perjalanan industri biobahan api negara, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta 666, MPIC telah dipertanggungjawabkan untuk memproses 4 kategori permohonan lesen biobahan api iaitu pengeluaran, perdagangan, perkhidmatan dan pengangkutan yang lengkap untuk pertimbangan Jawatankuasa Pelesenan Biobahan Api MPIC. Jawatankuasa yang dijadualkan untuk bersidang 3 kali setahun (setiap 4 bulan) telah memproses dan memperakukan 15 permohonan baru dan 29 permohonan pembaharuan lesen biobahan api sepanjang tahun 2017.


### Status Permohonan Lesen Biobahan Api Tahun 2017

#### Status Permohonan Baru



**Bilangan**  
**15**

#### Status Permohonan Pembaharuan Lesen



**Bilangan**  
**29**

**Jumlah Diperakukan**  
**Jawatankuasa**  
**Pelesenan**  
**44**

## Naziran Penguatkuasaan Dan Pelesenan Biobahan Api


Pada tahun 2017, aktiviti naziran penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa Unit Penguatkuasaan dan Pendakwaan, Bahagian Biobahan Api, MPIC ke atas syarikat-syarikat yang telah memiliki lesen untuk menjalankan aktiviti di bawah 4 kategori lesen biobahan api iaitu pengeluaran, perdagangan, perkhidmatan dan pengangkutan.

Lesen diperlukan oleh industri bagi menjalankan aktiviti memulakan pembinaan loji, mengeluarkan biobahan api, mengadun, mengeksport, mengimport, mengangkut, menyimpan dan mengukur bahan biobahan api serta yang bahan berkaitan dengan biobahan api yang telah dikeluarkan oleh Unit Pelesenan, Bahagian Biobahan Api, MPIC.

Tujuan naziran penguatkuasaan dilaksanakan adalah bagi memastikan pematuhan oleh syarikat-syarikat yang terlibat dengan industri dan memberi khidmat nasihat berkaitan Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007 (Akta 666) serta peraturan – peraturan subsidiari di bawahnya.

Sebanyak 43 premis industri telah terlibat di dalam program Naziran Penguatkuasaan yang dilaksanakan meliputi Zon Tengah, Zon Selatan serta Zon Utara sebagaimana ditunjukkan di dalam jadual seperti berikut :

### Butiran Naziran Penguatkuasaan dan Pelesenan Tahun 2017



Sepanjang naziran penguatkuasaan dijalankan, maklumat berhubung cadangan pelaksanaan Peraturan-peraturan Industri Biobahan Api Malaysia (Pengkompaunan Kesalahan) di bawah Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007 (Akta 666) turut disampaikan kepada industri sebagai langkah proklamasi.


## Pengambilan Sampel

Aktiviti pengambilan sampel juga telah dijalankan oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa Unit Penguatkuasaan dan Pendakwaan, Bahagian Biobahan Api, MPIC. Sampel yang adalah meliputi *Palm Methyl Ester*, diesel dan campuran *Palm Methyl Ester* dengan Diesel.

Sampel ini diambil bertujuan membuat penilaian berdasarkan kepada ketulenan *Palm Methyl Ester* dan peratusan campuran *Palm Methyl Ester* dengan diesel iaitu sebanyak 7 peratus (7%) sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Industri Biobahan Api (Peraturan Adunan dan Penggunaan Mandatori) 2014. Semua sampel ini telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisa.

Sebanyak 32 sampel telah diambil pada tahun 2017 seperti jadual berikut :

Butiran Pengalaman Sampel Tahun 2017



## Pembangunan Garis Panduan Berkaitan Aktiviti Pensampelan

Satu garis panduan bagi memperkemas lagi tatacara kerja pengambilan sampel dan penghantaran sampel sebagai barang kes dan juga bagi analisa telah disediakan oleh Unit Penguatkuasaan dan Pendakwaan, Bahagian Biobahan Api, MPIC.

Garis Panduan Pengambilan Sampel dan Penghantaran Sampel Biobahan Api, Biodiesel dan Diesel untuk Laporan Pakar ke Jabatan Kimia ini telah dipersetujui oleh pihak-pihak terlibat dan dimeterai pada 29 Mei 2017 oleh YBhg. Datuk M. Nagarajan, KSU MPIC.

**TAHUKAH ANDA?**

**BIODIESEL B10**

Menyumbang kepada kestabilan harga komoditi sawit di pasaran

Bahan api alternatif yang mesra alam & boleh diperbaharui

Adunan 10% metil ester sawit & 90% petroleum diesel

The infographic features a green background with a large white circle containing the text. Below the circle is a stylized cityscape with green buildings, trees, and a car. Three circular callouts are connected to the main text by lines. The first callout shows a pile of palm oil fruit, the second shows hands holding small green plants, and the third shows a hand holding a yellow fuel nozzle. The overall theme is sustainable and eco-friendly.



# KOMODITI GETAH



**1,077.9 juta hektar -  
kawasan penanaman**



**RM32.27 juta nilai  
eksport**



**1500kg/ha purata  
produktiviti getah**


## Harga Pasaran Getah Asli Di Peringkat Antarabangsa

Harga purata getah  
asli meningkat  
ke paras




pada tahun 2017  
berbanding RM5.68  
se kg pada tahun 2016

Harga getah untuk gred *Standard  
Malaysian Rubber (SMR)  
20 Free On Board (FOB)*  
mencatatkan paras tertinggi  
sepanjang tahun 2017 iaitu



**RM10.59 se kg pada  
31 Januari 2017**

## Pengeluaran Getah Asli Negara



Pada tahun 2017 pengeluaran getah asli  
mengalami peningkatan sebanyak  
**66,625 tan (9.8%)** kepada  
**740,138 tan** berbanding  
673,513 tan pada tahun 2016.

Harga pasaran getah asli di peringkat antarabangsa pada tahun 2017 terus meningkat dan ditutup tinggi berbanding tahun 2016. Harga purata getah asli telah meningkat ke paras RM7.04 se kg pada tahun 2017 berbanding RM5.68 se kg pada tahun 2016. Peningkatan harga getah ini berpunca antara lain ialah kenaikan harga minyak mentah dunia serta pengukuhan nilai Dolar Amerika Syarikat (USD) berbanding Ringgit Malaysia. Harga getah untuk gred *Standard Malaysian Rubber* (SMR 20) mencatatkan paras tertinggi iaitu RM10.59 se kg pada 3 Januari 2017.

### SMR 20

SMR ialah *Standard Malaysia Rubber* dan **20** merujuk kepada **100%** kandungan getah kering

### Lateks


Terdiri daripada **35%** zarah getah dan **65%** air.



YB Menteri Melawat Ke Kilang Getahindus (M) Sdn Bhd di Tangkak, Johor

## Pergerakan Harga Rasmi SMR 20 dan Lateks Pukal bagi Tahun 2016 sehingga 2017

### Perbandingan harga SMR 20 dan lateks pukal bagi tahun 2016 hingga 2017



Sumber: *Malaysia Rubber Exchange* (MRE)

## Jumlah Pengeluaran Getah Asli Malaysia, Harga SMR20 & Lateks

Pengeluaran Getah Asli meningkat  
14.3% pada Disember 2017

Bulan	Tan Metrik
Nov	58,657
Dis	67,101

Purata Harga (Sen/kg)

	Dis 2017	Nov 2017	Perbezaan (%)
SMR 20	580.79	581.20	-0.07%
Lateks Pukal	473.11	474.89	-0.37%

Purata harga getah FOB SMR 20 bagi tahun 2017 mencatatkan paras 703.71 sen/kg, peningkatan sebanyak 135.26 sen/kg atau 23.7% berbanding pada tahun 2016 iaitu 568.45 sen/kg. Harga terendah direkodkan pada tahun 2017 ialah 561.50 sen/kg

pada 30 November 2017 manakala harga tertinggi ialah 1,059.50 sen/kg pada 31 Januari 2017. Bagi lateks pukal, harga purata pada tahun 2017 ialah 593.22 sen/kg, mencatatkan peningkatan sebanyak 134.16 sen/kg atau 29.2% berbanding tahun 2016.

Pada akhir tahun 2017, kedua-dua SMR 20 dan lateks pukal masing-masing menyaksikan penurunan sebanyak 330.00 sen/kg atau 36.2% dan 186.00 sen/kg atau 28.7% pada 29 Disember 2016 berbanding harga pada permulaan sesi dagangan 2017.

Pada tahun 2017, pengeluaran getah asli negara berjumlah sebanyak 740,138 tan iaitu peningkatan sebanyak 66,625 tan (9.8%) berbanding 673,513 tan pada tahun 2016.

### Pecahan Penggunaan Getah Asli di Peringkat Domestik Disember 2017

Sarung  
Tangan



**73.8%**

Benang  
Getah




**10.2%**

Tayar dan  
Tiub



**5.9%**

Lain-lain



**10.1%**

**Jumlah: 43,617 tan metrik**

Penggunaan domestik getah asli bertambah 1,133 tan metrik (+2.7%) berbanding bulan sebelumnya dan turut menunjukkan kenaikan sebanyak 2,744 tan metrik (+6.7) dari Disember 2016.

Industri sarung tangan getah merupakan industri terbesar yang menggunakan getah asli dengan penggunaan 32,169 tan metrik.

Pengeluaran Getah Malaysia, 2016 dan 2017  
Mengikut Wilayah & Sektor

Wilayah/ Sektor	2016 (tan)	2017 (tan)
<b>Semenanjung</b>		
Estet	52,980	49,264
Pekebun Kecil	52,980	125,915
<b>Jumlah</b>	<b>638,498</b>	<b>687,957</b>
<b>Sabah dan Sarawak</b>		
Estet	56	58
Pekebun Kecil	34,960	52,123
<b>Jumlah</b>	<b>35,015</b>	<b>52,181</b>
<b>Seluruh Malaysia</b>		
Estet	53,036	58
Pekebun Kecil	620,477	49,321
<b>Jumlah</b>	<b>673,513</b>	<b>740,138</b>

Sumber: LGM

Antara faktor utama peningkatan ketara harga getah pada suku tahun pertama 2017 adalah seperti berikut:

- Musim hujan luar biasa dan banjir melanda selatan Thailand dan Semenanjung Malaysia menghalang aktiviti penorehan dan seterusnya mengganggu bekalan;
- Prestasi luar biasa pasaran hadapan getah Tokyo dan Shanghai di tengah-tengah kebimbangan terhadap bekalan yang terhad;
- *Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC)* ketika itu meramalkan penurunan sebanyak 317,000 tan pengeluaran getah asli di Thailand pada tahun 2017 akibat banjir;
- Harga minyak mentah melebihi paras USD 50 setong, disokong oleh berita positif bahawa negara-negara *Organization of the Petroleum Exporting Countries (OPEC)* telah mencapai lebih daripada 90% pemotongan pengeluaran yang berkuatkuasa mulai Januari 2017;

- Peningkatan pembelian dari pembeli China untuk memperbaharui stok getah di gudang Qingdao, China; dan
- Kemerosotan ringgit ke paras RM4.4995 pada 4 Januari berikutan pengukuhan mata wang USD ekoran kenaikan kadar faedah Amerika Syarikat pada tahun 2017.

Pergerakan pasaran adalah tidak menentu khususnya pada suku tahun ketiga hingga keempat 2017 dengan harga SMR 20 merosot pada RM5.81 per kg pada 29 Disember 2017. Antara faktor-faktor penurunan harga getah bagi tempoh tersebut adalah seperti berikut:


- Kemerosotan harga dan kadar turun naik (*volatility*) yang tinggi di pasaran hadapan getah utama di Shanghai, China, Singapura dan Tokyo, Jepun berikutan peningkatan aktiviti jualan singkat (*short-selling activities*). Peserta dalam pasaran niaga hadapan cenderung untuk menjalankan aktiviti jangka pendek dan mengabaikan faktor dinamik bekalan dan permintaan;
- Bagi tempoh Januari hingga Disember 2017, ANRPC melaporkan bahawa pengeluaran getah asli dunia meningkat sebanyak 6.9% kepada 13.282 juta tan berbanding tempoh yang sama pada tahun 2016;
- Selain kemerosotan pengeluaran getah asli di China akibat cuaca sejuk melampau, inventori getah asli di Qingdao merosot 40,000 tan akibat kebakaran yang berlaku pada salah satu gudangnya pada 5 Disember 2017, menyebabkan harga pasaran hadapan getah Shanghai meningkat sebanyak 200 yuan kepada 14,715 yuan per tan;
- Ketidaktentuan prospek pertumbuhan ekonomi dunia khususnya negara-negara pengguna utama getah seperti China, Jepun dan Eropah. Berdasarkan laporan ekonomi dunia yang dikeluarkan oleh Bank Dunia pada Jun 2017,

pertumbuhan ekonomi dunia diramalkan pada tahap sederhana iaitu 2.7% pada tahun 2017 manakala 2.9% pada tahun 2018-2019;

- Ketidaktentuan harga minyak mentah dunia disebabkan jangkaan peningkatan bekalan minyak mentah dunia serta kelemahan mata wang USD; dan
- Ketidaktentuan prestasi ekonomi Amerika Syarikat disebabkan dasar polisi dan kewangan yang masih diragui, kelemahan mata wang USD, dan ketegangan politik Amerika Syarikat dengan Korea Utara akan memberi kesan kepada ekonomi dunia.


### Stok Getah Asli Malaysia Sehingga Disember 2017

#### Pemprosesan getah



**91.1%**

#### Pengguna getah



**8.8%**

#### Estet getah



**0.1%**

Pemproses getah merekodkan stok getah asli tertinggi jumlah

**209,988 tan metrik**

Disember 2017

**+6.4% = 230,315 tan metrik**  
November 2017


**216,382 tan metrik**

Disember 2017

**+13.2% = 230,315 tan metrik**  
November 2017

**203,490 tan metrik**


### Pergerakan Harga SMR 20 dan Lateks Pukal (60% KGK) Tahun 2017



Sumber: LGM


Carta di atas menunjukkan bahawa sehingga 31 Disember 2017, perbandingan antara purata harga tahun 2017 dengan tahun 2016 menyaksikan SMR 20 dan lateks pukal mencatatkan kenaikan masing-masing sebanyak RM1.35 sekilogram (23.0%) dan RM1.34 sekilogram (29.0%). Harga purata SMR 20 dan lateks pukal bagi tahun 2017 masing-masing dicatatkan pada RM7.04 se kg dan RM5.93 sekilogram.

### Perbandingan Harga SMR 20 Bagi Tahun 2016 Dan 2017



Sumber: LGM

### Perbandingan Harga Lateks Pukul Bagi Tahun 2016 Dan 2017



Sumber: LGM

## Dagangan Getah Asli Malaysia 2016-2017 (tan)

Bulan	Pengeluaran	Eksport	Import	Penggunaan Domestik	Stok Akhir
2016	673,513	641,962	930,335	486,142	203,490
2017	740,278	616,040	1,113,006	488,893	230,315

Sumber: LGM &amp; Jabatan Perangkaan

## Eksport Industri Getah 2016-2017


Jenis	2016		2017		Perbezaan (%) 203,490
	Nilai (RM Bilion)	% Daripada Eksport Negara	Nilai (RM Bilion)	% Daripada Eksport Negara	
Getah Asli	5.65	0.72	9.14	0.98	61.77
Barangan Getah	18.12	2.31	21.78	2.33	20.20
Lain-lain Getah**	1.03	0.13	1.36	0.15	32.04
<b>Jumlah</b>	<b>24.8</b>	<b>3.16</b>	<b>32.28</b>	<b>3.46</b>	<b>0.30</b>

Sumber: LGM &amp; Jabatan Perangkaan

\*\*Termasuk getah sintetik, getah kompaun, *reclaimed rubber*, *waste rubber* & *unvulcanised rubber*

## Prestasi Eksport

## Destinasi Eksport Utama Getah Asli Malaysia (Disember) 2017



Jumlah eksport getah asli pada tahun 2017 **meningkat 61.90%** kepada **RM9.13 bilion (1,193,891 tan)** berbanding **RM5.64 bilion (1,017,607 tan)** pada tahun 2016





Pad landasan - diletakkan di antara landasan dan ranjang kereta api - bagi mengurangkan hingar dan getaran.



Antara produk-produk hasil penyelidikan Lembaga Getah Malaysia

Eksport Getah Asli Malaysia Mengikut Negara  
(RM Juta)

Negara	RM Juta	
	2016	2017
China 	3686.76	6,637.99
Jerman 	481.24	691.77
Iran 	237.30	250.40
Amerika Syarikat 	131.01	179.34
Finland 	94.59	163.04
Turki 	81.64	112.94
Korea Selatan 	75.73	103.84
Brazil 	69.27	86.42

Negara	RM Juta	
	2016	2017
Taiwan 	68.32	0.99
Portugal 	53.93	65.28
Perancis 	51.86	75.66
Itali 	51.94	59.70
Mexico 	37.43	34.65
Lain-lain 	462.51	653.53
<b>Jumlah</b>	<b>5,645.14</b>	<b>9,139.60</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan



## Eksport Barangan Lateks Malaysia 2017

Barangan Lateks	Nilai ('000 RM)	
	2017	2016
Sarung tangan pembedahan	1,432,625	1,572,038
Sarung tangan lain	11,848,809	14,283,792
Bebenang getah	536,686	710,090
Kondom	388,490	436,794
Catheter	201,880	195,019
Barangan lateks lain	242,029	251,733
<b>Jumlah</b>	<b>14,650,520</b>	<b>17,449,465</b>


Sumber: Jabatan Perangkaan




Lawatan YB Menteri ke Lembaga Getah Malaysia di RRM, Sg. Buloh

## Prestasi Import

Import getah asli **meningkat 55.90%** kepada **RM7.53 bilion** pada tahun 2017 berbanding **RM4.83 bilion** pada tahun 2016.



Sementara import bagi barangan getah **meningkat 12.91%** daripada **RM6.66 bilion** pada tahun 2016 kepada **RM7.52 bilion** pada tahun 2017



**China** merupakan negara **pembekal utama** barangan getah dengan nilai sebanyak **RM2.33 bilion** diikuti oleh



**Thailand** (RM1.50 bilion atau 19.9%)



**Vietnam** (RM666.61 juta atau 8.9%)



**Indonesia** (RM655.52 juta atau 8.7%)

## Import Industri Getah 2017

Sektor	2016 (RM Bilion)	2017 (RM Bilion)	Pertumbuhan
Getah Asli	4.83	7.53	55.69
Barangan Getah	6.66	7.52	12.91
Getah Lain-lain**	3.26	4.67	43.25
<b>Jumlah</b>	<b>14.75</b>	<b>19.72</b>	<b>33.69</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan

\*\*Termasuk getah sintetik, getah kompaun, *reclaimed rubber*, *waste rubber* & *unvulcanised rubber*.

## Polisi/Program Inisiatif

### Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA)

Industri getah disasarkan menyumbang kira-kira RM52.9 bilion kepada pendapatan kasar negara menjelang tahun 2020. Dalam usaha kerajaan mentransformasikan ekonomi negara ke arah negara berpendapatan tinggi, empat EPP (*Entry Point Projects*) di bawah NKEA Getah telah diperkenalkan bagi mengiktiraf peranan dan kepentingan sektor getah sebagai penjana ekonomi negara. Dengan adanya empat EPP tersebut, negara dijangka bergerak ke arah kemapanan industri getah dengan tumpuan dan penekanan kepada ketersediaan bekalan getah asli negara dan pembangunan produk getah bernilai tambah tinggi. Empat EPP yang diperkenal di bawah NKEA Getah adalah seperti berikut:




#### Tahun 2020

Meningkatkan produktiviti getah kepada **1,800 kg/hektar/tahun**



Memastikan **kemapanan** sektor hulu getah asli negara



Meningkatkan **eksport pasaran dunia** bagi getah dan produk getah

Mengkomersialkan Ekoprena® dan Pureprena®

Pembangunan Industri dan peningkatan produktiviti ini disokong oleh program Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) di bawah Projek Permulaan (EPP) 9 iaitu aktiviti Tanam Baru dan Tanam Semula yang dipantau oleh MPIC dan agensi pelaksana seperti Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) dan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS).

## Status Pencapaian

Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu NKEA Sawit dan Getah yang bersidang setiap bulan bertujuan memantau dan memastikan petunjuk prestasi yang ditetapkan untuk setiap EPP mencapai sasaran yang ditetapkan. Status pencapaian pelaksanaan empat EPP dalam NKEA Getah bagi tahun 2017 adalah seperti dalam Jadual di bawah.

Pencapaian Pelaksanaan 3 EPP dalam NKEA-Rubber bagi Januari hingga Disember 2017

NKEA / EPPs	Sasaran 2017	Pencapaian Tahun 2017	Peratusan (%)	Status
Keluasan tanam semula dan tanam baru (hektar)	1.0	1.2	120.0	●
Eksport Getah Asli dan Getah Kumpaun (juta tan)	1.0	1.2	120.0	●
Eksport Barangan Lateks Malaysia (RM Billion)	14.5	17.4	120.0	●
Pematuhan Piawaian Getah dan Produk Getah	5	5	100.0	●
Pengeluaran Ekoprena® dan Pureprena® (mt)	700	396	57.0	●
Kerjasama Komersial (bilangan perjanjian yang ditandatangani)	6	7	117.0	●

Sumber: LGM

Sasaran tanam semula dan tanam baru ialah sebanyak 8,557 hektar di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Sehingga Disember 2017, sejumlah 8,557 hektar kawasan tanam semula dan tanam baru telah dilaksanakan seperti jadual di bawah.

Pencapaian Tanam Semula Dan Tanam Baru bagi Januari hingga Disember 2017 (Kluster vs Individu)

Tanam Semula	Sasaran (hektar)	Permohonan diterima (hektar)	Diluluskan (hektar)	Luas (hektar)			
				Ditebang + VVIP	Membuat Teres	Ditanam	Jumlah
LIGS	952	952	952	-	-	952	952
<b>Jumlah kecil</b>	<b>952</b>	<b>952</b>	<b>952</b>	-	-	<b>952</b>	<b>952</b>
LIGS	1,185	1,185	1,185	-	-	1,185	1,185
JPS	6,420	6,420	6,420	491	2,023	3,906	6,420
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>7,605</b>	<b>7,605</b>	<b>7,605</b>	<b>491</b>	<b>2,023</b>	<b>5,091</b>	<b>7,605</b>
<b>Jumlah besar</b>	<b>8,557</b>	<b>8,557</b>	<b>8,557</b>	<b>491</b>	<b>2,023</b>	<b>6,043</b>	<b>8,557</b>

Sumber: LGM

Bagi EPP 11 – Pengkomersilan Ekoprena® & Pureprena®, sehingga Disember 2017, pengeluaran kedua-dua bahan tersebut telah mencatatkan 396 tan metrik atau 57% daripada sasaran 700 tan metrik. Pencapaian pengeluaran yang rendah adalah disebabkan oleh keadaan ekonomi dunia yang kurang memberangsangkan secara keseluruhannya dan kejatuhan harga minyak mentah dunia memberi implikasi kepada permintaan terhadap getah asli termaju ini kerana harganya yang premium.

### Program Pemerksaan Bumiputera Sektor Getah

Di bawah KPI Pemerksaan Bumiputera, tiga program dilaksanakan pada tahun 2017 di bawah 3 teras KPI iaitu Pemerksaan Bumiputera Dalam Sektor Huluhan, Sektor Pertengahan dan Sektor Hiliran Komoditi.

Bagi teras Program Pemerksaan Bumiputera Dalam Sektor Huluhan, program Pembangunan Usahawan Perladangan Getah dilaksanakan dengan menyasarkan 3 orang usahawan yang menghasilkan purata produktiviti hasil getah sebanyak 1,200 kg/ha/tahun ke arah mencapai pendapatan RM4,000 sebulan.

Bagi teras Pemerksaan Bumiputera Dalam Sektor Pertengahan, Program Pembangunan Usahawan Getah *Crepe* dilaksanakan yang menyasarkan 3 usahawan yang membantu dalam meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui perkongsian keuntungan, peningkatan pengeluaran dan penghasilan produk tambah nilai.



YB Timbalan Menteri MPIC melawat pameran Program Pemerksaan Bumiputera Sektor Getah

YB Timbalan Menteri MPIC melawat *booth* pameran sempena Majlis Perasmian Seminar Model Peladangan Getah untuk Pribumi di Melaka International Trade Centre (MITC) Melaka.

Bagi teras Pemerksaan Bumiputera Dalam Sektor Hiliran, Program Pembangunan Usahawan Produk Getah Secara Inkubator dilaksanakan dengan menyasarkan sebanyak 3 orang usahawan yang menghasilkan produk berasaskan getah.

Pencapaian program adalah seperti berikut:

**Program  
Pembangunan  
Usahawan  
Perladangan  
Getah**

**Skor  
Pencapaian  
100%**

- **KPI**  
Pewujudan usahawan yang menghasilkan purata produktiviti hasil getah sebanyak 1,400 kg/ha/tahun ke arah mencapai pendapatan RM4,000 sebulan
- **Sasaran**  
3 usahawan
- **Insentif**  
3 bulan latihan pengurusan ladang yang berkesan di LGM Similanjau Sarawak  
  
100 hektar ladang LGM disediakan untuk diusahakan dalam tempoh 3-5 tahun

**Program  
Pembangunan  
Usahawan  
Getah Crepe**

**Skor  
Pencapaian  
100%**

- **KPI**  
Pewujudan usahawan getah *crepe* yang bertindak sebagai pengurusan bersepadu kebun-kebun kecil dengan kedua-dua sektor huluan dan pemrosesan getah dalam satu eko-sistem
- **Sasaran**  
3 usahawan
- **Insentif**  
Latihan am dan bimbingan kepada pekebun kecil dan usahawan dan bantuan dalam penyediaan fasiliti *one stop centre*

**Program  
Usahawan  
Produk Getah**

**Skor  
Pencapaian  
100%**

- **KPI**  
Pewujudan usahawan produk getah melalui kursus teknologi getah melalui kursus selama 9 bulan dan bimbingan sehingga produk dikomersialkan
- **Sasaran**  
3 usahawan
- **Insentif**  
Penyediaan kursus dan bimbingan bagi penghasilan prototaip, pra-pengkomersilan dan perlindungan harta intelek



Lawatan YB Timbalan Menteri MPIC Ke  
Syarikat Goodway Integrated Industries  
Berhad di Nilai Negeri Sembilan

## Mekanisme Kawal Selia Harga Getah Di Ladang

Kerajaan masih meneruskan langkah-langkah bagi meningkatkan pendapatan golongan ini, termasuklah pelaksanaan Mekanisme Kawal Selia Harga Getah di Ladang dan Insentif Pengeluaran Getah.

### Mekanisme Kawal Selia Harga Getah Di Ladang

Kerajaan telah melaksanakan mekanisme kawal selia harga di ladang mulai November 2014 melalui penetapan diskaun (kos dan margin peraih dan pemproses getah) antara harga SMR20 FOB dan harga yang diterima oleh pekebun kecil.

Mekanisme ini melibatkan antara lain, penyertaan koperasi pekebun kecil dalam urus niaga getah bagi mengurangkan lapisan pembeli. Koperasi pekebun kecil getah akan membeli getah daripada pekebun kecil berdasarkan kepada harga yang ditetapkan (atau sekurang-kurangnya) oleh LGM sekiranya getah yang dikeluarkan adalah Gred A.

Perbandingan mekanisme rantai pemasaran getah konvensional dan rantai pemasaran di bawah mekanisme kawal selia harga getah di ladang adalah seperti berikut:

### Rantaian Pemasaran: Konvensional VS Kawal Selia Harga



Diskaun pada kadar RM1.20/kg-RM1.80/kg

### Rantaian Pemasaran Di Bawah Kawal Selia Harga Di Ladang



Diskaun pada kadar maksimum RM1.10/kg

Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM6.4 juta** sebagai **modal pusingan kepada koperasi** untuk **urus niaga getah** dan pinjaman kenderaan. Langkah ini dijangka akan dapat meningkatkan harga di peringkat ladang yang diterima oleh para pekebun kecil, di samping dapat mengukuhkan peranan koperasi dalam rantai pembelian getah.

Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 18 buah koperasi pekebun kecil telah menyertai program ini dan mendapatkan pembiayaan untuk menjalankan urus niaga getah melalui Agrobank. Melalui pendekatan program ini, manfaat yang diperoleh pekebun kecil dan koperasi pekebun kecil adalah seperti berikut:

- i. pekebun kecil memperoleh harga getah di ladang yang lebih tinggi dan secara tidak langsung meningkatkan pendapatan mereka; dan
- ii. koperasi pekebun kecil meningkat pembelian getah kerana menjalankan aktiviti pembelian bergerak melalui pembelian kenderaan dan menawarkan harga belian yang tinggi kepada pekebun kecil.

Pelaksanaan mekanisme ini turut menyebabkan peraih-peraih getah berhampiran koperasi-koperasi pekebun kecil terpaksa menawarkan harga getah di ladang yang lebih tinggi bagi memastikan mereka kekal kompetitif.

## Bantuan Musim Tengkujuh

### Pelaksanaan Bantuan Musim Tengkujuh (BMT)

- Kerajaan semasa pembentangan Bajet 2017 telah mengumumkan Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) sebanyak RM200 sebulan pada November dan Disember 2017 serta Januari 2018 bagi membantu 440,000 pekebun kecil dan penoreh getah di seluruh negara.
- Objektif pemberian bantuan ini adalah bagi memastikan kebajikan para pekebun kecil dan penoreh getah terpelihara sewaktu musim tengkujuh. Peruntukan yang telah disediakan bagi tujuan tersebut adalah sebanyak RM261 juta.

Status Pembayaran BMT 2017

Agensi	Bayaran Pertama		Bayaran Kedua		Bayaran Ketiga	
	Bilangan	Jumlah (RM)	Bilangan	Jumlah (RM)	Bilangan	Jumlah (RM)
<b>Pekebun Kecil Agensi</b>						
FELDA	11,672	2,334,400.00	11,672	2,334,400.00	11,669	2,333,800.00
FELCRA	11,935	2,387,000.00	11,935	2,387,000.00	11,935	2,387,000.00
LIGS	52,274	10,454,800.00	52,250	10,450,000.00	52,250	10,450,000.00
<b>Pekebun Kecil Persendirian</b>						
Persendirian	279,422	55,884,400.00	278,726	55,745,200.00	278,630	55,726,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>355,303</b>	<b>71,060,600.00</b>	<b>354,583</b>	<b>70,916,600.00</b>	<b>354,484</b>	<b>70,896,800.00</b>

Status Pembayaran IPG 2017

Negeri	2015-2017		
	Bilangan Penerima	Kuantiti (kg) (100% KGK)	Nilai RM (juta)
Perlis	8,973	3,704,386	1,759,491
Kedah	46,443	13,702,954	6,694,549
Pulau Pinang	188	58,172	29,151
Perak	32,430	8,864,497	4,386,648
Selangor	7,490	752,969	387,531
Negeri Sembilan	42,236	13,892,349	6,428,098
Melaka	12,089	3,572,130	1,498,529
Johor	46,450	12,569,562	5,616,091
Kelantan	76,104	22,346,242	11,044,937
Terengganu	11,117	3,080,212	1,691,610
Pahang	39,492	10,020,742	4,523,843

## Status Pembayaran IPG 2017 (Sambungan)

Negeri	2015-2017		
	Bilangan Penerima	Kuantiti (kg) (100% KGK)	Nilai RM (juta)
Semenanjung	323,012	92,564,215.25	44,060,477.36
Sarawak	2,147	658,441.28	431,992.28
Sabah	219,907	30,630,430.60	24,371,077.79
<b>Jumlah</b>	<b>545,066</b>	<b>123,853,087.13</b>	<b>68,863,547.43</b>

### Majlis Penyerahan Bantuan Musim Tengkujuh Kepada Pekebun Kecil Dan Penoreh Getah

YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan pembayaran Bantuan Musim tengkujuh di negeri Kedah Darul Aman pada 1 November 2017. Semasa lawatan tersebut, beliau merasmikan Majlis Penyerahan Bantuan Musim Tengkujuh Kepada Pekebun Kecil dan Penoreh Getah di Dataran KEDA, Taman Teratai, Jalan Langgar, Alor Setar, Kedah. Program ini diadakan sempena pembayaran Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) mulai pada 1 November 2017 di seluruh negara.

Dalam Bajet 2018 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri, Kerajaan akan meneruskan pemberian Bantuan Musim Tengkujuh dengan peruntukan sebanyak RM261 juta pada tahun 2018.

Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) ini pertama kali diperkenalkan Kerajaan semasa pembentangan Bajet 2017 sebanyak RM200 sebulan pada November dan Disember 2017 serta Januari 2018 bagi membantu para pekebun kecil dan penoreh getah di seluruh negara. Objektif pemberian BMT adalah memastikan kebajikan para pekebun kecil dan penoreh getah terpelihara sewaktu musim tengkujuh.

Sehingga 13 Oktober 2017, seramai 500,730 pekebun kecil dan penoreh getah telah berdaftar untuk menerima BMT yang terdiri daripada 394,513 kebum matang dan 106,217 kebum tidak matang.



Program Pemimpin Bersama Rakyat dan Penyerahan Bantuan Musim Tengkujuh kepada Pekebun Kecil Getah



## Majlis Sumbangan Sejuta Sarung Tangan Getah Kepada Jabatan Kesihatan Perak Dan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

YB Datuk Seri Mah Siew Keong, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah merasmikan program sumbangan “1 Juta Sarung Tangan Getah Perubatan” anjuran Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC) dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Perak dan Hospital Teluk Intan pada 21 Mei 2017 bertempat di Menara Condong, Teluk Intan Perak.

Pada majlis itu, YB Menteri telah menyerahkan replika cek 1 juta sarung tangan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Perak, disaksikan oleh lebih 200 tetamu jemputan terdiri daripada warga pejabat kesihatan negeri. Acara yang berlangsung di Dataran Menara Condong Teluk Intan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang awam yang telah turut menyertai saringan kesihatan dan program menarik lain yang disediakan oleh MREPC.

Sumbangan 1 juta sarung tangan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Perak disalurkan ke hospital, klinik kesihatan, klinik pergigian dan pusat penjagaan kesihatan di seluruh negeri Perak. MREPC berharap inisiatif sedemikian akan membantu Jabatan Kesihatan Negeri Perak bagi meningkatkan tahap perkhidmatan kesihatan di seluruh negeri Perak. Sumbangan sarung tangan getah merupakan siri sumbangan MREPC yang kedua, selepas siri pertama yang berjaya dilaksanakan tahun lepas di Kuching, Sarawak. Sebanyak 1 juta sarung tangan getah telah diedarkan ke hospital dan klinik di Sarawak.

Manakala dalam siri yang sama YB Timbalan Menteri MPIC turut menyerahkan satu juta sarung tangan getah kepada Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dan diagihkan kepada hospital, klinik kesihatan, klinik pergigian dan pusat penjagaan kesihatan di seluruh Sabah. Majlis di adakan pada 16 Ogos 2017.



Majlis Penyampaian Sumbangan 1 Juta Sarung Tangan Perubatan di Dataran Menara Condong, Teluk Intan

## Program Sembang Warung Bersama Pekebun Kecil Getah dan Penyerahan Bantuan Mangsa Banjir di Kelantan

Program Sembang Getah di Warung merupakan satu mekanisme turun padang dan sesi hubung jalin antara Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan pekebun-pekebun kecil getah. Program tersebut menekankan konsep santai dan jumlah pekebun kecil yang terlibat dalam program adalah dalam jumlah sederhana bagi memudahkan perbincangan. Menerusi program sedemikian, Kementerian khususnya LGM akan mendapat input secara langsung daripada pekebun kecil seterusnya dapat menyusun rangka, strategi serta dasar-dasar berkaitan komoditi getah bagi perancangan di masa akan datang.

Transformasi dapat dilihat melalui pameran kualiti getah yang telah diadakan oleh pegawai dari Unit Dasar Pelesenan dan Penguatkuasaan. Peserta telah berpeluang untuk meningkatkan pengetahuan dan taklimat ringkas melalui pameran yang diadakan. Selain itu, turut diadakan adalah kaunter pembuatan kad Pat-G dan juga penghantaran borang IPG.

Dengan pendekatan yang sama, pekebun kecil berpeluang berbincang dan bertukar pendapat secara terus dengan pegawai-pegawai LGM yang hadir di program. Pekebun kecil telah banyak bertanyakan persoalan mengenai IPG iaitu proses tuntutan, mekanisme pembayaran dan juga pembahagian tuntutan. Maklumat seperti ini sememangnya diperlukan oleh pihak LGM untuk menambah baik mekanisme IPG.

Atas keprihatinan pihak Kementerian dan LGM akan nasib mangsa banjir di negeri Kelantan, satu majlis Penyerahan Bantuan Banjir dan Program Sembang Getah di Warung telah diadakan di Jeli, Kelantan. Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, YB Datuk Datu Nasrun Datu Mansur telah hadir di majlis bersama-sama Pengurusan LGM. Turut hadir YB Datuk Abd Aziz bin Derashid, ADUN Kuala Bala yang juga Pengerusi Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).



Program Sembang Getah Di Warung Dan Program Penyerahan Bantuan Banjir  
Kampung Lubuk Bungor, Jeli Kelantan

## Majlis Perasmian Model Teknologi Cuplump Modified Bitumen Untuk Turapan Jalan (Rubberised Road)

Menteri Perusahaan Perladangan Dan Komoditi (MPIC), YB Datuk Seri Mah Siew Keong telah menyempurnakan Majlis Perasmian Model Teknologi *Cuplump Modified Bitumen* untuk turapan jalan (Rubberised Road) bertempat di jalan utama Kg. Sungai Kerawai, Teluk Intan Perak pada 7 Oktober 2017. Majlis yang dianjurkan oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM) turut dihadiri oleh YB Tan Sri Dr. Muhammad Leo Toyad, Pengerusi Lembaga Getah Malaysia dan YBhg. Datuk K. Yogeessvaran, KSU MPIC.

Jalan raya getah sepanjang 1 kilometer telah diturap di Jalan Kg Sungai Kerawai dan merupakan projek yang pertama dirasmikan di Perak. Jalan raya menggunakan getah menyumbang kepada kualiti

dan prestasi jalan yang tinggi seperti meningkatkan ketahanan jalan dari segi rintangan keretakan permukaan jalan. Walaupun kos pembinaan jalan meningkat antara 15 hingga 20 peratus berbanding penurapan jalan jenis konvensional, ia dijamin mampu meningkatkan daya ketahanan jalan dan tidak mudah rosak.

Majlis turut disertai oleh hampir 200 penduduk Kg Sungai Kerawai yang ternyata gembira dengan teknologi jalan raya getah yang diperkenalkan oleh LGM. Pameran mengenai jalan raya getah juga diadakan bagi meningkatkan pengetahuan kepada penduduk sekitar mengenai penyelidikan *Cuplump Modified Bitumen*.



Majlis Perasmian Model Teknologi Cuplump Modified Bitumen Untuk Turapan Jalan (Rubberised Road)

## Insentif Pengeluaran Getah

### Pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah

Kerajaan juga melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai Januari 2015 iaitu bantuan kepada pekebun kecil apabila harga SMR20 FOB berada di bawah paras RM4.60 sekilogram. Kerajaan telah menambah baik Paras Harga Pengaktifan (PHP) IPG kepada RM5.10 sekilogram berdasarkan harga SMR20 FOB atau RM2.00 sekilogram berdasarkan harga getah sekerap (*cuplump* 50% Kandungan Getah Kering - KGK) di peringkat ladang. PHP baru dilaksanakan mulai bulan September 2015.

Pada tahun 2016, PHP IPG ditambah baik dengan RM5.50 sekilogram berdasarkan harga SMR20 FOB atau RM2.20 sekilogram berdasarkan harga getah sekerap (*cuplump* 50% KGK) di peringkat ladang. Langkah tersebut membolehkan para pekebun kecil getah dengan pemilikan purata 2 hektar dan produktiviti *cuplump* sebanyak 1,500 kilogram/hektar/tahun menikmati pendapatan bulanan sebanyak RM1,100

Mekanisme pelaksanaan IPG adalah seperti berikut:

- Pemberian IPG pada bulan semasa mulai 1hb hingga akhir bulan berdasarkan purata

harga bulanan getah SMR 20 FOB pada bulan sebelumnya;


- bagi Semenanjung, IPG akan diuruskan oleh LGM, di Sabah oleh Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS), manakala di Sarawak oleh Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) dan LGM;
- pekebun kecil boleh membuat tuntutan di mana-mana pejabat wilayah LGM di Semenanjung, LIGS di Sabah dan JPS di Sarawak dengan mengemukakan resit rasmi jualan dan Permit Autoriti Transaksi Pekebun Kecil Getah (PAT-G); dan
- Dari tahun 2015 hingga 2017, sebanyak RM130 juta telah disediakan oleh Kerajaan untuk Pelaksanaan IPG merangkumi dana awalan sebanyak RM100 juta daripada Dana NTRC dan penyaluran daripada Kementerian Kewangan sebanyak RM30 juta.
- Sehingga Disember 2017, Kerajaan telah membuat pembayaran berjumlah RM68,863,547.43 bagi 123,853,087.13 kilogram getah merangkumi 545,066 tuntutan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak menerusi agensi pelaksana IPG masing-masing iaitu LGM, LIGS dan JPS. Perincian pembayaran adalah seperti di bawah:

Pembayaran Terkumpul IPG Dari September 2015 Hingga Disember 2017

Negeri	Insentif Pengeluaran Getah		
	Bilangan Tuntutan	Kuantiti (kg) (100% KGK)	Nilai (RM)
Perlis	8,973	3,704,386	1,759,490.97
Kedah	46,443	13,702,954	6,694,548.65
Pulau Pinang	188	58,172	29,151.02
Perak	32,430	8,864,497	4,386,648.18
Selangor	7,490	752,969	387,530.66
Negeri Sembilan	42,236	13,892,349	6,428,097.92
Melaka	12,089	3,572,130	1,498,528.85

## Pembayaran Terkumpul IPG Dari September 2015 Hingga Disember 2017 (Sambungan)

Negeri	Insentif Pengeluaran Getah		
	Bilangan Tuntutan	Kuantiti (kg) (100% KGK)	Nilai (RM)
Johor	46,450	12,569,562	5,616,091.25
Kelantan	76,104	22,346,242	11,044,936.70
Terengganu	11,117	3,080,212	1,691,610.12
Pahang	39,492	10,020,742	4,523,843.04
<b>Semenanjung</b>	<b>323,012</b>	<b>92,564,215</b>	<b>44,060,477.36</b>
Sarawak	2,147	658,441.28	431,992.28
Sabah	219,907	30,630,430.60	24,371,077.79
<b>Jumlah Besar</b>	<b>545,066</b>	<b>123,853,087.13</b>	<b>68,863,547.43</b>



### Pemantauan Pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah

Selaras dengan pelaksanaan IPG, MPIC bersama-sama LGM telah membentuk satu Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan IPG (JPPIPG) dan satu Jawatankuasa Audit Dalaman Khas IPG (JADKIPG) bagi memastikan pelaksanaan IPG secara teratur dan berkesan.

### Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah

Tujuan JPPIPG ditubuhkan adalah untuk merangka dasar pelaksanaan IPG, memantau dan menilai pelaksanaan IPG dan menyediakan laporan berkala kepada Kerajaan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha MPIC dan dianggotai oleh Bahagian Pembangunan Industri Getah dan Jatropha (GET,MPIC), serta wakil daripada Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, LGM, LIGS dan JPS. Mesyuarat JPPIPG telah diadakan sebanyak 4 kali pada tahun 2017 seperti Jadual berikut:

Mesyuarat	Tarikh	Bilangan Pembentangan Kertas
JPIPIG Bilangan 1 Tahun 2017	20 Februari 2017	3
JPIPIG Bilangan 2 Tahun 2017	9 Mac 2017	6
JPIPIG Bilangan 3 Tahun 2017	2 Mei 2017	5
JPIPIG Bilangan 4 Tahun 2017	9 Jun 2017	8



**Peraturan-peraturan Lembaga Getah Malaysia (Pelesenan Dan Permit) 2014**

Peraturan 22(1)(a);  
Tiada seorang pun boleh dalam hal seorang pekebun kecil getah atau pengendali ladang getah, menjual getah melainkan jika dia memegang suatu Permit Autoriti Transaksi Getah.

Peraturan 22(2);  
Mana-mana orang yang melanggar perenggan 22(1)(a) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Peraturan 25(3);  
Jika kad tersebut hilang, musnah atau rosak, pemegang Permit Autoriti Transaksi Getah boleh memohon kepada Lembaga bagi penggantian kad itu.

Peraturan 25(5);  
Permit yang dikeluarkan hendaklah, melainkan jika ditarik balik terdahulu, sah bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun.

**Kad ini hanya sah digunakan untuk transaksi jualan getah sahaja**  
Kad ini adalah hak milik Lembaga Getah Malaysia  
Sila kembalikan ke mana-mana pejabat LGM jika dijumpai  
Telefon : 03-9206 2000 059921

Permit Autoriti Transaksi-Getah PAT-G digunakan untuk permohonan Insentif Pengeluaran Getah



Majlis Menandatangani MOU Antara Doshin Rubber Products (M) Sdn Bhd Dan UiTM di UiTM Shah Alam, Selangor



Majlis Penyampaian Sumbangan 1 Juta Sarung Tangan Perubatan di Dataran Menara Condong, Teluk Intan, Perak



Majlis Penyampaian Sumbangan 1 Juta Sarung Tangan oleh MREPC kepada Jabatan Kesihatan Negeri Sabah di Hotel Hilton, Kota Kinabalu, Sabah



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), YB Datuk Seri Mah Siew Keong telah merasmikan Majlis Persidangan Dan Pameran Getah Antarabangsa 2017 (IRICE 2017) di Top Glove Tower, Setia Alam, Selangor pada 19.05.2017. Hadir sama YBhg. Datuk M. Nagarajan, KSU MPIC




Global Rubber Conference 2017 (GRC 2017)

## Getah Di Peringkat Global

### *International Tripartite Rubber Council (ITRC)*

*ITRC* merupakan rangka kerjasama tiga-hala dalam sektor getah di antara Thailand, Indonesia dan Malaysia yang dimeterai pada 12 Disember 2001 di bawah Deklarasi Bersama Peringkat Menteri (*Joint Ministerial Declaration*) yang juga dikenali sebagai Deklarasi Bali. Forum antarabangsa ini menggabungkan tiga buah negara pengeluar getah asli utama dunia yang secara bersama menyumbang sebanyak 66.5% pengeluaran getah asli dunia. Kerangka kerjasama bertujuan mengimbangi bekalan dan permintaan di samping mengukuhkan harga getah asli.



Sepanjang tahun 2017, ITRC bergerak dengan aktif dalam usaha untuk terus menstabilkan harga getah asli melalui tindakan berikut:

- i. Dalam usaha untuk memeterai perjanjian di antara ketiga-tiga negara ITRC dan Vietnam sebagai anggota baharu ITRC. Adalah dijangkakan penyertaan Vietnam mampu meningkatkan pengeluaran getah asli ITRC kepada 72% pengeluaran getah asli dunia dan eksport kepada 85%, memandangkan Vietnam merupakan pengeluar getah asli ketiga terbesar dunia;
- ii. Memperkukuh kolaborasi penyelidikan dan pembangunan dalam *Rubberised Road* di antara Institut Penyelidikan negara-negara anggota ITRC, di mana pelaksanaannya akan meningkatkan penggunaan getah asli dan secara tidak langsung akan memberikan impak positif kepada harga getah asli;



- iii. Inisiatif untuk mewujudkan *IRCo Arbitration Centre* iaitu sebagai pusat timbang tara untuk membincangkan/ menyelesaikan isu-isu dalam Pasaran Getah Serantau (RRM); dan
- iv. Penubuhan RRM *Latex Futures Market* supaya harga lateks menjadi lebih telus. Konsultasi dengan pihak industri giat dijalankan sepanjang tahun 2017 bagi mendapatkan maklum balas yang dapat membantu Lembaga Getah Malaysia dalam merangka strategi dan pelan tindakan bersama pihak Bursa Malaysia Derivatives.

ITRC turut mengadakan pemantauan berterusan ke atas *trend* harga pasaran getah dan mendapati Harga Komposit Harian IRCO (DCP) yang naik dari purata tahunan sebanyak 146.68 sen AS/kg pada 2016 kepada purata lapan bulan (Januari - Ogos) sebanyak 191.30 sen AS/kg. Harga purata pada 2017 kekal lebih tinggi daripada 2016 terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga NR yang ketara pada suku pertama tahun 2017 yang disebabkan oleh faktor asas yang positif. Walau bagaimanapun, harga NR menunjukkan *trend* menurun dari suku ke-2

tahun 2017 sehingga suku ke-3 yang disebabkan oleh faktor seperti spekulasi yang berlebihan dalam pasaran hadapan (*futures market*), kelemahan/ ketidakstabilan mata wang dan pasaran komoditi. Pada suku ke-2, harga NR turun serendah 150.86 sen AS/kg pada 22 Jun 2017 sebelum kekal di antara 153 hingga 167 sen AS/kg pada suku ketiga 2017.

Berdasarkan prestasi tersebut, ITRC telah memulakan rundingan untuk melaksanakan *Agreed Tonnage Export Scheme* (AETS) ke-5 bagi membantu menaikkan dan menstabilkan harga getah pada suku keempat tahun 2017 yang mana akan dilaksanakan pada bulan Januari 2018.

ITRC turut mengambil langkah bagi mewujudkan sentimen positif terhadap pasaran dengan mengeluarkan kenyataan-kenyataan media yang memberangsangkan. Ini membantu dalam membetulkan persepsi pasaran terutamanya dalam membendung kejatuhan harga getah yang disebabkan oleh aktiviti spekulasi pasaran fizikal dan pasaran hadapan.

#### Mesyuarat-Mesyuarat Yang Telah Diadakan Di Bawah ITRC Sepanjang Tahun 2017

Tarikh	Meeting/ Visit/ Conference
23 Januari 2017, Bangkok, Thailand	29 <sup>th</sup> Meeting of the Expert Group on the Establishment of a Regional Rubber Market (EGERRM)
27 Februari 2017, Putrajaya, Malaysia	30 <sup>th</sup> Meeting of EGERRM
18 April 2017, Bangkok, Thailand	70 <sup>th</sup> Meeting of Committee on Strategic Market Operation (CSMO)
20 April 2017, Bangkok, Thailand	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 58<sup>th</sup> Meeting of IRCo's Board of Directors (BoD)</li> <li>• IRCo Annual Dinner 2017</li> </ul>
21 April 2017, Bangkok, Thailand	13 <sup>th</sup> Annual General Meeting (AGM) of IRCo's Shareholders
15-16 Jun 2017, Bandung, Indonesia	31 <sup>st</sup> Special Meeting of EGERRM
17-18 Jun 2017, Bandung, Indonesia	1 <sup>st</sup> Special Meeting of CSMO
4 Julai 2017, Kuala Lumpur, Malaysia	Annual Conference on NR Statistics and Outlook by Dr. Hidde Smit
5 Julai 2017, Kuala Lumpur, Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 25<sup>th</sup> Meeting of ITRC Statistical Committee</li> <li>• 7<sup>th</sup> Meeting of Demand Promotion Scheme Committee (DPSC)</li> </ul>

## Mesyuarat-Mesyuarat Yang Telah Diadakan Di Bawah ITRC Sepanjang Tahun 2017 (Sambungan)

Tarikh	Meeting/ Visit/ Conference
6-7 Julai 2017, Kuala Lumpur, Malaysia	28 <sup>th</sup> Meeting of International Tripartite Rubber Council (ITRC)
7 Julai 2017, Kuala Lumpur, Malaysia	32 <sup>nd</sup> Meeting of EGERRM
1 Ogos 2017, Bangkok, Thailand	71 <sup>st</sup> Meeting of CSMO
2 Ogos 2017, Bangkok, Thailand	Joint Meeting between SCMO and ITRC Statistical Committee
3 Ogos 2017, Bangkok, Thailand	Joint Meeting between ITRC and IRCo's BoD
4 Ogos 2017, Bangkok, Thailand	59 <sup>th</sup> Meeting of IRCo's BoD
29 Ogos 2017, Had Yai, Thailand	Briefing on the Prize Competition to TRA and Seek for Sponsorship
11 September 2017, Bangkok, Thailand	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 72<sup>nd</sup> Meeting of CSMO</li> <li>• 33<sup>rd</sup> Meeting of EGERRM</li> </ul>
12-13 September 2017, Bangkok, Thailand	Joint Meeting between ITRC and IRCo's BoD
14 September 2017, Bangkok, Thailand	Conference on Rubberised Road in TIM
15 September 2017, Bangkok, Thailand	ITRC Ministerial Committee Meeting 2017
2 November 2017, Bangkok, Thailand	73 <sup>rd</sup> Meeting of CSMO
3 November 2017, Bangkok, Thailand	60 <sup>th</sup> Meeting of IRCo's BoD
27 November 2017, Chiang Mai, Thailand	26 <sup>th</sup> Meeting of ITRC Statistical Committee
28 November 2017, Chiang Mai, Thailand	34 <sup>th</sup> Meeting of EGERRM
29 November 2017, Chiang Mai, Thailand	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2<sup>nd</sup> Special Meeting of CSMO</li> <li>• 8<sup>th</sup> Meeting of DPSC</li> <li>• 29<sup>th</sup> Meeting of ITRC</li> </ul>
30 November 2017, Chiang Mai, Thailand	26 <sup>th</sup> Meeting of ITRC
22 Disember 2017, Bangkok, Thailand	Special Meeting of ITRC

**Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC)**

ANRPC merupakan pertubuhan yang dianggotai oleh Kerajaan daripada 12 buah negara pengeluar getah asli dunia iaitu China, India, Indonesia, Filipina, Kemboja, Malaysia, Papua New Guinea, Singapura, Sri Lanka, Thailand, Vietnam dan juga Bangladesh yang baru menganggotai pada tahun 2017. Objektif utama ANRPC adalah untuk menyelaraskan pengeluaran dan pemasaran getah asli, termasuk menggalakkan kerjasama teknikal antara negara-negara ahli serta membantu ahli-ahlinya dalam usaha mendapatkan harga getah asli yang lebih menarik dan stabil di pasaran dunia.


Pengeluaran Getah Asli (Tahunan) oleh Negara-negara ANRPC

Negara	Kuantiti ('000 tan)							Kadar Peningkatan Tahunan (%)						
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	**2018	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Thailand	3,778.0	4,170.0	4,323.0	4,473.2	4,347.0	4,429.0	4,375.0	9.7	10.4	3.7	3.5	-2.8	1.9	-1.2
Indonesia	3,012.0	3,237.0	3,153.2	3,145.3	3,358.0	3,629.0	3,774.0	9.3	7.5	-2.6	-0.3	6.8	8.1	4.0
Vietnam	877.1	946.9	953.7	1,017.0	1,035.0	1,087.0	1,100.0	5.0	8.0	0.7	6.6	2.2	5.0	1.2
China	802.0	865.0	840.1	794.2	774.0	798.0	837.0	5.8	7.9	-2.9	-5.5	-2.5	3.1	4.9
India	919.0	796.0	704.5	575.0	624.0	714.0	820.0	4.9	-13.4	-11.5	-18.4	8.5	14.4	14.8
Malaysia	922.8	826.4	668.6	722.3	674.0	730.0	750.0	6.1	-10.4	-19.1	8.0	-6.7	8.4	2.7
Sri Lanka	152.0	130.4	98.6	88.6	79.0	82.0	90.0	3.4	-14.2	-24.4	-10.1	-10.8	3.8	9.8
Filipina	110.7	111.2	113.3	99.7	91.0	98.0	115.0	7.7	0.5	1.9	-12.0	-9.0	8.6	16.9
Kemboja	64.5	85.2	97.1	126.8	145.0	193.0	222.0	21.6	32.1	14.0	30.6	14.4	33.1	15.2
<b>Jumlah</b>	<b>10,638.1</b>	<b>11,168.1</b>	<b>10,952.1</b>	<b>11,042.1</b>	<b>11,126</b>	<b>11,760</b>	<b>12,083</b>	<b>3.5</b>	<b>5.0</b>	<b>-1.9</b>	<b>0.8</b>	<b>5.7</b>	<b>2.7</b>	<b>2.7</b>

# KOMODITI PERKAYUAN



**23.22 bilion**  
**Nilai eksport**  
**kayu kayan**  
**Malaysia**



**RM3.80 bilion**  
**(Pertambahan 14.77%)**  
**nilai eksport kayu gergaji**

**RM8.07 bilion**  
**nilai eksport**  
**perabot**



Pembangunan industri perkayuan Malaysia berpandukan kepada Dasar Industri Perkayuan Negara (*National Timber Industry Policy*- NATIP) yang menggariskan perancangan bersepadu pembangunan industri perkayuan negara bagi tempoh 2009-2020. NATIP menyasarkan peralihan struktur dari satu industri yang tertumpu kepada pengeluaran produk hulu kepada perusahaan yang menitikberatkan pengeluaran produk hiliran bernilai tambah pada nisbah 60:40.

Nilai eksport produk kayu-kayan Malaysia pada tahun 2017 mencatatkan peningkatan sebanyak 5.0% iaitu berjumlah RM23.22 bilion berbanding RM22.11 bilion pada tahun 2016. Kebanyakan produk kayu kayan telah mencatatkan peningkatan daripada segi nilai eksport, kecuali produk seperti papan gentian, veneer dan produk tanggam mencatatkan sedikit

penurunan. Tiga produk utama yang menyumbang kepada nilai eksport ialah perabot kayu, papan lapis dan kayu bergergaji dengan nilai eskport masing-masing berjumlah RM8.06 bilion, RM4.61 bilion dan RM3.89 bilion.

Pertumbuhan nilai eksport terbesar yang direkodkan adalah kayu gergaji iaitu sebanyak 14.77% kepada RM3.80 bilion, diikuti oleh lain-lain produk kayu sebanyak 9.78% kepada RM1.62 bilion, produk kayu serpai sebanyak 9.48% kepada RM437 juta, dan perabot kayu dan rotan sebanyak 6.11% kepada RM8.07 bilion. Tiga (3) destinasi utama pengeksporan kayu dan produk kayu Malaysia ialah Jepun, Amerika Syarikat dan India dengan nilai masing-masing sebanyak RM3.94 bilion, RM3.69 bilion dan RM1.61 bilion.

**Nilai eksport** produk kayu-kayan Malaysia pada **tahun 2017** mencatatkan **peningkatan** sebanyak **5.0%** iaitu berjumlah **RM23.22 bilion** berbanding **RM22.11 bilion** pada **tahun 2016**

Jadual di bawah menunjukkan perbandingan prestasi nilai eksport bagi tahun 2016 dan 2017

Nilai Eksport Produk Kayu (RM juta)				
Negara	2016	2017	Jumlah Perbezaan	% Perubahan
Kayu Balak	1,612,203,810	1,412,680,493	-199,523,317	-12.4
Kayu Gergaji	3,390,407,208	3,890,718,881	500,311,673	14.8
Papan Lapis	4,370,286,268	4,608,454,851	238,168,583	5.4
Venir	356,209,084	329,137,329	-27,071,755	-7.6
Kayu Kumai	820,762,680	849,139,203	28,376,523	3.5
Kayu Serpai	399,646,632	437,363,068	37,716,436	9.4
Papan Gentian	1,183,302,047	1,158,658,930	-24,643,117	-2.1
Bingkai Kayu	126,192,062	125,342,014	-850,048	-0.7
Kayu Tanggam	1,219,397,582	1,191,289,544	-28,108,038	-2.3
Perabot Kayu	7,561,809,820	8,060,532,564	498,722,744	6.6
Perabot Rotan	41,981,348	16,497,360	-25,483,988	-60.7
Lain-Lain Produk	1,027,126,255	1,135,458,232	108,331,977	10.5
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>22,109,324,796</b>	<b>23,215,272,469</b>	<b>1,105,947,673</b>	<b>5.0</b>

## Sumbangan Industri Primer Berbanding Industri Bernilai Tambah

Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) mensasarkan peningkatan nilai eksport produk kayu bernilai tambah kepada 60% dari nilai eksport, berbanding 40% produk primer. Nilai eksport produk perkayuan 2017 mencatatkan Semenanjung Malaysia telah mengeksport 53.97% produk bernilai tambah berbanding primer 46.03%. Kedudukan industri bernilai tambah di Sabah dan Sarawak masih berada di tahap yang rendah kerana aktiviti pengeksportan produk primer seperti pengeksportan kayu balak dan papan lapis masih merupakan aktiviti utama.

Eksport Produk Perkayuan Malaysia 2017, Produk Bernilai Tambah Berbanding Produk Primer

Tahun 2017	Semenanjung Malaysia		Sabah		Sarawak		% Eksport
	Kuantiti	RM	Kuantiti	RM	Kuantiti	RM	
Total Produk Primer	n.a	4,995,063,993	n.a	1,554,647,345	n.a	5,980,282,308	53.97
Total Produk Bernilai Tambah	n.a	10,356,190,589	n.a	123,648,166	n.a	205,440,068	46.03
<b>Jumlah Besar</b>	<b>n.a</b>	<b>15,351,254,582</b>	<b>n.a</b>	<b>1,678,295,511</b>	<b>n.a</b>	<b>6,185,722,376</b>	


Sumber: MTIB

## Program Pembangunan Ladang Hutan

Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) telah bermula pada tahun 2005. Antara objektif penubuhannya adalah bagi memastikan bekalan bahan mentah berasaskan kayu mencukupi bagi kegunaan industri hiliran negara. PPLH diterajui oleh MPIC dan dilaksanakan melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan anak syarikat milik MTIB iaitu *Forest Plantation Development Sdn. Bhd.* (FPDSB).


## Prestasi Pencapaian

Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 64 perjanjian pinjaman PPLH yang terdiri daripada 52 buah syarikat dan agensi kerajaan telah diluluskan oleh MPIC dengan keseluruhan kawasan ladang hutan seluas 117,342.78 hektar daripada jumlah keseluruhan seluas 130,000 hektar. Gambar rajah di bawah menunjukkan pecahan kawasan pembangunan ladang hutan di Malaysia.



## Skala PPLH

Pembangunan Ladang Hutan dikategorikan kepada tiga (3) skala seperti berikut



..... Jenis Skala    ■ Keluasan (ha)

## Persidangan dan Mesyuarat Antarabangsa

### Sesi Ke-53 *International Tropical Timber Council (ITTC) And Associated Sessions Of Committees*

Malaysia menyertai *International Tropical Timber Organization* (ITTO) sejak ia ditubuhkan pada tahun 1983. ITTO ditadbir oleh *International Tropical Timber Council* (ITTC) yang dianggotai oleh 72 buah negara pengeluar dan pengguna kayu tropika di dunia di bawah *International Tropical Timber Agreement* 2006. Peranan Malaysia dalam ITTO adalah untuk menjaga kepentingan negara dalam:

- i. polisi berkaitan pengurusan hutan secara mampan dan konservasi alam sekitar dalam meningkatkan perdagangan kayu tropika;
- ii. mendapatkan maklumat mengenai pasaran antarabangsa dan perkongsian maklumat dan kerjasama yang telus dalam kalangan negara-negara ahli ITTO dalam menangani isu-isu berkaitan perhutanan dan industri kayu;
- iii. merancang strategi meningkatkan eksport kayu dan produk kayu tropika dari sumber yang diurus secara mampan; dan
- iv. rundingan, kerjasama antarabangsa dan pembangunan polisi berkaitan perhutanan dan industri kayu.

Pada tahun 2017, Malaysia telah menghadiri Sesi Ke-53 ITTC pada 27 November hingga 2 Disember 2017 di Lima, Peru. Dalam sesi ini, ITTC telah membincangkan dan memperakukan *ITTO Policy Guidelines for Achieving Gender Equality and Empowering Women* dan laporan pengukuhan pentadbiran dan pengurusan kewangan ITTO. Selain itu, Malaysia turut memberi pandangan berkaitan pembangunan sektor kayu-kayan tropika, pengurusan hutan tropika semula jadi secara mampan serta perdagangan kayu-kayan tropika.



Delegasi Malaysia ke Sesi Ke-53 ITTC di Lima, Peru pada 27 November hingga 2 Disember 2017

### Mesyuarat Ke-10 Dan Ke-11 *Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) Experts Group On Illegal Logging And Associated Trade (EGILAT)*

EGILAT telah ditubuhkan pada tahun 2011 sebagai platform bagi negara anggota untuk mengukuhkan dasar dalam memerangi pembalakan dan perdagangan kayu-kayan serta produk-produk kayu-kayan haram. Selain itu, EGILAT juga menyediakan platform kepada negara anggota untuk berkongsi maklumat dan amalan terbaik dalam membangun dan melaksanakan sistem jaminan kesahan (*legality assurance system*) dalam usaha memastikan supaya produk kayu-kayan adalah daripada sumber yang sah.

Pada tahun 2017, APEC EGILAT telah menganjurkan *Public Private Dialogue with Small and Medium Enterprises (SMEs) on Promoting Legal Trade in*

*Harvested Wood Products and Strengthening Supply Chain Connectivity towards Sustainable Growth* pada 18 dan 19 Februari 2017 dan diikuti oleh Mesyuarat ke-11 APEC EGILAT di Nha Trang, Vietnam pada 20 hingga 21 Februari 2017.

Antara perkara yang dibincangkan dan dipersetujui semasa Mesyuarat termasuklah Pelan Kerja EGILAT 2017, pembentangan mengenai inisiatif memerangi pembalakan haram dan penggalakan perdagangan kayu-kayan yang sah serta pembangunan EGILAT *Timber Legality Guidance Template* oleh negara anggota. Selain itu, Malaysia turut menghadiri Mesyuarat ke-12 APEC EGILAT di Ho Chi Minh City, Viet Nam pada 20 hingga 21 Ogos 2017. Mesyuarat antara lain membincangkan dengan lebih terperinci Pelan Strategik EGILAT bagi tahun 2018–2022.

### Skim Pensijilan Kayu Malaysia

Skim pensijilan hutan nasional iaitu *Malaysian Timber Certification Scheme (MTCS)* merupakan satu skim sukarela yang menyediakan penilaian bebas untuk sijil pengurusan hutan dan rantaian jagaan bagi memastikan pengurusan hutan asli dan ladang hutan yang mampan di Malaysia. MTCS yang dilaksanakan oleh MTCC sejak 2001 untuk:

- i. menggalakkan amalan pengurusan hutan secara mampan di Malaysia melalui pensijilan pengurusan hutan; dan
- ii. memudahcarakan pengeluaran dan pengeksportan produk kayu bersijil yang memenuhi keperluan pasaran antarabangsa.



## Penurunan Kuasa Pelesenan Eksport Dan Import Kayu Serta Produk Kayu Daripada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia Kepada Jabatan Perhutanan Sabah

Mulai 1 Jun 2017, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) telah menguatkuasakan Perintah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) (Pengecualian) 2017. Ia adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 9 November 2012 dan 28 Ogos 2013 supaya kuasa pelesenan eksport dan import kayu dan produk kayu yang dilaksanakan oleh MTIB diturunkan ke Jabatan Perhutanan Sabah (SFD).

Dalam hal ini, SFD akan mengambil alih tugas dan peranan MTIB yang dilaksanakan sebelum ini di Sabah bagi aktiviti yang melibatkan pengeksport, pengimport, pembekal dan pengendali jeti termasuk perihal penguatkuasaan mulai tarikh tersebut. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti lain iaitu pemeringkat, pemproses, pedagang dan pengendali akan terus dikawal selia oleh MTIB.

Selain itu, MTIB akan meneruskan aktiviti-aktiviti pembangunan modal insan, Program Pemerkaasan Ekonomi Bumiputera dan Taman Industri Perabot (TIP), pembangunan ladang hutan, promosi dan pemasaran kayu dan produk kayu, penyelarasan Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) serta hal-hal lain berhubung Industri Perakayuan Malaysia di negeri Sabah.

Majlis Penurunan Kuasa Pelesenan Eksport dan Import Kayu serta Produk Kayu daripada MTIB kepada Jabatan Perhutanan Sabah telah diadakan pada 22 Mei 2017 bertempat di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu, Sabah dan disaksikan oleh YB Datuk Datu Nasrun Datu Mansur, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi.



Sesi menandatangani Nota Penyerahan Penurunan Kuasa Pelesenan Eksport dan Import Kayu serta Produk Kayu daripada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia ke Jabatan Perhutanan Sabah yang disaksikan oleh YB Datuk Datu Nasrun Datu Mansur, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi



## Pengiktirafan Skim Pensijilan Kayu Malaysia Oleh Kerajaan Belanda

Malaysia selaku pengeluar utama dan pengeksport produk kayu tropika sentiasa mengambil langkah memastikan bahawa produk kayu-kayan yang dibekalkan diperoleh dari hutan yang diurus secara mampan. Dalam hal ini, Majlis Pensijilan Kayu Malaysia (*Malaysian Timber Certification Council - MTCC*) telah memainkan peranan yang penting untuk membangun dan mengendalikan Skim Pensijilan Kayu Malaysia (*Malaysian Timber Certification Scheme - MTCS*). MTCS merupakan satu skim sukarela yang menyediakan penilaian bebas untuk pensijilan pengurusan hutan dan rantaian jagaan bagi memastikan pengurusan hutan asli dan ladang hutan yang mampan di Malaysia.

Terkini, selaras dengan perbahasan Parlimen Belanda pada 18 Januari 2017, MTCS telah menerima pengiktirafan penuh di bawah Dasar Perolehan Kayu Mampan Belanda. Ini telah meletakkan MTCS setanding dengan skim pensijilan antarabangsa yang lain seperti *Programme for Endorsement of Forest Certification (PEFC)* dan *Forest Stewardship Council (FSC)* yang turut diterima untuk digunakan dalam projek-projek awam di Belanda.

Pengiktirafan ini membolehkan kayu bersijil dari Malaysia diguna pakai dalam projek pembangunan awam di Belanda dan akan meningkatkan prestasi eksport kayu bersijil ke Belanda dan negara-negara lain yang mempunyai dasar perolehan awam bagi produk kayu mampan. Pengiktirafan ini juga akan meningkatkan imej negara di peringkat antarabangsa selaras dengan komitmen negara dalam pelaksanaan pengurusan perhutanan secara mampan.

## Pengiktirafan MTCS

### Dasar Perolehan Awam





Malaysian Wood Industries Association MWIA 60th Anniversary Celebration di One World Hotel, Bandar Utama

## Wood and Biofiber International Conference (WOBIC 2017)

Program *Wood and Biofiber International Conference (WOBIC 2017)* telah diadakan pada 21 November 2017. Persidangan tersebut melibatkan anjuran bersama *Institute of Tropical Forestry and Forest Product (INTROP)* UPM dan *Fujian Agriculture and Forestry University (FAFU)* dan melibatkan 185 penyertaan dari 10 buah negara. Persidangan ini memberi peluang kepada pembangunan produk terkini melibatkan sumber alternatif yang boleh diperbaharui berasaskan fiber semulajadi termasuk impak kepada sosioekonomi terhadap komoditi kayu dan biofiber.




Majlis Perasmian Wood and Biofiber International Conference 2017 (WOBIC2017)  
di Hotel Bangi-Putrajaya, Bandar Baru Bangi, Selangor

# KOMODITI LADA



**11,640 Tan -  
Eksport  
Keseluruhan  
Lada**



## Kawasan Tanaman Lada

Di Malaysia, seramai 67,387 pengusaha yang terlibat dalam penanaman lada dengan keluasan anggaran 17,078 hektar pada tahun 2017. Sembilan puluh lapan peratus daripada penanaman lada tertumpu di Sarawak dan selebihnya adalah di Sabah dan Semenanjung Malaysia. Keluasan tanaman lada pada tahun 2017 telah meningkat kepada 17,078 hektar atau sebanyak 1.8% berbanding 16,768 hektar pada tahun 2016 seperti pada jadual di bawah.

Kawasan Tanaman Lada


Kawasan	2016		2017	
	Bil Pekebun/ Pengusaha	Keluasan (Ha)	Bil Pekebun/ Pengusaha	Keluasan (Ha)
Sarawak	67,000	16,516.0	67,000	16,798.0
Sabah	118	15.7	167	24.4
Semenanjung	193	236.3	220	255.6
<b>Jumlah</b>	<b>67,311</b>	<b>16,768.0</b>	<b>67,387</b>	<b>17,078.0</b>

Sumber: Lembaga Lada Malaysia

## Pengeluaran

Pada tahun 2017, pengeluaran lada adalah sebanyak 30,433 tan metrik dan keadaan ini telah mencatatkan peningkatan sebanyak 4.1% daripada 29,245 tan metrik yang dicapai pada tahun 2016. Peningkatan ini adalah hasil sumbangan oleh pengembangan tanaman lada di seluruh negara.

### Pengeluaran Lada Di Malaysia (tan)



## Harga

Harga bagi kedua-dua lada hitam dan lada putih dibuka pada RM19,472 satu tan dan RM31,167 satu tan masing-masing pada tahun 2017. Tetapi harga lada mula menurun pada suku tahun kedua ekoran daripada sentimen pasaran dunia. Purata harga bagi kedua-dua lada hitam dan putih masing-masing pada paras RM16,275 satu tan dan RM25,402 satu tan metrik bagi tahun 2017 seperti jadual di bawah.

Harga Purata Bulanan Pada 2016 Dan 2017

Bulan	2016		2017	
	Lada Hitam	Lada Putih	Lada Hitam	Lada Putih
Januari	30,000	50,000	19,472	31,167
Februari	29,671	49,526	20,475	33,600
Mac	29,000	49,000	18,511	31,543
April	28,429	48,714	19,720	29,970
Mei	28,000	48,500	19,253	29,970
Jun	28,000	48,500	16,995	29,140
Julai	27,053	46,924	12,657	12,618
Ogos	25,520	42,862	14,893	23,417
September	25,000	37,319	17,316	25,335
Oktober	24,921	36,762	16,692	24,914
November	19,575	30,670	14,302	21,528
Disember	17,775	29,292	13,398	20,185
<b>Jumlah</b>	<b>26,040</b>	<b>43,114</b>	<b>16,275</b>	<b>25,402</b>

Sumber: Lembaga Lada Malaysia



Produk-produk lada di pasaran

## Produk-produk Berasaskan Lada Di Pasaran

Harga komoditi lada berkait rapat dengan harga pasaran lada antarabangsa. Apabila harga pasaran lada naik, harga lada tempatan turut naik. Untuk memastikan harga lada berada di tahap yang stabil dan berdaya saing di pasaran antarabangsa, Kerajaan melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) telah berusaha dengan melaksanakan program-program seperti berikut:

### i. Meningkatkan Penggunaan Lada Dalam Negara

Salah satu faktor ketidakstabilan harga lada tempatan iaitu tahap kebergantungan tinggi terhadap pasaran antarabangsa. Bagi mengalakkan penggunaan lada dalam negara, MPB telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan program promosi seperti mengambil bahagian dalam pameran-pameran, menganjurkan program galakan pasaran dalam negara, membuat pembangunan produk baharu berasaskan lada, menganjurkan *Pepper Day* sempena hari pembentukan *International Pepper Community (IPC)* di mana negara-negara ahli IPC yang lain turut menganjurkannya bagi meningkatkan penggunaan lada dalam domestik dan sebagainya.

Usaha ini telah berjaya meningkatkan penggunaan lada dalam negara daripada 500 tan metrik pada tahun 1980 kepada 10,550 tan metrik pada tahun 2017. Ini telah mengurangkan kebergantungan industri lada Malaysia kepada pasaran lada antarabangsa dan seterusnya dapat menstabilkan harga lada tempatan.

**ii. Pengeluaran Lada Premium Peringkat Ladang**

Kerajaan melalui MPB telah melaksanakan program untuk menggalakkan pekebum lada mengeluarkan lada berkualiti premium seperti Lada Putih Krim (LPK) dan Lada Berkualiti Eksport (LBE) supaya pekebum lada boleh mendapat harga yang lebih tinggi berbanding sekiranya mengeluarkan gred lada peringkat ladang.

**iii. Menjual Terus Ke Pasaran Istimewa (“niche market”)**

Oleh sebab kos pengeluaran yang tinggi, lada keluaran Malaysia menghadapi masalah bersaing secara terus bagi pasaran bahan mentah dengan negara pengeluar lain seperti Vietnam dan Indonesia di mana kos pengeluaran adalah lebih rendah. Untuk meningkatkan daya saing industri lada Malaysia, MPB telah memperkenalkan beberapa produk lada tambah nilai peringkat kilang seperti Lada Steril (*Mikrokleen*) dan serbuk lada untuk pasaran yang lebih mementingkan keselamatan dan kualiti makanan dan produk istimewa peringkat ladang seperti Lada Putih Krim (LPK). Setakat ini, MPB telah berjaya menembusi pasaran produk lada tambah nilai dan pasaran lada istimewa di Jepun, Sweden, Korea Selatan, China, Amerika Syarikat, Taiwan, New Zealand, Australia dan lain-lain lagi. Pasaran-pasaran tersebut mampu membayar harga yang lebih tinggi berbanding harga bahan mentah.

**iv. Membeli Pada Harga Sama Di Seluruh Malaysia**

Persaingan adalah penting untuk menstabilkan harga komoditi. Bagi memastikan persaingan yang sihat di pasaran lada tempatan, MPB membeli lada pada harga yang sama di seluruh negara. Ini telah memberi persaingan kepada peraih dan pengeksport lada untuk

menawarkan harga yang lebih kompetitif untuk mendapat bekalan lada dan seterusnya dapat mengurangkan spekulasi harga.

**v. Peningkatan R&D Dalam Industri Lada**

R&D merupakan satu aspek yang penting yang diambil oleh MPB untuk meningkatkan produktiviti, mempelbagaikan produk berasaskan lada dan sebagainya supaya industri lada Malaysia berdaya saing dan relevan di pasaran lada antarabangsa. Pelbagai produk baru seperti sos lada hitam, minyak wangi lada, ‘smoke flavoured seasoning’, ‘garlic pepper sauce’, ‘black pepper marinade cube’ dan sebagainya telah dibangunkan. Beberapa syarikat telah mengeluarkan produk-produk berasaskan lada tersebut dan ini merupakan petanda yang baik kepada industri lada Malaysia dari aspek peningkatan penggunaan lada dan seterusnya mengurangkan kebergantungan industri lada Malaysia kepada pasaran lada mentah antarabangsa di samping menstabilkan harga lada.

**vi. Kerjasama Dengan Negara-negara Pengeluar**

Malaysia sedang bekerja sama dengan negara-negara pengeluar utama lada melalui *International Pepper Community* (IPC) untuk menerokai pasaran baru supaya dapat meningkatkan permintaan terhadap lada pada keseluruhannya. Dengan adanya peningkatan kerjasama di antara negara-negara ahli IPC, maka ia dapat mencegah berlakunya keadaan bekalan lada yang berlebihan di pasaran dunia. Sehingga kini, keadaan pasaran lada dunia masih berada di tahap permintaan melebihi penawaran. Usaha ini dilihat mampu menyumbang kepada harga lada yang lebih tinggi dan lumayan.

#### vii. Skim Sijil Penyimpanan dan Pemilikan Lada (SPPL)

Kerajaan melalui MPB dengan satu daripada program untuk menstabilkan harga adalah memberi opsyen kepada pekebun dari segi jangka masa yang menguntungkan untuk menjual semula simpanan lada dengan MPB pada satu masa kelak. Pendekatan ini bertujuan membantu pekebun lada meringankan tekanan jualan dengan membolehkan pekebun lada menyimpan lada di gudang-gudang MPB dengan selamatnya dan menjual lada mereka apabila harga kembali pulih. Serba sedikit ini akan menahan bekalan daripada pasaran melebihi permintaan dan seterusnya boleh menstabilkan harga.

#### viii. Penyelenggaraan Alternatif Berterusan di Peringkat Kebun

Salah satu isu utama dalam mengusahakan tanaman lada adalah kos penyelenggaraan yang tinggi iaitu baja. Bagi memastikan tanaman lada diselenggara secara berterusan walaupun harga pasaran jatuh, pekebun mempunyai pembajaan alternatif dengan menggunakan baja organik. Kerajaan boleh membantu dengan memperkenalkan penggunaan baja organik yang berkos rendah. Langkah ini bertujuan memberi galakan kepada para pekebun supaya terus mengusahakan kebun lada walaupun harga baja konvensional mahal.

## Prestasi Perdagangan dan Industri

Malaysia mengeksport lada ke beberapa buah negara di seluruh dunia dan Jepun merupakan pengimport utama lada Malaysia. Pada tahun 2017, sebanyak 2,963 tan metrik atau 25.5% daripada 11,640 tan metrik eksport keseluruhan lada negara adalah ke Jepun seperti yang dipaparkan pada jadual di bawah.

Eksport Lada Malaysia Mengikut Destinasi

Negara	2016 <sup>r</sup>			2017 <sup>p</sup>		
	Kuantiti ('000 Tan)	Nilai (RM Juta)	%	Kuantiti ('000 Tan)	Nilai (RM Juta)	%
Jepun	3.13	142.87	29.1	2.96	99.81	32.3
China	2.09	84.04	17.1	2.19	51.92	16.8
Vietnam	1.78	59.57	12.2	1.51	30.42	9.8
Taiwan	1.36	44.30	9.0	1.45	30.26	9.8
Singapura	1.16	35.99	7.3	1.02	22.27	7.2
Korea Selatan	0.91	32.89	6.7	0.84	20.88	6.8
Sepanyol	0.44	17.29	3.5	0.43	12.66	4.1
Thailand	0.19	10.71	2.2	0.22	11.55	3.7
Hong Kong	0.30	12.25	2.5	0.16	6.77	2.2
Filipina	0.21	7.23	1.5	0.21	4.37	1.4
Sri Lanka	0.20	24.78	5.1	0.24	4.10	1.3



## Eksport Lada Malaysia Mengikut Destinasi (Sambungan)

Negara	2016 <sup>r</sup>			2017 <sup>p</sup>		
	Kuantiti (‘000 Tan)	Nilai (RM Juta)	%	Kuantiti (‘000 Tan)	Nilai (RM Juta)	%
Sweden	0.06	3.76	0.8	0.05	2.33	0.8
Amerika Syarikat	0.05	2.91	0.6	0.03	1.39	0.5
Belanda	0.02	0.63	0.1	0.05	1.22	0.4
Lain-lain	0.27	9.20	1.9	0.22	6.53	2.1
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>12.20</b>	<b>490.17</b>	<b>100.0</b>	<b>11.64</b>	<b>308.87</b>	<b>100.0</b>
Kesatuan Eropah	0.59	25.18	5.1	0.62	20.66	6.7

Selain daripada itu, Malaysia juga mengeksport lada ke negara-negara lain di Asia, seperti China, Vietnam, Taiwan dan Singapura serta turut menembusi beberapa pasaran di benua Eropah, Amerika Syarikat, Afrika Selatan, Australia dan New Zealand walaupun dalam kuantiti yang kecil.

Pada tahun 2017, nilai eksport telah mencatatkan hasil sebanyak RM309 juta seperti yang dipaparkan pada carta pengeluaran lada di Malaysia (tan) di atas.

### Bantuan dan Insentif Untuk Pekebun Kecil Lada

Insentif yang telah diberikan oleh Kerajaan melalui MPB telah memanfaatkan seramai 2,980 orang pekebun kecil lada yang melibatkan kawasan tanaman seluas 310 hektar. Pada tahun 2017 Program Pembangunan Tanaman Lada untuk Skim Tanaman Baru ini diperuntukkan sebanyak RM6.3 juta yang meliputi Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia.

Objektif Skim Tanaman Baharu Lada adalah membantu pekebun kecil mengusahakan tanaman lada yang belum matang sepenuhnya seperti kumpulan berikut:

- i. Pekebun yang baharu mengusahakan tanaman lada;
- ii. Pekebun yang hendak meluaskan kawasan tanaman; dan
- iii. Pekebun yang menanam semula (*re-planting*) bagi menggantikan kebun yang diserang teruk oleh penyakit dan makhluk perosak serta kerosakan akibat bencana alam.

Had bantuan yang diberi kepada pekebun kecil lada dalam setahun adalah untuk 200 pokok (0.1 Ha). Keutamaan untuk menghadiri seminar, lawatan pembelajaran dan Hari Peladang Penternak dan Nelayan pula diberi kepada pekebun yang menanam lada melebihi 0.5 hektar (1,000 pokok).

Bentuk dan nilai bantuan yang diberikan adalah seperti berikut:

- i. Input pertanian (baja dan *dolomite*);
- ii. Bayaran insentif secara tunai bagi keratan lada & tiang sokongan;
- iii. Khidmat nasihat; dan
- iv. Nilai bantuan: RM2,600 untuk 0.1 hektar bagi tempoh 2 tahun dengan pecahan peruntukan mengikut keperluan anak pokok lada. Rujuk jadual di bawah.

Nilai Bantuan Bagi Penanaman Lada Berdasarkan Kepada 0.1 Hektar  
(200 Pokok) Untuk Tempoh 2 Tahun

Input Pertanian	Unit	Tahun 1		2017 <sup>P</sup>		Jumlah Besar (RM)
		Keperluan	Jumlah (RM)	Keperluan	Jumlah (RM)	
Baja sebatian	25kg/beg	3 beg	200	6 beg	400	600
Baja Bio-Kimia	25kg/beg	1 beg	60	2 beg	120	180
Insentif Bekalan Keratan Lada	batang	200 batang	600	-	-	600
Insentif Bekalan Tiang Sokongan	batang	200 batang	1,000	-	-	1,000
Dolomite	25kg/beg	8 beg	140	4 beg	80	220
<b>Jumlah Eksport</b>			<b>2,000</b>		<b>600</b>	<b>2,600</b>

### Syarat-Syarat Pemilihan Penerima Bantuan Di Sarawak Dan Semenanjung Malaysia

- i. Penerima bantuan adalah warganegara Malaysia;
- ii. Pekebun yang memiliki pokok lada baru yang berusia 2 tahun dan ke bawah;
- iii. Mempunyai tanah yang sesuai untuk tanaman lada;
- iv. Menanam sama ada di tanah sendiri, tanah sewa atau *Term of Lease* (TOL); dan
- v. Pemohon yang pernah mendapat bantuan daripada Lembaga Lada Malaysia layak memohon dan dipertimbangkan semula untuk mendapatkan bantuan selepas selang satu (1) tahun dari tahun beliau menerima bantuan.

## Syarat-Syarat Pemilihan Penerima Bantuan Di Sabah

- i. Penerima adalah warganegara Malaysia;
- ii. Mempunyai tanah yang sesuai untuk tanaman lada;
- iii. Menanam sama ada di tanah sendiri, tanah sewa atau TOL (*Term of Lease*); dan
- iv. Pemohon yang pernah mendapat bantuan daripada Lembaga Lada Malaysia layak memohon dan dipertimbangkan semula untuk mendapatkan bantuan selepas selang satu (1) tahun dari tahun beliau menerima bantuan.

## Penglibatan Antarabangsa

Penyertaan Malaysia yang melibatkan Lembaga Lada Malaysia (MPB):

### **International Pepper Community (IPC)**

MPB adalah ahli kepada sebuah pertubuhan antarabangsa iaitu IPC yang telah ditubuhkan pada tahun 1972 di bawah kawalselia *United Nations Economics and Social Commission for Asia and the Pacific* (UN-ESCAP). IPC terdiri daripada enam negara pengeluar lada iaitu Brazil, India, Indonesia, Malaysia, Sri Lanka dan Vietnam sebagai ahli penuh dan Papua New Guinea dan Provensi Hainan sebagai *associate member*.

Ibu Pejabat IPC terletak di Jakarta, Indonesia. Persidangan IPC diadakan pada setiap tahun dan dianjurkan secara bergilir-gilir di kalangan negara anggota. Setiap mesyuarat IPC dan mesyuarat jawatankuasa yang berkaitan akan melibatkan semua pihak yang terlibat dalam industri lada seperti pengeluar, pengeksport, broker dan juga pihak kerajaan.



Pn. Mariam Ilias (wakil MPIC) selaku Ketua Delegasi Malaysia menerima cenderamata sebagai simbolik menjadi tuan rumah bagi persidangan IPC pada tahun 2018

Malaysia sedang bekerjasama dengan negara-negara pengeluar utama lada melalui *International Pepper Community* (IPC) untuk menerokai pasaran baru agar meningkatkan permintaan terhadap lada pada keseluruhannya. Dengan adanya peningkatan permintaan terhadap lada, pasaran lada global dapat membendung daripada berlakunya keadaan bekalan yang berlebihan. Selain itu, usaha ini dapat juga megekalkan harga lada pada tahap yang kompetitif dan menguntungkan.

Mesyuarat *Pepper-tech International Pepper Community* (IPC) ke-42 telah diadakan pada 31 Oktober 2017 di Kandy, Sri Lanka bersempena dengan Sesi Tahunan dan Mesyuarat *International Pepper Community* ke-45 anjuran bersama oleh Kementerian Industri Utama, Sri Lanka dan IPC Jakarta. Mesyuarat *Pepper-tech* IPC yang bertemakan “*Quality and Sustainability of Pepper and Pepper Products*” telah dihadiri oleh saintis, pegawai, wakil perdagangan dan penanam lada dari negara-negara anggota IPC termasuk Malaysia serta para pengeksport dan pengimport lada dari seluruh dunia.

Mesyuarat berkenaan memberi fokus kepada pelbagai isu berkaitan perdagangan, penyelidikan,

kualiti dan perkembangan terkini industri lada di peringkat antarabangsa, di samping meningkatkan hubungan kerjasama dengan negara-negara pengeluar lada di dunia.

Antara agenda-agenda yang telah dibincang dan dipertimbangkan serta diterima pakai adalah seperti berikut:

- i. Semakan semula ke atas laporan kemajuan berhubung status tindakan susulan yang telah diambil seperti disyorkan dalam mesyuarat *Pepper-Tech* ke-41;
- ii. Perbincangan kertas negara oleh negara anggota IPC yang meliputi pengeluaran, eksport, import, penggunaan domestik dan per kapita & *carry over stock* lada (sebenar untuk 2016, anggaran untuk 2017 & unjuran untuk 2018); dan
- iii. Pembentangan kertas teknikal oleh pakar dan saintis dari negara anggota IPC yang meliputi penyelidikan pembiak bakaan, amalan penanaman mesra alam, pengurusan tanaman bersepadu, pengurusan nutrisi, penyakit dan perosak bersepadu ke arah pembangunan industri lada yang mampan.



Penghargaan diberikan oleh IPC kepada penyelidik dan wakil industri lada

### ***Bilateral Cooperation On Commodities Between Indonesia And Malaysia***

Lembaga Lada Malaysia (MPB) menyertai 'Sub Working Group On Pepper (SWGPP)' bagi 'Bilateral Cooperation On Commodities Between Indonesia And Malaysia' yang bermesyuarat sekali dalam dua tahun. Pegawai-pegawai daripada MPB merupakan delegasi yang diketuai oleh pegawai daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) yang mewakili Malaysia untuk komoditi lada berkaitan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan berkaitan dengan pengeluaran dan pemasaran lada.

### ***ASEAN National Focal Point Working Group (ANFPWG)***

Lembaga Lada Malaysia (MPB) menganggotai Kumpulan Kerja Lada bagi ASEAN National Focal Point Working Group (ANFPWG) berkaitan ASEAN Cooperation and Joint Approaches in Agriculture and Forest Products Promotion Scheme. Pegawai-pegawai MPB turut menyertai delegasi daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) yang mewakili Malaysia untuk komoditi lada.

Kumpulan Kerja Lada telah ditubuhkan atas Memorandum Persefahaman (MoU) daripada Kerjasama ASEAN dalam Skim Promosi Pertanian dan Produk Hutan bertujuan mengukuh dan meningkatkan pembangunan industri lada di rantau ini dan seterusnya mengukuhkan perdagangan lada dan produk lada antara negara-negara ASEAN.

### ***Coordinated Regional Downscaling Experiment (CORDEX)***

Malaysia merupakan ahli kepada pertubuhan CORDEX. *Cordex Alimentarius* mempunyai *Cordex Alimentarius Commission* (CAC) sebagai jawatankuasa induk. Di bawah CAC terdapat beberapa 'Cordex Committee Vertical dan Horizontal'. *Cordex Committee* yang horizontal terdiri daripada pelbagai Jawatankuasa yang merentasi pelbagai komoditi makanan manakala Jawatankuasa menegak terdiri daripada jawatankuasa komoditi.

Contoh Jawatankuasa Horizontal adalah *Cordex Committee on Food Hygiene* (CCFH), *Cordex Committee on Pesticide*

*Residues* (CCPR), *Cordex Committee on Contaminants in Foods* (CCCF), *Cordex Committee on Methods of Analysis and Sampling* (CCMAS) dan lain sebagainya.

Manakala Jawatankuasa menegak terdiri daripada *Cordex Committee on Spices & Culinary Herbs* (CCSCH), *Cordex Committee on Oils & Fats* (CCOF), *Cordex Committee on Fresh Fruits & Vegetables* (CCFFV) dan sebagainya.

Untuk mencapai kesepakatan di peringkat wilayah / benua, pelbagai Jawatankuasa wilayah ditubuhkan di antaranya *Cordex Committee Asia* (CCAsia), *Cordex Committee Africa* (CCAfrica), *Cordex Committee EU* (CCEU), *Cordex Committee Latin American Countries* (CCLAC) dan sebagainya.

Secara ringkasnya peranan *Cordex Committee* adalah seperti yang berikut:

- a. CCSCH - Standard Kualiti bagi Rempah Ratus dan Herba Kulinari
- b. CCFH - Standard Kebersihan (mikrobiologi dan parasit) Semua Komoditi Makan
- c. CCCF - Standard Kandungan Logam Berat dan Toksin di dalam semua komoditi makanan
- d. CCPR - Standard Kandungan Sisabaki Racun Makhhluk Perosak di dalam semua komoditi makanan

Setakat ini MPB hanya menghadiri CCSCH, CCFH dan CCCF memandangkan terdapat isu-isu atau agenda berbangkit yang melibatkan komoditi rempah ratus, termasuk lada. MPB juga merancang untuk menghadiri CCPR, memandangkan CCSCH membangkitkan isu-isu berkaitan logam berat dan sisabaki racun makhhluk perosak di dalam rempah-ratus, termasuk lada.

# KOMODITI KOKO



Pada tahun 2017, industri koko di Malaysia telah mengalami pertumbuhan yang sederhana diterajui oleh kedua-dua sektor hulu dan hiliran koko. Industri penanaman koko meliputi kedua-dua sektor pekebun kecil dan estet mencatatkan jumlah keluasan dianggarkan sebanyak 17,554 hektar. Sabah menyumbangkan 39.6% daripada jumlah keluasan diikuti oleh Sarawak (39.1%) dan Semenanjung Malaysia sebanyak (21.3%). Tanaman koko di Malaysia dipelopori oleh sektor pekebun kecil iaitu sebanyak 94.8% dan baki sebanyak 5.2% adalah di sektor estet perladangan.



**Jumlah keluasan dianggarkan sebanyak 17,554 hektar**

**Sabah menyumbang 39.6%**

**Sarawak menyumbang 39.1%**

**Semenanjung Malaysia menyumbang 21.3%**

Bagi sektor pengeluaran koko, hasil tanaman yang masih rendah di antara 0.5 tan/ha hingga 0.7 tan/ha telah mempengaruhi jumlah pengeluaran biji koko Malaysia berkurangan sebanyak 41.4% berbanding 1,757 tan metrik pada tahun 2016. Manakala aktiviti pengisaran koko yang merupakan peneraju utama dan menyumbang kepada keseluruhan nilai tambah industri koko di Malaysia telah mencatatkan jumlah pengisaran sebanyak 218,258 tan metrik. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 7.5% berbanding 203,093 tan metrik pada tahun 2016. Peningkatan pengisaran tempatan adalah dipengaruhi oleh permintaan yang tinggi terhadap produk-produk koko terutamanya produk coklat di negara-negara membangun khususnya di rantau Asia. Malaysia dianggarkan menyumbang sebanyak 6.6% kepada jumlah pengisaran dunia menjadikan Malaysia pemproses ketujuh terbesar di dunia selepas Cote d'Ivoire, Belanda, Jerman, Amerika Syarikat, Indonesia dan Brazil. Malaysia juga merupakan pengisar kedua terbesar di rantau Asia dan pemproses tempasal keempat terbesar selepas Cote d'Ivoire, Indonesia dan Brazil.

**keseluruhan nilai tambah industri koko di Malaysia telah mencatatkan jumlah pengisaran sebanyak**  
**218,258 tan**

**Peningkatan sebanyak 7.5%**  
**berbanding 203,093 tan**  
**metrik pada tahun 2016**

**Malaysia dianggarkan menyumbang 6.6%**  
**kepada jumlah pengisaran dunia**  
**menjadikan Malaysia pemproses**  
**ketujuh terbesar**  
**di dunia**

Kini terdapat enam pengisar koko di Malaysia yang terlibat dalam pengisaran biji koko yang dilengkapi dengan peralatan mesin, teknologi dan infrastruktur moden serta pekerja berkemahiran yang berkeupayaan menghasilkan produk koko berkualiti tinggi yang diterima baik di peringkat antarabangsa dengan harga yang kompetitif.

Ringkasan Statistik Koko Malaysia Bagi Tahun 2013-2017<sup>a</sup>

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017 <sup>a</sup>
Keluasan (ha)	13,826	16,102	18,122	17,421	17,554
Semenanjung	3,216	3,822	4,101	3,734	3,734
Sabah	5,059	6,260	7,072	6,872	6,958
Sarawak	5,551	6,020	6,949	6,815	6,862
Pengeluaran (tan)	2,809	2,665	1,728	1,757	1,029
Semenanjung	836	910	719	597	407
Sabah	1,494	1,139	664	887	398
Sarawak	479	616	345	273	224
Pengisaran (tan)	285,608	244,423	187,695	203,093	218,258

Sumber: Lembaga Koko Malaysia (LKM)

## Kemajuan Harga Koko Bagi Tahun 2017

Secara keseluruhannya, harga biji koko pada tahun 2017 menunjukkan *trend* penurunan yang drastik. Pada bulan Januari dan Februari, harga menurun berikutan aliran keluar biji koko musim utama tahun 2016/17 dari Cote d'Ivoire. Pengeluaran biji koko di Cote d'Ivoire pada tahun 2016/17 diramalkan mencapai 2 juta tan metrik manakala ekonomi koko dunia pula diramalkan mengalami lebih pengeluaran sebanyak 264 ribu tan metrik.

Penurunan harga dalam tempoh yang dimaksudkan didorong oleh penurunan pengisaran suku tahun keempat 2016 di Amerika Utara dan Eropah, iaitu masing-masing sebanyak 1.1% dan 0.9% berbanding tempoh yang sama tahun 2015. Walau bagaimanapun, harga pada bulan Mac menunjukkan sedikit peningkatan berikutan kebimbangan cuaca kering di kebanyakan kawasan penanaman utama di Cote d'Ivoire menjejaskan pengeluaran musim pertengahan tahun 2016/17.

Pada bulan April, harga mengalami penurunan yang drastik berikutan ramalan ekonomi koko dunia pada tahun 2016/17 mengalami lebih pengeluaran yang besar. ICCO telah meningkatkan ramalan lebih pengeluaran koko dunia pada tahun 2016/17 kepada 382 ribu tan metrik berbanding ramalan awal sebanyak 264 ribu tan metrik. Penurunan harga juga didorong oleh permintaan koko dunia yang perlahan. Pengisaran biji di Eropah pada suku tahun pertama 2017 menunjukkan peningkatan sebanyak 1.1% kepada 339,485 tan metrik manakala pengisaran di Jerman menurun sebanyak 7.7% berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Harga biji koko pada Mei sehingga September pula menunjukkan fluktuasi di sekitar 1,500 pound satu tan metrik. Peningkatan harga dalam tempoh tersebut disumbangkan oleh kebimbangan hujan

yang berterusan di Cote d'Ivoire boleh menjejaskan pengeluaran musim utama 2017/18. Peningkatan harga juga didorong oleh ramalan pengeluaran tahun 2017/18 di Afrika Barat menurun berbanding tahun sebelumnya berikutan kurangnya aplikasi input oleh petani kesan daripada kedudukan harga biji koko yang rendah.

Pengeluaran di Cote d'Ivoire dan Ghana pada tahun 2017/18 masing-masing diramalkan menurun kepada 1.9 juta dan 850 ribu tan metrik berbanding 2.0 juta dan 915 ribu tan metrik pada tahun 2016/17. Penurunan harga dalam tempoh yang dimaksudkan didorong oleh kebimbangan pengeluaran biji koko dunia akan terus mengalami lebih pengeluaran untuk dua tahun berturut-turut pada tahun 2017/18.

Pada bulan Oktober kedudukan harga menunjukkan sedikit peningkatan disumbangkan oleh ramalan peningkatan pengisaran biji koko dunia berikutan kedudukan harga biji koko yang rendah. Peningkatan harga dalam tempoh tersebut juga disumbangkan oleh peningkatan pengisaran suku tahun ketiga 2017 di wilayah Amerika dan Asia. Pengisaran suku tahun ketiga di wilayah Asia dan Amerika masing-masing meningkat 12.9% dan 0.68% kepada 189,407 dan 125,263 tan metrik berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Walaupun bagaimanapun, kedudukan harga biji koko dunia pada bulan November dan Disember mengalami penurunan yang mendadak. Penurunan dalam tempoh ini disumbangkan prospek pengeluaran yang baik untuk musim utama 2017/18 di Cote d'Ivoire serta peningkatan nilai matawang Pound. Rabobank meramalkan ekonomi koko dunia pada tahun 2017/18 mengalami lebih pengeluaran sebanyak 130 ribu tan metrik setelah mengalami lebih pengeluaran yang besar sebanyak 335 ribu



tan metrik pada tahun 2016/17. Nilai matawang Pound meningkat kepada yang tertinggi dalam tempoh dua bulan berikutan rundingan 'Brexit' di antara Britain dan Kesatuan Eropah berjalan dengan baik.

Secara keseluruhannya, purata harga pada tahun 2017 di Tawau, Raub dan London masing-masing menunjukkan penurunan sebanyak 26.2%, 24.2% dan 28.8% kepada RM6,178, RM6,496 dan 1,561 pound satu tan metrik berbanding tahun 2015.

Ringkasan Statistik Koko Malaysia Bagi Tahun 2013-2017<sup>a</sup>

	Tawau (RM/tan metrik)			Raub (RM/tan metrik)			London (£/tan metrik)		
	2016	2017	%	2016	2017	%	2016	2017	%
Januari	8,155	7,096	-12.99	8,484	7,406	-12.71	2,085	1,764	-15.40
Februari	8,351	6,531	-21.79	8,263	6,741	-18.42	2,072	1,619	-21.86
Mac	8,338	6,460	-22.52	8,450	6,908	-18.25	2,215	1,657	-25.19
<b>Purata</b>	<b>8,281</b>	<b>6,696</b>	<b>-19.15</b>	<b>8,399</b>	<b>7,018</b>	<b>-16.44</b>	<b>2,124</b>	<b>1,680</b>	<b>-20.90</b>
April	8,033	6,113	-23.90	8,276	6,833	-17.44	2,202	1,530	-30.52
Mei	8,372	5,816	-30.53	8,618	6,303	-26.86	2,209	1,523	-31.05
Jun	8,606	6,058	-29.61	8,710	6,534	-24.98	2,295	1,553	-32.33
<b>Purata</b>	<b>8,337</b>	<b>5,996</b>	<b>-28.08</b>	<b>8,535</b>	<b>6,557</b>	<b>-23.18</b>	<b>2,235</b>	<b>1,535</b>	<b>-31.32</b>
Julai	8,686	6,002	-30.82	8,728	6,386	-26.83	2,422	1,523	-37.12
Ogos	9,049	6,097	-32.62	9,211	6,322	-31.36	2,410	1,519	-36.97
September	8,843	5,713	-33.13	9,180	6,172	-32.77	2,260	1,487	-34.20
<b>Purata</b>	<b>8,856</b>	<b>6,004</b>	<b>-32.20</b>	<b>9,040</b>	<b>6,293</b>	<b>-30.38</b>	<b>2,364</b>	<b>1,510</b>	<b>-36.14</b>
Oktober	8,588	6,358	-25.97	8,895	6,289	-29.30	2,259	1,565	-30.72
November	8,019	6,325	-21.12	8,305	6,364	-23.37	2,053	1,578	-23.14
Disember	7,404	5,371	-27.46	7,743	5,695	-26.45	1,832	1,410	-23.03
<b>Purata</b>	<b>8,004</b>	<b>6,018</b>	<b>-24.81</b>	<b>8,314</b>	<b>6,116</b>	<b>-26.44</b>	<b>2,048</b>	<b>1,518</b>	<b>-25.90</b>
<b>Purata (Jan-Dis)</b>	<b>8,370</b>	<b>6,178</b>	<b>-26.18</b>	<b>8,572</b>	<b>6,496</b>	<b>-24.22</b>	<b>2,193</b>	<b>1,561</b>	<b>-28.83</b>

## Langkah-Langkah Domestik Untuk Menstabilkan/ Memperkukuhkan Harga Koko

Langkah yang telah diambil bagi menstabilkan harga koko adalah pelaksanaan Program Khidmat Sokongan Pasaran Domestik (PKSPD) yang dijalankan oleh Lembaga Koko Malaysia di seluruh Malaysia. Melalui program tersebut pengusaha tanaman koko terutamanya pekebun kecil dapat memperoleh harga yang stabil mengikut harga pasaran antarabangsa.

Transaksi pembelian biji koko kering melalui Usahawan Koko pada tahun 2017 ialah 314.87 tan metrik dengan nilai RM2.653 juta. Kaedah mengguna khidmat usahawan berupaya membantu LKM meningkatkan kecekapan dalam pelaksanaan khidmat pemasaran dengan mengagihkan tanggungjawab tersebut kepada usahawan. Walau bagaimanapun, khidmat usahawan dipantau secara berkala untuk memastikan biji koko kering diberi penarafan gred mengikut spesifikasi Standard Malaysia dan harga yang diperolehi oleh petani adalah baik.

Berikut adalah manfaat yang diperolehi penanam atau pengusaha koko melalui program KSPD:

- i. Memudahkan pemasaran hasil biji koko oleh para pengusaha kecil mahupun pekebun kecil koko;
- ii. Memastikan pengusaha kecil mendapat harga yang berpatutan dan mengurangkan kegiatan orang tengah yang menawarkan harga yang tidak kompetitif; dan
- iii. Membantu pekebun kecil meningkatkan kualiti biji koko yang dihasilkan agar dapat meraih pendapatan yang berpatutan.

Peniaga koko akan menawarkan harga biji koko kering berdasarkan harga pasaran antarabangsa London yang tinggi untuk bersaing mendapat bekalan biji koko kering. Program KSPD adalah khidmat pemasaran kepada petani yang bermasalah dalam memasarkan biji koko mereka untuk memperoleh harga yang berpatutan.

Kuantiti Dan Nilai Pelaksanaan KSPD 2016 Dan 2017

Wilayah	2016		2017	
	Kuantiti (TM)	Nilai (RM)	Kuantiti (TM)	Nilai (RM)
Sabah	275.51	2,372,552.95	201.09	1,353,085.99
Sarawak	117.89	982,278.48	92.59	556,369.90
Semenanjung	58.64	560,122.01	40.20	310,842.78
<b>Jumlah</b>	<b>452.04</b>	<b>3,914,953.44</b>	<b>333.88</b>	<b>2,220,325.67</b>

Sumber: Lembaga Koko Malaysia (LKM)


Status Pelaksanaan KSPD Melalui Khidmat Usahawan Tahun 2016 dan 2017  
(Kuantiti - tan/metrik dan Nilai RM)

Usahawan	2016		2017	
	Kuantiti (TM)	Nilai (RM)	Kuantiti (TM)	Nilai (RM)
Sonsodoton Enterprise Ranau Sabah	114.6	1,004,941.66	96.798	632,864.16
Kemabong Jaya, Tenom Sabah	133.46	1,132,503.55	88.383	618,235.34
Perniagaan Veronica Ent. Kota Marudu Sabah	27.45	235,101.74	15.911	101,986.49
Mashuda, Chenderong Balai Teluk Intan Semenanjung	37.55	336,494.71	39.36	280,696.69
<b>Jumlah</b>	<b>313.06</b>	<b>2,709,041.66</b>	<b>240.452</b>	<b>1,633,782.68</b>

Sumber: Lembaga Koko Malaysia (LKM)

## Prestasi Eksport Sektor Koko


### 6.0% Peningkatan pada tahun 2011 sehingga 2016



Nilai perolehan eksport biji koko dan produk-produk koko pada tahun 2011 sehingga 2016 menunjukkan peningkatan pada kadar purata tahunan 6.0%. Penyumbang utama kepada peningkatan nilai eksport tersebut adalah biji koko, coklat, lemak koko, dan pes koko iaitu masing-masing meningkat pada kadar purata 58.2%, 12.6%, 8.6% dan 4.8%

Pada tahun 2016, penyumbang utama kepada nilai perolehan eksport adalah lemak koko dan serbuk koko iaitu masing-masing sebanyak 36.2% dan 22.7%. Manakala biji koko, coklat, pes koko, kek koko dan kulit koko masing-masing sebanyak 20.0%, 10.4%, 7.9%, 2.8% dan 0.01%.

**Pada tahun 2017, perolehan eksport biji koko dan produk-produk koko adalah berjumlah **RM5.57 bilion** iaitu menurun sebanyak **3.0%** berbanding **RM5.74 bilion** pada tahun sebelumnya**




Nilai eksport semula biji koko dan coklat masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 17.8% dan 45.2% berbanding tahun 2016. Nilai eksport kulit biji koko mencatatkan peningkatan yang tinggi iaitu melebihi 100%. Walau bagaimanapun, nilai eksport bagi lemak koko, pes koko, kek koko dan serbuk koko masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 21.6%, 16.9%, 56.2% dan 2.3%.

**Lemak koko merupakan penyumbang utama kepada pendapatan eksport biji koko dan produk-produk koko iaitu menyumbangkan sebanyak **RM1.628 bilion** atau **29.2%****

Sumbangan komoditi koko kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terdiri daripada aktiviti huluan dan hiliran. Dalam tempoh 2011 sehingga tahun 2016, sumbangan sektor koko kepada KDNK menunjukkan peningkatan pada kadar purata tahunan sebanyak 6.4%.



**sumbangan sektor koko kepada KDNK menunjukkan peningkatan pada kadar purata tahunan sebanyak **6.4%****



Pada tahun 2017, sektor koko menyumbangkan sebanyak RM1,422 juta kepada KDNK. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 2.5% berbanding RM1,141 juta pada tahun sebelumnya. Manakala, sumbangan sektor komoditi koko kepada KDNK negara adalah sebanyak 0.1%.

Kuantiti dan Nilai Eksport Biji Koko dan Produk-produk Koko Bagi Tahun 2016-2017

	Kuantiti (Tan)			Nilai (RM'000)		
	2016	2017 <sup>a</sup>	%	2016	2017 <sup>a</sup>	%
Biji Koko*	91,090	145,294	59.51	1,147,221	1,351,885	17.84
Kulit Koko	356	1,266	255.62	338	999	195.56
Lemak Koko	85,490	79,288	-7.25	2,076,476	1,628,021	-21.60
Pes Koko	24,911	25,466	2.23	451,227	374,982	-16.90
Kek Koko	16,958	7,952	-53.11	160,044	70,079	-56.21
Serbuk Koko**	139,479	146,447	5.00	1,302,612	1,272,046	-2.35
Coklat	39,038	47,042	20.50	598,087	868,190	45.16
<b>Jumlah</b>				<b>5,736,055</b>	<b>4,466,202</b>	<b>-22.14</b>

Sumber: Lembaga Koko Malaysia (LKM)

Nota:

<sup>a</sup> Data anggaran

\*Jumlah eksport termasuk eksport semula (re-export) bij koko

\*\*Termasuk serbuk koko tanpa pemanis dan serbuk koko dimaniskan

## Usaha-Usaha Untuk Meningkatkan Eksport Produk Koko Ke Pasaran Sedia Ada Dan Menembusi Pasaran Baru

Lembaga Koko Malaysia (LKM) menjalankan promosi pasaran eksport yang bertujuan mengukuhkan serta meningkatkan syer pasaran produk-produk koko Malaysia yang meliputi produk separa siap dan produk coklat dan konfeksi koko di pasaran tradisional dan meneroka peluang-peluang pasaran baru seperti Republik Rakyat China, India, Timur Tengah, Afrika Utara, Asia Tengah dan Rusia.

Oleh itu, aktiviti-aktiviti berikut akan terus digiatkan iaitu:

- i. Meneruskan penganjuran misi ekonomi dan teknikal serta lawatan kerja koko ke wilayah-wilayah baru yang berpotensi;
- ii. Menggiatkan penyertaan dalam ekspo perdagangan antarabangsa;
- iii. Mengukuhkan risikan pasaran (*market intelligence*):
  - a. Kajian Pasaran Koko dan Produk-Produk Koko  
Menjalankan kajian pasaran produk-produk koko bagi pengumpulan data dan maklumat pasaran di wilayah-wilayah sasaran utama serta menyusun pelan dan strategi pemasaran yang berkesan.
  - b. Profail Negara (*Country Profile*)  
Profil negara adalah laporan yang mengandungi maklumat dan data terperinci termasuklah maklumat-maklumat asas dan perangkaan, ekonomi, situasi pasaran, hubungan dagang, akses pasaran, polisi,

senarai penggiat utama industri koko dan sebagainya bagi pasaran koko di negara-negara yang telah dikenalpasti. Laporan profil negara ini digunakan untuk membantu dalam merangka dan menilai strategi pasaran di negara-negara terpilih supaya lebih berdaya saing serta dapat meningkat dan mengukuhkan syer pasaran sedia ada dan menerokai pasaran baru.

- iv) Melengkapkan serta mengemaskini pangkalan data Sistem Ekonomi Pintar (SEP).

## Hubungan dan Kerjasama Antarabangsa

### **Mesyuarat ASEAN Cocoa Club (ACC)**

Malaysia merupakan *focal point* bagi Kerjasama ASEAN dan pendekatan bersama dalam Skim Promosi Produk Pertanian dan Perhutanan (*ASEAN Cooperation and Joint Approaches in Agriculture and Forest Products Promotion Scheme*).

Pendekatan sedemikian bertujuan mengadakan kerjasama dan perkongsian pemindahan teknologi antara negara anggota ASEAN dengan pertubuhan-pertubuhan serantau dan sektor swasta di peringkat antarabangsa. Objektif utama kerjasama Kumpulan Industri Koko di peringkat ASEAN adalah seperti berikut:

- Menggalakkan usaha sama penyelidikan dan teknologi pemindahan produk pertanian, makanan dan perhutanan;
- Mewujudkan pakatan strategik dan pendekatan bersama dengan sektor swasta dalam mempromosi keselamatan makanan, peluang pelaburan, promosi produk-produk pertanian dan akses pasaran; dan

- Mengukuh dan meningkatkan perdagangan produk-produk koko di rantau ASEAN.

### **International Cocoa Organization (ICCO)**

Malaysia merupakan anggota tetap ICCO dan menghadiri Mesyuarat yang dijalankan secara berkala pada setiap tahun selaras dengan kepentingan dan fungsi pertubuhan iaitu:

- Menggalakkan pembangunan dan pengukuhan kerjasama antarabangsa bagi perkembangan perdagangan koko dunia;
- Menggalakkan penyelidikan saintifik dan pembangunan dalam bidang koko; dan
- Menyediakan forum bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi koko dunia

### **Asia-Pacific Regional Cocoa Breeding**

Kolaborasi ini adalah di kalangan Rantau Asia/Pasifik *cocoa breeders* (penanam koko) di Malaysia, Indonesia, Filipina, Vietnam, Papua New Guinea dan India. Usahasama penanam koko dalam Rantau Asia/Pasifik memberi keutamaan untuk:

- Membangunkan klon koko utama yang memberikan hasil yang tinggi serta rintangan terhadap serangan penyakit dan perosak koko; dan
- Perkongsian bidang/hasil penyelidikan bahan tanaman yang terbaik bertujuan meningkatkan pengeluaran biji koko.

Antara manfaat yang LKM akan perolehi adalah seperti perkongsian bahan genetik dan bahan tanaman koko untuk peningkatan hasil tanaman koko.

### Projek *Cropcoat* dan *Surround wp* Sebagai Strategi Kawalan Ulat Pengorek Buah Koko

Projek usahasama di antara LKM dan *Crop Enhancement LLC* (Amerika Syarikat). Kolaborasi ini melibatkan kajian yang dijalankan ke atas Ulat Pengorek Buah Koko (UPBK) yang merupakan serangga perosak utama tanaman koko di Malaysia.

Pihak *Crop Enhancement* membekalkan produk dinamakan *CropCoat* yang merupakan bahan lengai tidak toksik yang dapat membantu melindungi tanaman daripada kerosakan.

Objektif kajian adalah untuk menilai potensi dan keberkesanan *CropCoat* dalam menangani serangan UPBK.



Projek Penyelidikan *Cropcoat* dan *Surround wp* Bagi Kawalan Ulat Pengorek Buah Koko

### Langkah-Langkah Untuk Memajukan Sektor Hulu (Upstream)

Langkah-langkah memajukan sektor Hulu (*Upstream*) adalah melalui pelaksanaan program-program pembangunan seperti berikut:-

#### Program Tanaman Baharu (TB) Dalam Pembangunan Koko Kluster

Program Tanaman Baharu (TB) bertujuan membangunkan keluasan tanaman komoditi koko di bawah program pembangunan koko kuster di Malaysia. Program peningkatan keluasan tanaman baru koko dilaksanakan bagi mengoptimumkan penggunaan kawasan untuk tanaman koko baru di kawasan dusun, kelapa dan tanah terbiar yang belum dibangunkan untuk kawasan di Semenanjung; tanah terbiar dan belum dibangunkan di tanah bergeran dan tanah berstatus Permohonan Tanah (PT) di Sabah dan di tanah bergeran/NCR (*Native Customary Rights*) di Sarawak.



Projek Penyelidikan *Cropcoat* dan *Surround wp* Bagi Kawalan Ulat Pengorek Buah Koko

Insentif adalah secara *One-off*. Skop insentif atau bantuan yang diberikan adalah seperti berikut:

- i. Bantuan pembersihan kawasan tanaman koko
- ii. Pemberian anak benih koko
- iii. Pemberian anak benih pisang/ *Gliricidia* bagi pokok pelindung.
- iv. Pemberian input pertanian seperti baja NPK Hijau, racun serangga, rumpai dan kulat.
- v. Pemberian peralatan pertanian seperti *Scateurs* dan tong *sprayer*.
- vi. Aktiviti pemindahan teknologi seperti Kursus Asas Teknologi Koko dan Kursus In-Situ.

#### **Program Peningkatan Produktiviti Koko (PPP)**

Projek Peningkatan Produktiviti Koko merupakan program sedia ada dengan memberi penekanan khusus kepada pekebun kecil koko sedia ada yang terpilih dan berpotensi untuk menyumbang kepada peningkatan produktiviti koko.

Program Peningkatan Produktiviti Koko ini dijangka menyumbang kepada peningkatan produktiviti biji koko kering tempatan yang sekaligus akan menampung keperluan pengisaran biji koko kering tempatan.

Di samping itu, bagi memastikan proses pemindahan teknologi dalam kalangan petani secara berterusan, aktiviti pengukuhan kelompok akan terus dijalankan dan ditingkatkan. Aktiviti ini dijalankan melalui pendekatan berkelompok. Sebagai tambahan, aktiviti khidmat nasihat yang berterusan akan dilakukan di samping memindahkan teknologi dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan kesesuaian tempat.

Objektif-objektif utama projek adalah:

- i. Menggalakkan petani untuk terus menyelenggara dan melibatkan diri dalam penanaman koko dengan mengamalkan Amalan Pertanian Baik

(GAP) sehingga dapat mencapai tahap optimum pengeluaran hasil;

- ii. Mengekalkan keluasan tanaman koko yang telah dibangunkan oleh LKM dalam Projek Rancangan Malaysia yang terdahulu agar dapat menampung pengeluaran biji koko kering negara;
- iii. Meningkatkan produktiviti pengeluaran biji koko kering yang berkualiti di kalangan peserta program sekaligus meningkatkan pengeluaran biji koko kering negara;
- iv. Memindahkan teknologi kepada kumpulan sasaran; dan
- v. Mengukuhkan sistem kelompok tanaman koko.

Insentif adalah secara *One-off*. Skop insentif atau bantuan yang diberikan adalah seperti berikut:

- i. Perolehan insentif input pertanian (racun, peralatan pertanian) dan anak klon dari usahawan *nursery* (tapak semaian);
- ii. Kursus lanjutan, lawatan dan pemantauan; dan
- iii. Selain itu, langkah-langkah lain yang boleh memajukan sektor Huluhan (*Upstream*) adalah melalui pelaksanaan aktiviti pengembangan dan pemindahan teknologi.

Aktiviti pengembangan merupakan platform dalam memastikan kumpulan sasaran menerima pengetahuan atau pendedahan berhubung dengan maklumat industri koko terkini, wujudnya pakej program pembangunan tanaman koko dan juga medan perbincangan serta anjakan paradigma antara kumpulan sasaran dan agen pengembangan. Ia bertujuan memudahkan pengurusan pentadbiran dan kewangan projek pembangunan yang dilaksanakan secara berkelompok.

Aktiviti pemindahan teknologi adalah aktiviti yang bertujuan menyampaikan teknologi tanaman koko yang disarankan oleh pihak LKM kepada kumpulan



sasaran. Ini bagi memastikan petani mengamalkan teknologi penanaman yang betul bermula dari pembangunan lindungan, penanaman, pembajaan, cantasan, penuaian, pemprosesan, pengeringan dan pemasaran.



Program Ramah Mesra YB Timbalan Menteri Bersama Pekebun Kecil Koko di Kg. Sg. Ruan, Raub Pahang.

## Langkah-Langkah Untuk Memajukan Industri Berasaskan Koko (Industri Hiliran)

Memberi perkhidmatan analisis fiziko-kimia dan mikrobiologi ke atas produk koko sama ada biji koko kering sehingga kepada produk separa siap dan produk siap melalui perkhidmatan Makmal MS ISO/IEC 17025 kepada pihak industri hiliran. LKM membantu industri sebagai sebuah pusat rujukan analisis terkini dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan dan kualiti makanan dan halangan-halangan perdagangan (*trade barrier*). Pada tahun 2017, makmal telah menerima sebanyak sampel 738 dengan menjalankan 2,172 analisis. Makmal juga telah berjaya membangun protokol cecair logam berat menggunakan alat ICP-MS.

Menyediakan fasiliti penyewaan mesin pembuatan coklat kepada pihak usahawan seperti mesin coklat *panning*. Pihak usahawan coklat tidak perlu mempunyai mesin sendiri kerana mereka boleh menggunakan kemudahan yang disediakan di LKM. Usahawan yang menggunakan mesin tahun 2017 adalah daripada *Chocolate Valley*.

Memberi kursus kepada pihak usahawan coklat seperti Kursus Pembuatan Coklat *Panning*. Modul di dalam kursus merangkumi pembelajaran secara teori dan praktikal. Apabila selesai menghadiri kursus pihak usahawan boleh menghasilkan produk coklat *panning* mereka sendiri. Pada tahun 2017, LKM telah menjalankan 2 siri kursus dengan bilangan peserta seramai 24 orang keseluruhannya. Mereka didaftarkan secara individu, usahawan dan pihak industri dengan yuran penyertaan RM318/seorang.

Membekal coklat blok *couverture* dan kompaun kepada golongan usahawan coklat. Coklat blok adalah bahan separa siap dalam penghasilan produk siap. Pembekalan coklat blok daripada LKM dapat membantu usahawan dari jaminan kualiti produk, bekalan yang berterusan dan HALAL. Ini disebabkan produk coklat blok LKM telah mendapat pensijilan HALAL dari Jakim. Usahawan coklat yang melanggan bekalan coklat blok dari LKM tahun 2017 adalah *Chocolate Valley*, *Lees Cocoa*, *Ikwan Chocolate Industries*, *DJ Learning*, *D'Sire Enterprise*, *Missla Enterprise*, *Fahim Choco*, *Borneo Cocoa Valley*, *HS Rich Chocolate*, *Soufes Chocolate Enterprise*, *Saute Chocolate*, *Kidzee Enterprise*, *Dazzle Food Industries*, *Yahni Resources*, *Hana Suhailah Rich Chocolate*, *CTS Cookies* dan Individu (*Faraliza & Salbiah*).

Langkah Melalui pendekatan Teknologi Hiliran

- i. Projek 'Pembangunan Kosmetik Topeng Muka yang Kaya dengan Antioksidan di dalam Aplikasi Topikal Kandungan Polifenol' telah membangunkan formulasi topeng kosmetik muka koko yang mengandungi serbuk koko, *lipocire* DM dan *kaolin*. Kestabilan fiziko-kimia telah diuji setiap minggu. Analisis mikrobiologi juga seperti ujian *plate count* ada dijalankan;
- ii. Kajian projek 'Pembangunan Ais Krim Gula Melaka dan Pandan Berasaskan Lemak Koko' telah menjalankan fasa kajian penyimpanan

dan kualiti sensori. Kedua-dua sampel diterima dengan baik oleh ahli panel bagi semua ciri-ciri sensori yang diuji. Kajian masih lagi diteruskan;

- iii. Projek 'Maskara mengandungi Lemak Koko dan Serbuk Koko' telah membangunkan maskara menggunakan lemak koko sebagai bahan utama dengan serbuk koko sebagai bahan pewarna asas; dan
- iv. Kajian projek 'Penilaian Kesan Tempoh Penyimpanan dan Penapaian Buah Koko terhadap ciri-ciri warna dan hubung kaitnya dengan kualiti perisa biji koko kering' telah menghasilkan maklumat bahawa penyimpanan *pod* selama 4 hari dan fermentasi 2 hari telah memberi kualiti biji koko kering yang sangat baik.

Objektif program ini bertujuan mengukuhkan golongan usahawan coklat buatan tangan melalui peningkatan produktiviti dengan membantu mengurangkan kos bahan mentah, penyediaan kursus-kursus berkenaan produk serta menaik taraf produk dan premis usahawan untuk mencapai standard antarabangsa di samping berdaya saing.

Sehingga tempoh berakhir 2017, LKM telah berjaya membangunkan seramai 211 orang usahawan coklat buatan tangan serta meningkatkan kemahiran dan kapasiti pengeluaran usahawan tersebut. Pecahan usahawan mengikut kapasiti pengeluaran dan pendapatan adalah seperti di jadual berikut.

## Hasil Pengeluaran Usahawan Coklat Buatan Tangan Bimbingan LKM

Kategori Usahawan (Pengeluaran/Bulan)	Bilangan Usahawan	Jumlah Penggunaan Blok Coklat (KG/Setahun)	Jumlah Pendapatan (RM/Setahun)	Purata Harga Jualan (RM/Setahun)
Tahap 4 Pengeluaran Melebihi 801 kg/sebulan	10	120,408.00	5,082,661.51	423,555.13
Tahap 3 Pengeluaran Antara 301-800 kg/sebulan	8	24,101.00	1,686,163.50	140,513.63
Tahap 2 Pengeluaran Antara 101-300 kg/sebulan	9	14,038.00	1,047,872.00	87,322.67
Tahap 1 Pengeluaran Kurang 100 kg/sebulan	184	49,678.00	3,429,293.65	285,774.47
<b>Jumlah</b>	<b>211</b>	<b>208,225.00</b>	<b>11,245,990.66</b>	<b>937,165.89</b>



YB Timbalan Menteri melawat ke tempat memproses coklat buatan tangan di LKM Nilai

## Usaha-Usaha Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) dan Pembangunan Teknologi Untuk Meningkatkan Produktiviti dan Membangunkan Produk Baru Serta Status Hasil/Output R&D

LKM menjalankan projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) mengikut *research thrust area* yang selari dengan hala tuju peningkatan industri koko di Malaysia. Pembiayaan projek penyelidikan yang dijalankan oleh LKM merupakan Peruntukan Pembangunan dari Unit Perancangan Ekonomi (EPU) serta Peruntukan Dana Sains dari MOSTI. Penyelidikan yang dijalankan adalah ke arah pembangunan bahan tanaman, peningkatan produktiviti, pengurusan ulat pengorek buah koko, pengurusan penyakit koko, biometri, pembangunan teknologi penjimatan tenaga buruh, penambahbaikan pemrosesan koko primer, pembangunan produk, penambahbaikan kualiti biji koko, penambahbaikan proses kejuruteraan dan farmaseutikal berasaskan koko.



YB Timbalan Menteri Melawat kebun Contoh Koko Di Raub Pahang

Jenis R&D yang dijalankan oleh LKM adalah berdasarkan kepada *Research Thrust Area* seperti berikut;

Menambah pulangan ekonomi melalui peningkatan produktiviti melalui program berikut;

- Pembangunan bahan tanaman yang unggul dari segi hasil, sebatian farmakologi yang tinggi [tinggi kandungan polifenol (*catechin*, *epicatechin* - antioksidan untuk coklat kesihatan), rendah kandungan *theobromine* dan *caffeine* atau tinggi kandungan *caffeine* (coklat *kaw*) serta yang mempunyai perisa istimewa seperti tinggi perisa koko, tinggi kandungan perisa tertentu seperti bunga-bungaan, buah-buahan, kekacang dan pedas;
- Pengurusan amalan agronomi dalam meningkatkan hasil;
- Projek Genom Koko untuk menghasilkan klon koko yang berhasil tinggi, tinggi kandungan lemak & tinggi perisa, rintang kepada perosak CPB serta penyakit VSD dan BP;
- Pembangunan sistem pengurusan tanaman koko terhadap perubahan iklim membolehkan tanaman koko mengadaptasi perubahan iklim;
- Integrasi tanaman koko dengan komoditi lain dalam meningkatkan pendapatan petani melalui pelbagai hasil tanaman;
- Pembangunan plot rintis pertanian tepat dalam usaha meningkatkan hasil tanaman koko dengan kos pengurusan dan input pertanian yang minima;
- Pengurusan penyakit Mati Rosot Jejalur Vaskular (*Vascular Streak DieBack* - VSD) dan buah hitam (BP) secara bersepadu; dan

- Pengurusan Ulat Pengorek Buah Koko (*Cocoa Pod Borer* - CPB) secara biologi dan bersepadu;

Pembangunan produk koko dengan nilai tambah yang pelbagai melalui program berikut:

- Pembangunan produk koko baru dan ditambahbaik seperti produk kosmetik dan penjagaan diri;
- Pembangunan produk koko untuk kesihatan seperti coklat berantioksidan (untuk kesihatan jantung dan hati), coklat prebiotik (membantu penghadaman dan penyerapan nutrien), coklat tanpa gula (baik untuk penghidap kencing manis, orang tua dan kanak-kanak);
- Pembangunan produk biofarmaseutikal seperti antibakteria dan antikanser dari pokok dan buangan tisu-tisu koko;
- Pembangunan produk kapsul dan pil berantioksidan (*polifenol*) untuk kesihatan;
- Pembangunan produk baja hijau (bio) dan racun kulat dan serangga hayati dari mikroorganisma dipersekitaran koko; dan
- Pembangunan 'Malaysian Renaissance Cocoa' dengan penghasilan bahan tanaman koko yang mempunyai perisa istimewa serta mempunyai ciri-ciri farmakologi dan kandungan lemak yang tinggi.

Penambahbaikan teknologi pemprosesan koko melalui program berikut:

- Menambahbaik rasa dalam pemprosesan koko primer melalui penambahbaikan teknologi fermentasi dan pengeringan;
- Menambahbaik protokol bagi pemprosesan biji koko sekunder seperti ciri istimewa serbuk koko, lemak koko dan pes koko; dan
- Rekabentuk prototaip mesin pemprosesan koko

Langkah melalui pendekatan Bioteknologi juga turut

dititikberatkan dan antara aktiviti/program yang dilaksanakan oleh LKM adalah seperti:

- Pengumpulan, penjujukan dan pengeksploitan genom koko untuk memperbaiki sifat tanaman dan produktiviti koko;
- Penyaringan genomik - penjujukan genom lengkap 300 klon koko dan analisis bioinformatik;
- Mengenalpasti penanda-penanda molekul berasaskan data genotip dan fenotip seterusnya membangunkan *Predictive Genomic Estimated Breeding Value* (GEBV) dan Model Biakbaka;
- Pengeotipan molekular germplasma klon koko;
- Pembangunan pangkalan genom koko Malaysia;
- Pembangunan dan Pengesahan (esei) penanda molekul *Polimorfisma Nukleotida Tunggal* (SNP) untuk klon yang rintang kepada ulat pengorek buah koko, penyakit buah hitam, penyakit matirosot jejalur vaskular, berhasil tinggi, tinggi kandungan lemak & tinggi perisa;
- Pembangunan kit-kit bio-diagnostik untuk menyaring klon yang rintang kepada ulat pengorek buah koko, penyakit buah hitam, penyakit mati rosot jejalur vaskular, berhasil tinggi, tinggi kandungan lemak & tinggi perisa;
- Pencirian dan pengenalpastian gen-gen yang berpotensi rintang kepada ulat pengorek buah koko, rintang kepada penyakit mati rosot jejalur vaskular, rintang kepada penyakit buah hitam; gen-gen berhasil tinggi, tinggi kandungan lemak dan perisa:-
  - a. Penjujukan RNA, transkriptome dan analisis bioinformatik; dan
  - b. Penjujukan protein dan analisis bioinformatik.

- Kejuruteraan genetik dan/atau pengeditan genom untuk membangunkan klon koko yang rintang kepada ulat pengorek buah koko, rintang kepada penyakit mati rosot jejalur vaskular, rintang kepada penyakit buah hitam, berhasil tinggi, tinggi kandungan lemak dan tinggi perisa;
- Penjujukan meta-genomik dan meta- transkriptomik seterusnya analisis meta-proteomik dan metabolomik mikrobiom untuk menghasilkan produk berasaskan mikrob bagi penambahbaikan sifat koko seperti *Bioyield Enhancer* dan *Biofertility* yang secara langsung akan meningkatkan produktiviti dan hasil koko;
- Penjujukan lengkap *De Novo* kepada *Conopomorpha cramerella* (serangga ulat pengorek buah koko), *Oncobasidium theobromae* (kulat penyakit matirosot jejalur vaskular) dan *Phytophthora palmivora* kulat penyakit buah hitam) untuk dijadikan sebagai genom rujukan dunia seterusnya dieksplotasi untuk kaedah kawalan serangan serangga dan penyakit tersebut; dan
- Pengeluaran besar-besaran klon-klon koko melalui *embriogenesis somatik*.



Lawatan YB Timbalan Menteri ke Makmal Penyelidikan Koko di LKM Nilai



YB Timbalan Menteri MPIC merasmikan kuarters Lembaga Koko Malaysia di Madai, Kunak

## CATATAN

**Indeks Harga Komoditi**

Indeks Harga Komoditi	100	100%
Indeks Harga Komoditi Pertanian	100	100%
Indeks Harga Komoditi Perikanan	100	100%
Indeks Harga Komoditi Hutan	100	100%
Indeks Harga Komoditi Pertambangan	100	100%
Indeks Harga Komoditi Industri	100	100%
Indeks Harga Komoditi Perdagangan	100	100%
Indeks Harga Komoditi Persekitaran	100	100%
Indeks Harga Komoditi Kesihatan	100	100%
Indeks Harga Komoditi Pendidikan	100	100%
Indeks Harga Komoditi Kebudayaan	100	100%
Indeks Harga Komoditi Sukan	100	100%
Indeks Harga Komoditi Seni	100	100%
Indeks Harga Komoditi Lain-lain	100	100%

### Menjenamakan koko, lada ala Swiss

Bekas Menteri  
01/14/19 22/1/19

#### Komentari

**Komoditi hari ini dan hari muka**  
Mah Siew Keng

**A**pa sah yang berlaku dalam negara apabila semua komoditi 'limf' tidak dapat diusahakan dengan baik, antara lain, perkilangan hasil dan nilai tinggi. Dengan hasil yang tinggi, peternak dan pembudidaya akan memperoleh keuntungan yang tinggi dalam komoditi koko.

Sebagai contoh, peternak koko yang diusahakan di kawasan ini, mereka akan memperoleh keuntungan yang tinggi jika mereka dapat menjual koko mereka dengan harga yang tinggi.

#### Menjenamakan koko, lada ala Swiss

**Hasil pengalihan dalam pengiraan domestik, nilai eksport lada meningkat 4.1 kali kepada RM199.1 juta pada 2016 berbanding RM49.7 juta pada 2015, walaupun jumlah eksport lada meningkat 14.97 kali kepada 12,500 tan pada tahun yang sama. Nilai eksport koko meningkat 11.99 kali pada tahun yang sama, dengan peningkatan bekalan dari 21,000 tan pada tahun 2015 kepada 237,277 tan pada 2016, sekali gus meningkat dengan pengalihan daripada 2,277 tan kepada 23,541 tan, di samping kenaikan hasil daripada 4.4 tan selektar kepada 54 tan selektar.**

Terutama koko atau rambutan bukanlah. Terdapatnya juga peternak yang mungkin akan diarahkan ke arah peternakan koko yang lebih baik. Ini akan membantu meningkatkan pengeluaran per tan. Ia akan membantu meningkatkan pengeluaran per tan. Ia akan membantu meningkatkan pengeluaran per tan.

Terutama koko menghasilkan produk coklat bernilai tinggi

**Indeks dalam perdagangan komoditi** lada dengan memajukan bekalan lada dengan cepat.

Dengan peralihan bertepatan dengan pasaran yang akan memulakan berunding pada minggu ini, peternak koko akan memiliki peluang memulakan projek mereka dengan lebih baik. Mereka akan memiliki projek mereka dengan lebih baik. Mereka akan memiliki projek mereka dengan lebih baik.

**Hasil pengalihan dalam pengiraan domestik, nilai eksport lada meningkat 4.1 kali kepada RM199.1 juta pada 2016 berbanding RM49.7 juta pada 2015, walaupun jumlah eksport lada meningkat 14.97 kali kepada 12,500 tan pada tahun yang sama. Nilai eksport koko meningkat 11.99 kali pada tahun yang sama, dengan peningkatan bekalan dari 21,000 tan pada tahun 2015 kepada 237,277 tan pada 2016, sekali gus meningkat dengan pengalihan daripada 2,277 tan kepada 23,541 tan, di samping kenaikan hasil daripada 4.4 tan selektar kepada 54 tan selektar.**

**Indonesi, Italia dan Brazil** dengan 7.4 peratus daripada pengiraan global pada 2016. Vietnam adalah pembekal terbesar terutamanya dengan kira-kira 30 peratus bekalan.

Diambil sebagai 'jaga bersama', bekalan koko di Malaysia, khususnya kawasan selatan meningkat daripada 14,147 bekalan pada 2015 kepada 16,768 bekalan pada 2016, sekali gus meningkat dengan pengalihan daripada 2,277 tan kepada 23,541 tan, di samping kenaikan hasil daripada 4.4 tan selektar kepada 54 tan selektar.

Terutama koko atau rambutan bukanlah. Terdapatnya juga peternak yang mungkin akan diarahkan ke arah peternakan koko yang lebih baik. Ini akan membantu meningkatkan pengeluaran per tan. Ia akan membantu meningkatkan pengeluaran per tan.

**Komentari**

**Komoditi hari ini dan hari muka**  
Mah Siew Keng

**A**pa sah yang berlaku dalam negara apabila semua komoditi 'limf' tidak dapat diusahakan dengan baik, antara lain, perkilangan hasil dan nilai tinggi. Dengan hasil yang tinggi, peternak dan pembudidaya akan memperoleh keuntungan yang tinggi dalam komoditi koko.

# KOMODITI KENAF DAN TEMBAKAU



Tanaman Kenaf telah dikenalpasti oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada tahun 2000 sebagai tanaman jangka pendek yang berpotensi untuk dikomersialkan dan seterusnya menjadi ‘Sumber Pertumbuhan Baharu’ negara. Dalam hal ini, tanaman kenaf telah dipilih sebagai tanaman alternatif bagi menggantikan tanaman tembakau berikutan polisi Kerajaan mengurangkan penggunaan tembakau dan pematuhan kepada Rangka Kerja Kawalan Tembakau (FCTC) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

## Prestasi Industri Kenaf

Pencapaian tanaman kenaf pada tahun 2017 adalah 2,213.20 hektar berbanding sasaran tahunan sebanyak 2,200 hektar. Bilangan keseluruhan penanam kenaf dan pekerja pemprosesan kenaf adalah berjumlah 852 orang di mana 651 orang adalah penanam kenaf dan selebihnya pekerja pemprosesan kenaf.

Sepanjang tahun 2017, aktiviti pemprosesan fiber kenaf telah digiatkan melalui program naik taraf dua Pusat Pemprosesan Kenaf *In-Situ* (PPKI). Melalui fasiliti ini, aktiviti pemprosesan batang kenaf secara komersial dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

Nilai jualan kenaf meningkat sebanyak 9.5% kepada RM1.84 juta pada tahun 2017 berbanding RM1.68 juta pada tahun 2016. Peningkatan disokong oleh pengeksportan fiber dan produk berasaskan kenaf ke China, Thailand dan Korea Selatan selain permintaan pasaran tempatan.

LKTN telah meneruskan 5 aktiviti utama seperti *Integrated Kenaf Industrial Park* (1KIP), *Kenaf Plus-Plus*, Satu Kenaf Untuk Rakyat (1KUR), Program Industri Kenaf Rakan Rakyat (IKRaR), Bicara Kenaf dan Skim Pendapatan Rakyat melalui Kenaf (SPARK). Program-program di atas dilaksanakan bagi memperkasa pembangunan industri kenaf di peringkat hulu, pertengahan dan hiliran. Program tersebut turut membantu pekebun kecil dan isi



rumah pekebun kecil selaras dengan komitmen kerajaan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah terutamanya bagi golongan B40. Di samping itu, sebanyak 14 kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) telah dijalankan melalui kerjasama strategik dengan institusi awam dan swasta sepanjang tahun 2017.

Majlis perasmian *Integrated Kenaf Industrial Park* (1KIP) telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Azlan Man, Menteri Besar Perlis pada 1 Oktober 2017. *Integrated Kenaf Industrial Park* (1KIP) telah dibangunkan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis di Pusat Pembangunan Desa (PPD) Batu Bertangkup, Chuping, Perlis. Ia merupakan pusat bersepadu bagi penghasilan fiber kenaf premium dan juga pusat pameran bagi pemasaran produk kraf, tilam dan bantal berasaskan kenaf.

Pusat Khidmat 1Komoditi (1CSC) LKTN di Jitra, Kedah telah dilancarkan oleh YB Timbalan Menteri Datuk Datu Nasrun Datu Mansur pada 2 Oktober 2017. Penubuhan 1 CSC adalah selaras dengan hasrat MPIC dan Kerajaan dalam merakyatkan perkhidmatan awam di bawah satu bumbung. Dengan adanya 1 CSC, pekebun kecil di daerah dan seluruh kawasan parlimen tersebut termasuk daerah yang berdekatan berpeluang untuk mendapatkan khidmat nasihat, latihan dan mengurus tanaman komoditi. Di samping itu juga, pekebun kecil mampu meningkatkan pengetahuan dari segi pengurusan tanaman serta pemasaran produk komoditi dan seterusnya meningkatkan hasil pendapatan mereka.

Pada 17 Disember 2017, LKTN telah menandatangani memorandum usahasama bersama MTIB untuk pembangunan dan pengkomersilan produk berasaskan kenaf seperti *particleboard*, *yarn*, *woven* dan bio-komposit bagi kegunaan usahawan dan industri. Usaha ini selaras dengan 'Strategi Lautan Biru Kebangsaan' (NBOS) yang akan memberi impak positif kepada pembangunan industri kenaf.

*Outcome* daripada jaringan kerjasama adalah pembangunan standard bagi penggredan kenaf dan bekalan produk seperti *yarn* dan *woven* untuk kegunaan usahawan di bawah program SPARK.

## Isu dan cabaran

- Penerimaan petani terhadap kenaf sebagai tanaman komoditi baru;
- Produktiviti yang masih rendah;
- Risiko dan keyakinan pelabur terhadap komoditi baru;
- Pulangan kepada kumpulan sasar; dan
- Penawaran bahan mentah kenaf yang terhad

## Prospek Industri Kenaf

Selaras dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Dasar Komoditi Negara (DKN), 2011-2020, jumlah pengeluaran kenaf pada tahun 2020 dijangka meningkat kepada 10,000 hektar di mana sasaran akan dicapai melalui peningkatan keluasan tanaman dan kadar produktiviti. Aktiviti perluasan tanaman kenaf ini akan terus dipergiat ke seluruh negara.

## Prestasi Industri Tembakau

Bagi industri tembakau, pada tahun 2017 pengeluaran rokok di pasaran tempatan hanya dijalankan oleh satu pengilang multinasional, iaitu Japan Tobacco International (JTI). Bermula tahun 2017, British American Tobacco (M) Berhad (BATM) telah menutup sepenuhnya operasi pengilangan mereka di Malaysia dan memindahkan operasi ke Indonesia.

Pada tahun 2017 sebanyak 1.7 juta kilogram tembakau import untuk pasaran tempatan telah diluluskan berbanding pada tahun 2016 sebanyak

4.9 juta kilogram tembakau. Manakala bagi pasaran eksport, sebanyak 14.86 juta kilogram tembakau import telah diluluskan berbanding pada tahun 2016 sebanyak 24.12 juta kilogram tembakau. Anggaran nilai keseluruhan tembakau import bagi pasaran tempatan dan eksport adalah berjumlah RM190 juta berbanding pada tahun 2016 sebanyak RM762 juta.

Pengeluaran rokok pada tahun 2017, telah menurun sebanyak 4.42 bilion batang atau 74.3 % kepada 1.53 bilion batang berbanding pengeluaran sebanyak 5.95 bilion batang rokok pada tahun 2016. Ini adalah berikutan daripada penutupan operasi pengilangan oleh BATM di Malaysia dan kemerosotan terhadap pasaran rokok tempatan. Bagi menampung bekalan pasaran rokok tempatan pada tahun 2017, BATM dan PMM telah mengimport rokok yang dianggarkan sebanyak 10 bilion batang rokok. Bagi tahun 2017 juga, Kerajaan dijangka menerima hasil percukaian sebanyak RM4.0 bilion daripada kutipan duti eksais dan duti import serta RM0.210 billion kutipan GST berbanding RM3.82 bilion hasil percukaian pada tahun 2016.

## Persidangan dan Mesyuarat Antarabangsa

LKTN telah menyertai *Wood and Biofiber International Conference (WOBIC 2017)* pada 21 November 2017. Persidangan tersebut melibatkan anjuran bersama *Institute of Tropical Forestry and Forest Product (INTROP)* UPM dan *Fujian Agriculture and Forestry University (FAFU)* dan melibatkan 185 penyertaan dari 10 buah negara. Persidangan berkenaan memberi peluang kepada pembangunan produk terkini melibatkan sumber alternatif yang boleh diperbaharui berasaskan fiber semulajadi termasuk impak kepada sosio-ekonomi terhadap komoditi kayu dan biofiber.

Selain itu, satu program lawatan teknikal ke Bangladesh telah diadakan pada 15 hingga 17 Ogos 2017. Lawatan diadakan bagi mendapatkan maklumat dan meninjau teknologi pemprosesan fiber semulajadi di Bangladesh terutamanya jute untuk diadaptasikan dengan industri di Malaysia. Ini bertujuan menghasilkan fiber yang berkualiti di samping mewujudkan kolaborasi dan berkongsi pendapat serta pengetahuan dengan pihak industri terutamanya dalam aspek pengurusan pembangunan di peringkat hulu, pertengahan dan hiliran.



YB Menteri melihat produk biofiber di Majlis Perasmian Wood and Biofiber International Conference 2017 (WOBIC2017) di Hotel Bangi-Putrajaya, Bandar Baru Bangi, Selangor





**Bersama  
Mencipta Nilai**

# PERANCANGAN DASAR DAN ANTARABANGSA




## Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera Bagi Sektor Agrikomoditi

Berdasarkan aspirasi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) MPIC telah dirangka bagi menangani isu dan cabaran semasa melalui strategi-strategi utama berikut:

- memperkasa modal insan Bumiputera dalam sektor hulu dan hiliran agrikomoditi;
- meningkatkan penguasaan efektif Bumiputera dalam aktiviti-aktiviti hiliran agrikomoditi;
- memperkasa komuniti ekonomi Bumiputera; dan
- mengukuhkan keberkesanan penyampaian program berorientasikan Bumiputera.



Jadual Pencapaian Kpi Pemerksaan Ekonomi Bumiputera Pada Tahun 2017

 KPI	 Sasaran	 Pencapaian	(%)
<b>Program Modal Insan Bumiputera Dalam Sektor Komoditi</b>			
Peratusan pelatih berjaya diserap bekerja dalam sektor perladangan sawit	75%	80.6%	100
Bilangan belia berkemahiran diserap bekerja dalam industri kayu kayan	25 orang belia	26 orang belia	100
Bilangan usahawan hiliran yang dilatih untuk menghasilkan produk lada	2 usahawan	2 usahawan	100
<b>Program Pemerksaan Bumiputera Dalam Sektor Hulu Komoditi</b>			
Bilangan usahawan kontraktor ladang sawit berpendapatan RM120,000 setahun	3 usahawan	3 usahawan	100
Bilangan usahawan yang menghasilkan purata produktiviti hasil getah sebanyak 1,200 kg/ha/tahun ke arah mencapai pendapatan RM4,000 sebulan	3 usahawan	3 usahawan	100
Bilangan usahawan keratan lada baharu	30 usahawan	30 usahawan	100
<b>Program Pemerksaan Bumiputera Dalam Sektor Pertengahan Komoditi</b>			
Bilangan usahawan Getah Crepen	3 usahawan	3 usahawan	100
Peningkatan kuantiti pembelian biji koko kering berlesen oleh usahawan di Ranau dan Tenom, Sabah	120 tan (Ranau) 90 tan (Tenom)	88.4 tan (Ranau) 96.8 tan (Tenom)	100
Bilangan usahawan urus niaga jual beli lada baharu	5 usahawan jual beli lada	5 usahawan jual beli lada	100
Bilangan usahawan memproses 450 tan fiber kenaf dengan nilai jualan RM450 ribu	3 usahawan	3 usahawan	100
<b>Program Pemerksaan Bumiputera Dalam Sektor Hiliran Komoditi</b>			
Bilangan usahawan Bumiputera mengkomersilkan teknologi sawit	3 usahawan	4 usahawan	100
Bilangan usahawan produk getah baharu	3 usahawan	3 usahawan	100
Bilangan usahawan perusahaan saiz sederhana dengan nilai jualan RM15 juta	2 usahawan	2 usahawan	100
Bilangan usahawan meningkatkan tahap pengeluaran coklat	4 usahawan	4 usahawan	100
Bilangan usahawan dengan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM450 ribu	2 usahawan	2 usahawan	100

Nota: Siling pencapaian 100% ditetapkan oleh pihak EPU

## Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam Tahun 2017

Di bawah Agenda Transformasi Negara, 5 Teras Strategik Transformasi Perkhidmatan Awam (TPA) telah digariskan iaitu:

- i. mendaya upaya bakat (meningkatkan kompetensi, prestasi, produktiviti dan daya inovasi penjawat awam);
- ii. merekayasa organisasi (meningkatkan keupayaan dan memberi nafas baharu kepada organisasi);
- iii. merakyatkan perkhidmatan awam (meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam);
- iv. merangkum dan sepunya (memperluas jaringan kerja dan kolaborasi strategik dalam dan luar negara); dan
- v. membudayakan nilai (membudayakan *patriotisme*, nilai-nilai murni, ETOS dan integriti).

Pada tahun 2017, inisiatif-inisiatif TPA MPIC tertumpu kepada Teras Strategik (iii) iaitu merakyatkan perkhidmatan awam dan (iv) iaitu merangkum dan sepunya. Dalam hal ini, 3 inisiatif Pelan TPA MPIC telah dikenal pasti dan berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu:

### a. Skim Insentif Integrasi Tanaman dan Ternakan dengan Sawit

Ketidaktentuan harga minyak sawit dunia dipengaruhi pelbagai faktor antaranya seperti permintaan pasaran dunia, cuaca dan keadaan ekonomi negara-negara pengimport menyebabkan pendapatan para pekebun kecil sawit yang hanya bergantung kepada jualan buah tandan segar (BTS) turut terjejas. Secara lazimnya, pekebun kecil melakukan aktiviti penuaian buah sawit sebanyak dua pusingan sebulan iaitu pada setiap 10 hingga 14 hari. Justeru itu, masa terluang boleh dimanfaatkan

untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan sampingan pekebun kecil.

Atas dasar keprihatinan Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan para pekebun kecil sawit, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah memperkenalkan Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit merangkumi integrasi pelbagai jenis tanaman jangka pendek, tanaman kekal, umbisi dan sayur-sayuran di samping penyediaan input pertanian. Manakala, Skim Integrasi Ternakan dengan Sawit merangkumi penyediaan induk ternakan iaitu 10 ekor lembu betina dan 1 ekor lembu jantan bagi setiap projek integrasi lembu atau 20 ekor kambing betina dan 2 ekor kambing jantan bagi setiap projek integrasi kambing di samping penyediaan input-input berkaitan, latihan dan khidmat nasihat.

Program ini juga melibatkan kolaborasi strategik dan bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan di seluruh Malaysia antaranya seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

### b. Program Pengenotipan Baka Koko

Malaysia mempunyai koleksi janaplasma koko dianggarkan sebanyak 2,200 klon dan hibrid. Koleksi ini akan terus meningkat dengan adanya pengimportan dan program biak baka koko. Cap jari DNA bagi setiap klon koko dalam koleksi ini adalah sangat diperlukan untuk memastikan klon-klon ini adalah tulen dan data paspot klon dapat didaftar serta direkodkan. Kesilapan label pada klon boleh berlaku semasa proses pengimportan klon dan program biak baka koko.



Profil cap jari DNA boleh dijadikan sebagai alat untuk mengenal pasti genetik dalam pembiakan tanaman dan pengurusan janaplasma bagi membuktikan ketulenan klon koko dalam koleksi janaplasma koko Malaysia. Klon koko yang telah dikenal pasti ketulenannya adalah sangat penting sebelum digunakan dalam program pengeluaran bahan tanaman. Ciri-ciri morfologi secara tradisinya telah lama digunakan untuk mengenal pasti klon koko namun para pembiak baka terlatih juga adakalanya mengalami kesukaran untuk mengenal pasti baka koko.

Program ini melibatkan kerjasama penyelidikan yang strategik di antara Lembaga Koko Malaysia (LKM) dengan US *Department of Agriculture* (USDA), Kementerian Pertanian dan Indutri Asas Tani (MOA), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

## Misi Ekonomi Dan Teknikal/Promosi

Misi ekonomi dan teknikal dijalankan bertujuan untuk memperkukuhkan perdagangan dua hala, meningkatkan jumlah eksport, meneroka potensi pasaran baharu produk komoditi serta memberikan penjelasan berhubung isu-isu agri komoditi. Sebanyak 8 misi telah diadakan sepanjang tahun 2017 seperti berikut:

Tarikh	Negara
5 - 9 Februari 2017	Iran dan India
30 Mac - 4 April 2017	India
3 - 6 Mei 2017	China
9 - 12 Mei 2017	Kesatuan Eropah (EU)
10 - 16 Jun 2017	Kesatuan Eropah (EU)
18 - 20 Julai 2017	Filipina
2 - 4 Oktober 2017	Vietnam
13 - 16 Disember 2017	Jepun

### a. Lawatan Kerja YB Menteri MPIC ke Vietnam, 2 - 4 Oktober 2017

- Lawatan Kerja ini bertujuan mengadakan perbincangan dengan wakil industri Vietnam bagi menerokai rangkaian kerjasama dalam industri lada dan sawit. Vietnam merupakan negara pengeluar lada terbesar dunia sejak tahun 2003 dan kemampuan serta kepakaran Vietnam dapat dipelajari dan sektor swasta kedua-dua negara disaran untuk bekerjasama lebih erat bagi memperkukuhkan lagi perdagangan lada kedua-dua negara.
- Selain itu, YB Menteri turut mengambil kesempatan untuk mengadakan sesi perbincangan dengan pihak-pihak terlibat bagi memperkukuhkan eksport produk getah, sawit dan lada ke Vietnam. Vietnam mengiktiraf kepakaran Malaysia dari aspek Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) teknologi pemprosesan produk berasaskan agri komoditi.
- Malaysia juga bersedia untuk meneliti cadangan lanjut daripada pihak Vietnam bagi meningkatkan kerjasama dalam bidang R&D, selari dengan aspirasi menjadikan ASEAN sebagai rantau satu komuniti yang inklusif.

### b. Misi Teknikal dan Promosi Agri Komoditi ke Jepun, 13 - 16 Disember 2017

- Misi ini bertujuan mengadakan perbincangan spesifik dengan pihak-pihak yang berkaitan mengenai kemampunan pengeluaran produk-produk agri komoditi. Selain itu cadangan kemasukan Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO) sebagai salah satu keperluan pemerolehan yang mampan di Sukan Olimpik Tokyo 2018 juga turut dibincangkan dengan pihak industri Jepun.
- MPIC turut mengadakan perbincangan dengan pengimport-pengimport agri

komoditi utama di Jepun. Perbincangan ini juga secara tidak langsung menjadi platform bagi meningkatkan jaringan kerjasama dan potensi eksport produk kayu-kayuan ke Jepun.

- Malaysia akan meneruskan lagi usaha-usaha promosi eksport produk-produk agri komoditi ke Jepun, memandangkan Jepun merupakan pasaran utama Malaysia serta berpotensi untuk berkembang pada masa hadapan. Selain itu, Malaysia akan terus lagi usaha untuk meningkatkan persepsi positif terhadap kemampuan produk-produk agri komoditi Malaysia.

## Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)

### Latar Belakang

Rundingan-rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) diketuai oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Delegasi Malaysia turut melibatkan Kementerian atau Jabatan yang berkaitan dengan bidang-bidang tertentu yang dirundingkan. MPIC terlibat secara aktif dalam rundingan FTA bagi menjaga dan memelihara kepentingan perdagangan produk-produk agrikomoditi negara. Penglibatan MPIC dalam kumpulan-kumpulan kerja adalah seperti berikut:

#### i. Trade in Goods (TIG) / Market Access (MA)

- Kumpulan kerja mengenai liberalisasi perdagangan barangan, antara lain dari segi pengurangan / penghapusan duti import / eksport dan *Tariff Rate Quota*, penghapusan halangan bukan tarif dan subsidi; dan
- Rundingan bawah TIG melibatkan dua bahagian iaitu Jadual Pengurangan Tarif dan teks perundangan.

#### ii. Peraturan Tempasal/Rules of Origins (ROO)

- Kumpulan kerja bagi penetapan peraturan tempasal sesuatu produk supaya produk berkenaan menerima pengurangan tarif di bawah FTA yang ditandatangani;
- Peraturan Tempasal bagi sesuatu produk boleh dikira sama ada melalui kandungan bahan tempatan (*regional value content*) atau perubahan proses yang dikenal pasti melalui perubahan kod HS (*Change in Tariff Classification*); dan
- Rundingan bawah ROO melibatkan dua bahagian iaitu Jadual *Product Specified Rules* (PSR) dan teks perundangan.

#### iii. Alam Sekitar

- Kumpulan kerja alam sekitar merundingkan jenis kerjasama yang berhubung kait dengan perdagangan dan alam sekitar dalam Perjanjian FTA selain peranan perdagangan untuk membantu memelihara dan meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung isu alam sekitar.

### Status FTA

- Sebanyak 13 FTA telah ditandatangani sehingga tahun 2017, dengan 7 perjanjian di peringkat dua hala (*bilateral*) dan 6 perjanjian di peringkat pelbagai hala (*multilateral*);
- Rundingan sedang dijalankan bagi perjanjian-perjanjian FTA berikut:
  - Malaysia-European Free Trade Area Economic Partnership Agreement (MEEPA);
  - Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP); dan
  - ASEAN-HK Free Trade Agreement (AHKFTA).

### **Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)**

- i. RCEP adalah perjanjian bagi pembentukan sebuah kawasan perdagangan bebas yang melibatkan 10 buah negara ASEAN dan 6 buah negara rakan dagang iaitu China, India, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand.
- ii. Sehingga akhir tahun 2017, sebanyak 20 rundingan RCEP telah diadakan.
- iii. Jumlah eksport agrikomoditi ke negara RCEP bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM64.55 bilion dengan jumlah eksport tertinggi ke China diikuti Jepun dan India.

## **Keanggotaan MPIC Dalam Badan-Badan Antarabangsa**

### **Common Fund for Commodities (CFC)**

- *Common Fund for Commodities* (CFC) adalah sebuah institusi kewangan di bawah rangka kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) yang ditubuhkan pada tahun 1980 dan mula beroperasi pada tahun 1989, dengan keanggotaan sebanyak 101 buah negara ahli dan 9 buah institusi.
- Objektif CFC adalah untuk menambah baik pembangunan sosio-ekonomi pengeluar-pengeluar komoditi dan memfokuskan kepada penghasilan komoditi, pemprosesan, perkilangan dan perdagangan bagi memanfaatkan golongan miskin / kurang berkemampuan. Perkara ini direalisasikan melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti berkaitan dan sumbangan dana sukarela dan *capital subscription* yang disalurkan oleh negara-negara ahli.
- Negara-negara ahli CFC dibahagikan mengikut Konstituensi. Terdapat 24 buah Konstituensi dalam CFC. Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea dan Singapura diletakkan di bawah Konstituensi 22. Malaysia dan Indonesia yang merupakan dua buah negara pengeluar agri komoditi terbesar dalam Konstituensi ini mempunyai jumlah undi yang terbesar dan bergilir-gilir menyandang jawatan *Executive Director* (ED) dan *Alternate Executive Director* (AED) setiap dua tahun. Kini, Malaysia memegang jawatan sebagai ED dan Indonesia sebagai AED bagi tahun 2018 hingga 2020.
- Majlis Gabenor (*Governing Council*) adalah badan tertinggi yang membuat keputusan bagi CFC. Semua negara ahli menganggotai Majlis Gabenor dengan gelaran jawatan sebagai Gabenor CFC. Malaysia diwakili oleh Ketua Setiausaha MPIC sebagai *Governor* dan Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa sebagai *Alternate Governor*.
- Bagi membolehkan CFC selari dengan perubahan semasa, pindaan terhadap Perjanjian Penubuhan CFC telah dibuat bagi memperkukuhkan lagi fungsi dan objektif CFC. Pindaan ini dijadualkan untuk dikuatkuasakan pada 10 Januari 2019.

# PENGURUSAN PEMBANGUNAN DAN KEWANGAN

## Peruntukan Dan Perbelanjaan

### Belanja Mengurus


Bagi tahun 2017, MPIC telah diluluskan peruntukan belanja mengurus sebanyak RM161,283,500 berbanding peruntukan kemaskini bagi tahun 2016 sebanyak RM230,010,600 iaitu pengurangan sebanyak 30% atau RM68,727,100. Perincian peruntukan dan perbelanjaan tahun 2017 mengikut Objek Am adalah seperti berikut:

Kod	Objek Am	Peruntukan (RM)	Peruntukan Dikemaskini (RM)	Perbelanjaan	
				(RM)	Peratus
1000	Emolumen	5 - 9 Februari 2017	Iran dan India	5 - 9 Februari 2017	Iran dan India
20000	Perkhidmatan & Bekalan	12,967,600	12,377,600	11,314,722	91.41
30000	Aset	-	-	-	-
40000	Pemberian & Kenaan Tetap	127,443,800	128,033,800	125,835,565	98.28
50000	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>161,283,500</b>	<b>161,283,500</b>	<b>155,754,832</b>	<b>96.57</b>

Sumber: MPIC

Dari segi prestasi perbelanjaan bagi tahun 2017, sebanyak RM155,754,832 atau 96.57% peratus peruntukan telah dibelanjakan. Prestasi ini adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan prestasi perbelanjaan pada tahun 2016 yang mencapai peratus 95.74% disebabkan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan dengan penekanan perbelanjaan diberikan kepada program yang memberi kesan pengganda yang tinggi kepada ekonomi untuk mencapai defisit 3.1% pada tahun 2016. Perbandingan prestasi perbelanjaan bagi tahun 2016 dan 2017 adalah seperti berikut:


### Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2016 dan 2017



### Belanja Pembangunan

Di bawah belanja pembangunan, MPIC telah diluluskan peruntukan selepas dipinda sebanyak RM442,008,500 pada tahun 2017. Prestasi perbelanjaan bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM373,015,082 (84.4%). Prestasi ini menurun jika dibandingkan dengan tahun 2016 di mana MPIC telah membelanjakan 91.74% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan. Perbandingan prestasi perbelanjaan bagi tahun 2016 dan 2017 adalah seperti berikut:

### Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Tahun 2016 dan 2017



Dalam memastikan impak yang segera kepada pembangunan industri komoditi negara, peruntukan pembangunan yang diluluskan telah disalurkan terus kepada Agensi MPOB, LGM, MTIB, LKTN, LKM dan MPB serta Agensi Pelaksana yang lain. Perincian peruntukan mengikut Agensi adalah seperti berikut:

Agensi/ Projek	Peruntukan (RM)
MPOB	6,500,000
LGM	15,042,900
MTIB	91,300,000
LKTN	14,040,000
LKM	24,703,000
MPB	22,486,600
Pejabat MPIC	24,167,000
NKEA	243,769,000
<b>Jumlah</b>	<b>442,008,500</b>

Sumber: MPIC


### Urusan Pembayaran

Sebanyak 2,141 baucar bayaran telah diproses pada tahun 2017 di mana merangkumi pembayaran bil, tuntutan dan emolumen. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,947 bil (90.94%) telah dibayar dalam tempoh 1 hingga 7 hari, manakala sebanyak 194 bil (9.06%) telah berjaya dibayar dalam tempoh 8 hingga 14 hari. Oleh itu, secara keseluruhannya, 100 peratus bil MPIC telah dibayar dalam tempoh 14 hari sebagaimana ditetapkan.

MPIC juga telah melaporkan kedudukan prestasi pembayaran bil bagi Kementerian dan Agensi kepada Jabatan Perdana Menteri pada setiap bulan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103 (a) dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2006 berkaitan dengan bayaran dalam tempoh tidak melebihi 14 hari dari tarikh penerimaan bil yang lengkap.

Prestasi pembayaran bil sepanjang tahun 2017 adalah seperti jadual berikut:

### Prestasi Pembayaran Bil Tahun 2017



Sumber: MPIC

## Urusan Perolehan

Selaras dengan seruan Kerajaan supaya semua Kementerian melaksanakan *eBidding*, MPIC juga memberikan pertimbangan yang tinggi bagi melaksanakan sebut harga menggunakan sistem tersebut. Namun demikian, bagi tahun 2017 tiada perolehan yang memenuhi spesifikasi yang memenuhi kriteria *eBidding*.

## Projek Pembangunan Di Bawah RMKe-11

### Prestasi Pelaksanaan

Pada tahun 2017, sebanyak 71 projek dan program pembangunan telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Kedua Tahun 2017 (RP2, 2017), Rancangan Malaysia KeSebelas (RMKe11) untuk dilaksanakan oleh Pejabat MPIC, MPOB, LGM, LKM, MTIB, LKTN, MPB serta Agensi Pelaksana NKEA.

Prestasi perbelanjaan pembangunan MPIC mencapai 84.4% perbelanjaan berdasarkan peruntukan untuk tahun berkenaan iaitu seperti di jadual berikut:

Prestasi Perbelanjaan Projek dan Program Pembangunan Tahun 2017

Agensi	Bilangan Projek	Peruntukan 2017	Perbelanjaan JANM 2017	
Pejabat MPIC	6	24,167,000	24,166,179	99.9%
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	3	6,500,000	6,500,000	100.0%
Lembaga Getah Malaysia (LGM)	6	15,042,900	13,871,450	92.2%
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	7	91,300,000	91,200,000	99.9%

## Prestasi Perbelanjaan Projek dan Program Pembangunan Tahun 2017

Agensi	Bilangan Projek	Peruntukan 2017	Perbelanjaan JANM 2017	
Lembaga Koko Malaysia (LKM)	14	24,703,000	24,703,000	100.0%
Lembaga Tembakau Dan Kenaf Negara (LKTN)	6	14,040,000	14,040,000	100.0%
Lembaga Lada Malaysia (MPB)	8	22,486,600	18,093,300	80.5%
NKEA	21	243,769,000	180,441,153	74.0%
<b>Jumlah</b>	<b>71</b>	<b>442,008,500</b>	<b>373,015,082</b>	<b>84.4</b>

Sumber: MPIC

**Pemantauan Projek**

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 28 lawatan tapak telah dilaksanakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan Bahagian PPK untuk mengenal pasti isu dan masalah yang dihadapi dalam menyempurnakan projek yang diluluskan di samping melihat tahap pencapaian projek tersebut.

Selain itu, pemantauan projek juga dilaksanakan dengan penglibatan pegawai MPIC di mesyuarat pembangunan Agensi. Hasil pemantauan secara fizikal dan laporan semasa khususnya melalui Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) setiap bulan.

**Aktiviti Penilaian Inspektorat**

Selain pemantauan oleh MPIC, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) turut membuat pemantauan melalui Penilaian Inspektorat bagi menilai pematuhan terhadap amalan-amalan terbaik pengurusan projek pembangunan yang dilaksanakan oleh semua Kementerian dan Agensi dengan aktiviti semakan dokumen serta lawatan tapak. Laporan penemuan oleh pihak ICU, JPM telah menunjukkan bahawa MPIC melalui dua (2) projek pembangunannya telah mencapai *Exceed Target* (ET) dengan memperoleh markah purata sebanyak 89.4%.

Pecahan markah bagi Aktiviti Penilaian Inspektorat yang diperolehi adalah seperti berikut:

Tajuk Program/ Projek	Agensi Pelaksana	Markah (Peratus)
Program Pembangunan Rekabentuk Perabot	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	87.4
Pemantapan Sistem ICT E-Lesen	Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)	91.4

Sumber: ICU, JPM

### Penilaian Outcome

Sebanyak empat (4) program/ projek pembangunan di bawah RMKe10 yang dikategorikan sebagai Siap Sepenuhnya (SS) telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome (JKPO) ICU, JPM pada tahun 2017. MPIC telah mencapai *Significantly Exceed Target* (ST) dengan memperoleh markah purata sebanyak 89.1 %.

Senarai program/ projek yang dinilai adalah seperti berikut:

Tajuk Program/ Projek	Agensi Pelaksana	Pematuhan Metodologi	Pencapaian Outcome Projek
Pembinaan Kompleks Latihan Dan Pembangunan Pekebun Kecil Sawit (PULAPES)	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	91.9	92.8
Pembangunan Dan Infrastruktur Stesen Penyelidikan Kuala Kuantan	Lembaga Getah Malaysia (LGM)	89.2	87.8
Program Tanaman Baru Lada	Lembaga Lada Malaysia (MPB)	82.5	88.3
Pembangunan Plot-Plot Penyelidikan Dan Infrastruktur Pusat Penyelidikan Koko Jengka	Lembaga Koko Malaysia (LKM)	95.8	87.5

Sumber: ICU, JPM



# PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

## Hala Tuju Pengurusan Sumber Manusia

Dalam menentukan hala tuju pengurusan sumber manusia, Bahagian PSM sentiasa berpegang kepada enam (6) teras Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia (2017-2020) iaitu:



## Pembangunan Organisasi

MPIC telah melaksanakan fungsi dan peranannya dengan kekuatan 304 perjawatan yang diluluskan di bawah Waran Perjawatan Bilangan E71 Tahun 2016. Perjawatan ini telah membentuk enam (6) Unit di bawah seliaan terus Ketua Setiausaha, lima (5) Bahagian di bawah pengurusan Timbalan Ketua Setiausaha (Perladangan dan Komoditi) serta enam (6) Bahagian di bawah pentadbiran Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Strategik dan Pengurusan).

### Pengisian Perjawatan Tahun 2017

Sehingga 31 Disember 2017, kadar pengisian perjawatan ialah sebanyak 86% iaitu 261 daripada jumlah perjawatan keseluruhan. Pecahan perjawatan, pengisian dan kekosongan adalah seperti di Jadual 1:

Pecahan Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan di MPIC Tahun 2017

Kumpulan Perkhidmatan	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
Anggota Pentadbiran	4	3	1
Pengurusan Tertinggi	7	7	0
Pengurusan & Profesional	142	114	28
Sokongan I	115	104	11
Sokongan II	36	33	3
Jumlah	<b>304</b>	<b>261</b>	<b>43</b>

### Penstrukturan Semula dan Pengukuhan Perjawatan

Bagi memastikan struktur dan fungsi organisasi sentiasa relevan, penstrukturan dan pengukuhan perjawatan sentiasa dilaksanakan mengikut keperluan semasa. Pada tahun 2017, pengukuhan telah dilaksanakan pada perjawatan di Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa serta Unit Integriti. Pengukuhan ini melibatkan penyusunan semula perjawatan dan fungsi berdasarkan perubahan pada peranan dan senarai tugas semasa yang dilaksanakan di Bahagian/Unit tersebut.

## Pelantikan Pengurusan Tertinggi Agensi Dan Majlis

Selaras dengan Panduan Pelantikan Pengerusi, Anggota Lembaga, Ketua Pengarah dan Ketua Eksekutif bagi Badan Berkanun, Majlis dan Institusi Latihan serta Terma Rujukan *Nomination Committee* Jawatan Ketua Pengarah/Timbalan Ketua Pengarah Badan Berkanun dan Ketua Pegawai Eksekutif Institusi dan Majlis di Bawah MPIC, Bahagian PSM telah melaksanakan sembilan (9) urusan pertimbangan pelantikan Pengurusan Tertinggi Agensi dan Majlis sepanjang tahun 2017 seperti berikut:

### Senarai Urusan Pelantikan Pengurusan Tertinggi Agensi dan Majlis Tahun 2017

#### Lembaga Minyak Sawit Malaysia

- Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan)

#### Lembaga Getah Malaysia

- Ketua Pengarah

#### Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

- Ketua Pengarah (pelantikan secara kontrak)
- Ketua Pengarah (pelanjutan pelantikan secara kontrak)
- Timbalan Ketua Pengarah II

#### Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara

- Ketua Pengarah (pelantikan secara kontrak)

#### Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia

- Ketua Pegawai Eksekutif

#### Majlis Pensijilan Kayu Malaysia

- Ketua Pegawai Eksekutif

#### LGM Properties Corporation


- Ketua Pegawai Eksekutif

## Pembangunan Kerjaya

### Kenaikan Pangkat

Pada tahun 2017, seramai 21 orang warga MPIC telah diluluskan kenaikan pangkat melibatkan pelbagai gred daripada Kumpulan Jawatan Utama Sektor Awam sehingga Kumpulan Sokongan. Pecahan jumlah kenaikan pangkat mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut:

### Pecahan Kenaikan Pangkat Pada Tahun 2017



## Pengiktirafan

### Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2016 meraikan seramai 21 orang warga MPIC yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang bagi tempoh penilaian 2016. Majlis yang bertemakan **“Produktiviti Dijulang, Prestasi Terbilang”** ini telah diadakan pada 26 April 2017 bertempat di Dewan Keruing, MPIC dan disempurnakan oleh YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Pecahan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2016 adalah seperti berikut:

#### Pecahan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2016

Kumpulan Perkhidmatan	Bilangan
Pengurusan & Profesional	10
Sokongan I	7
Sokongan II	4
<b>Jumlah</b>	<b>21</b>



Penerima APC Tahun 2016 bergambar bersama Pengurusan Tertinggi Kementerian



YB Menteri beramah mesra dengan Penerima APC Tahun 2016


### Sesi Perbincangan Dengan Pekerja



Bagi mengekalkan hubungan harmonis antara majikan dengan pekerja dan selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002, mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

peringkat MPIC telah dilaksanakan sebanyak empat (4) kali pada tahun 2017. Dalam mesyuarat tersebut, sebanyak 39 usul yang dikemukakan oleh Pihak Pekerja telah dibincangkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 36 usul telah berjaya diselesaikan manakala tiga (3) usul masih dalam tindakan penyelesaian.

#### Pecahan usul/isu yang dibincangkan dalam mesyuarat MBJ sepanjang tahun 2017



### Penilaian Indeks Penarafan Bintang



Pada tahun 2017, MPIC telah sekali lagi dinilai oleh pihak MAMPU bagi Indeks Penarafan Bintang (Indeks SSR). Bagi memenuhi penilaian ini, Kementerian

dikehendaki menjawab 85 soalan yang telah dibahagikan kepada dua (2) komponen iaitu Perkhidmatan Sokongan dan Perkhidmatan Teras dengan tiga (3) bidang fokus melibatkan Pematuhan Kualiti (Perkhidmatan Sokongan dan Teras) serta Inovasi dan Transformasi. Penilaian bagi pematuhan ini telah diadakan secara atas talian oleh panel penilai yang telah dilantik oleh MAMPU dan keputusan penilaian akan dimaklumkan kepada semua Kementerian pada tahun 2018.

## Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia

Pelaksanaan sistem pengurusan maklumat sumber manusia (HRMIS) di MPIC semakin meningkat dari tahun ke tahun. Selain menguatkuasakan penggunaan enam (6) modul dan sub modul yang telah dijadikan kriteria untuk penilaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KSU, Kementerian turut menggunakan modul dan sub modul lain bagi mengoptimumkan fungsi HRMIS dalam operasi kerja.

### Kriteris KPI HRMIS KSU Tahun 2017



## Dasar Latihan Sumber Manusia


Bagi meningkatkan kompetensi pegawai dan kakitangan untuk memastikan tugas dan tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan berkesan, Pelan Operasi Latihan (POL) yang menyeluruh dan strategik telah dirangka berpandukan kepada Dasar Latihan Sumber Manusia (DLSM).

### Objektif Latihan MPIC

Menyediakan pegawai yang berkelebihan, berkebolehan dan berkompentensi	Mencapai hasil kerja berkualiti dan bermutu tinggi	Meningkatkan kompetensi dan produktiviti
Membentuk nilai-nilai murni dan sikap positif	Menyediakan hala tuju kemajuan kerjaya	
Mewujudkan nilai cipta dan nilai tambah dalam perkhidmatan awam		

### Pecahan Program Latihan Mengikut Kategori

#### Proram Latihan Mengikut Kategori




Pada tahun 2017, sebanyak 52 kursus/latihan telah dihadiri oleh warga MPIC yang dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu fungsian, generik dan berbayar (anjaran Agensi Kerajaan dan Swasta). Penganjuran dan penyertaan dalam kursus/latihan tersebut telah melibatkan kos sebanyak RM46,215.00 iaitu 97.71% daripada peruntukan RM47,300.00 yang telah disalurkan di bawah program POL. Antara program latihan yang dilaksanakan pada tahun 2017 adalah seperti Jadual 5.



Peserta Bengkel BOL bersama fasilitator dari INTAN

## Bimbingan Dan Kaunseling



### Program Intervensi Kaunseling Di MPIC

Intervensi Kaunseling

**36 Orang Klien**  
dan MPIC dan Agensi

Capaian Sasaran Peserta

**Jumlah Peserta**  
**102 Orang**

## Program Intervensi Kaunseling Di MPIC


### Program Psikologi yang dilaksanakan sepanjang tahun 2017

- Program Jom Release Tension 1**  
Melibatkan pegawai dan kakitangan daripada Bahagian Akaun. Bertujuan membantu peserta mengurus dan melegakan tekanan kerja yang sedang dihadapi.
- Program Jom Release Tension 2**  
Melibatkan pegawai dan kakitangan daripada Bahagian Sumber Manusia. Bertujuan membantu peserta mengurus dan melegakan tekanan kerja yang sedang dihadapi.
- Program Moving Forward: Pengurusan Kewangan**  
Melibatkan pegawai dan kakitangan daripada MPIC. Bertujuan membantu peserta memahami dan mendalami strategi pengurusan kewangan yang lebih berkesan.
- Program Mind Grid And Chill Out**  
Melibatkan pegawai dan kakitangan daripada MPIC. Bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai teknik membuat keputusan menggunakan teknik *Mind Grid* dan kepenggunaannya dalam aplikasi harian.
- 15 Strategies To Enhance Self Awareness**  
Melibatkan pegawai dan kakitangan daripada MPIC. Bertujuan membantu peserta mempunyai persepsi yang jelas mengenai personalitinya, termasuk kekuatan, kelemahan, pemikiran, kepercayaan, motivasi dan emosinya.
- Program Pengurusan Emosi Emotional Spiritual Intelligence (ESI)**  
Melibatkan pegawai dan kakitangan daripada MPIC. Bertujuan membantu peserta menyedari potensi diri yang maksimum dengan merangkul keutuhan diri melalui integrasi minda, emosi, spiritual dan fizikal.

## Pementoran

Seperti tahun sebelumnya, program pementoran pada tahun 2017 telah melibatkan seramai sembilan (9) orang mentor dan sembilan (9) orang mentee yang terdiri daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan. Program ini dilaksanakan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 18 Tahun 2005 bertujuan untuk membimbing pegawai dan kakitangan yang memerlukan bimbingan dalam peningkatan prestasi kerjaya dan psikososial. Pecahan penglibatan mentor dan mentee pada tahun 2017 adalah seperti di Rajah 4.

### Pecahan Penglibatan Mentor Dan Mentee Pada Tahun 2017



## Pelaksanaan Program-program Akrab



48%

**Jumlah Ahli AKRAB  
151 Orang**



52%

Program CSR	Sesi Bimbingan	AKRAB Care	Program Retreat AKRAB	Program Kepada Kakitangan
Enam (6) Program telah dilaksanakan pada Bulan Ramadhan 2017	18 sesi bimbingan melibatkan 3 klien lelaki dan 15 klien wanita	Seramai 47 orang AKRAB Care telah dilantik bagi membantu pemantauan Pelaksanaan Dasar Pemisah	2 Program telah dilaksanakan oleh AKRAB MPOB	4 Program AKRAB kepada kakitangan telah dilaksanakan

## Hari Sukan Negara (HSN) Peringkat MPIC Tahun 2017

Hari Sukan Negara (HSN) peringkat MPIC telah diadakan di Taman Saujana Hijau, Putrajaya melibatkan penyertaan dari 227 orang warga Kementerian dan ahli keluarga dengan semangat meraikan sukan untuk semua. Program ini telah mempromosikan gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan warga MPIC di samping dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Antara aktiviti yang diadakan bagi pengisian sambutan HSN peringkat MPIC ialah senamrobik, *briskwalk*, pertandingan keluarga ceria dan swafoto bahagian paling *sporting*. Program juga turut dimeriahkan dengan cabutan bertuah sumbangan Setiausaha Bahagian dan Ketua Unit.



Pemenang Pertandingan Keluarga Ceria



Pemenang Pertandingan Swafoto Bahagian Paling Sporting



## Majlis “Semurni Hati, Seindah Budi”

Majlis “Semurni Hati, Seindah Budi” bertujuan meraikan warga MPIC serta Agensi yang bersara pada tahun 2017 telah diadakan pada 17 November 2017 bertempat di Hotel Shangri-La, Putrajaya. Program yang disempurnakan oleh YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah meraikan seramai 35 daripada 152 orang pesara MPIC dan Agensi termasuk mantan Ketua Setiausaha MPIC dan Agensi termasuk mantan Ketua Setiausaha MPIC iaitu YBhg. Datuk M. Nagarajan.



YB Menteri menyampaikan Sijil Penghargaan kepada mantan Ketua Setiausaha MPIC, YBhg. Datuk M. Nagarajan



YB Menteri beramah mesra dengan pesara dari Agensi



YB Menteri menyampaikan amanat kepada pesara MPIC dan Agensi



Pesara MPIC bergambar kenangan dengan Pengurusan Tertinggi Kementerian

# INOVASI, TRANSFORMASI DAN MODAL INSAN INDUSTRI

## Pusat Khidmat 1Komoditi (1CSC)

1CSC ialah singkatan kepada *1Commodity Service Centre* atau Pusat Khidmat 1Komoditi merupakan salah satu Program Transformasi MPIC bagi menyediakan perkhidmatan berkaitan komoditi sawit, getah, kayu, koko, lada dan kenaf di bawah satu bumbung dengan menggunakan pejabat agensi sedia ada. Objektif penubuhan 1CSC adalah untuk memudahkan rakyat mendapat akses perkhidmatan berkaitan perusahaan perladangan dan komoditi serta menggalakkan penyertaan masyarakat dalam perusahaan perladangan dan industri komoditi. Antara perkhidmatan yang disediakan di 1CSC adalah permohonan lesen, permohonan insentif/bantuan, permohonan latihan, maklumat asas tanaman semua komoditi dan pertanyaan serta aduan.

Terdapat enam (6) buah Pejabat Pusat Khidmat 1Komoditi (1CSC) telah ditubuhkan di seluruh negara iaitu:

- i. 1CSC Sungai Petani, Kedah
- ii. 1CSC Jitra, Kedah
- iii. 1CSC Teluk Intan, Perak
- iv. 1CSC Betong, Sarawak
- v. 1CSC Tawau, Sabah
- vi. 1CSC Lahad Datu



Pelancaran Pusat Khidmat 1Komoditi (1CSC)  
Teluk Intan, Perak pada 23 Mac 2017

## Program Inovasi Dan Kerjaya

### Pengkomersialan Hasil Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) Industri Komoditi

MPIC sentiasa menggalakkan pelaksanaan R&D&C oleh agensi bagi mempelbagaikan hasil produk komoditi bernilai tambah tinggi dan meningkatkan penggunaan teknologi automasi dan mekanisasi dalam sektor perladangan. Selain menjimatkan kos, penggunaan teknologi automasi dan mekanisasi dapat mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh. Pada tahun 2017, sebanyak

12 perjanjian pemindahan teknologi dan pengkomersialan telah dilaksanakan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Tajuk Projek	Syarikat
<i>Palm-Based Feed Formulation for Livestock</i>	Banyan Agri Sdn. Bhd.
Santan Sawit Plus	Econmulia Sdn. Bhd.
<i>Licensing of Fertilizer Formulation (MPOB F2)</i>	Greentrade Sdn. Bhd.
<i>Technology Licensing off Tissue Culture Propagating Apparatus</i>	Bina Paint Marketing Sdn. Bhd.
<i>Licensing off Tissue Culture Propagating Apparatus</i>	Bina Paint Marketing
<i>Licensing of Fertilizer Formulation (MPOB F2)</i>	Hextar Agriculture Sdn. Bhd.
<i>Technology Licensing of Fresh Fruit Bunches Transporter – Hydraporter</i>	Kong Engineering Co.
<i>Technology Licensing of Loose Fruit Collecting Machine</i>	Kong Engineering Co.

Tajuk Projek	Syarikat
<i>Professing Technology for Palm-Pressed Fiber Oil</i>	Profes Lipid Sdn. Bhd.
<i>Licensing of Fertilizer Formulation (MPOB F2)</i>	FPM Sdn. Bhd.
<i>Technology Licensing of Supercritical Fluid Extraction Technology</i>	GreenG Gravity Sdn. Bhd.
<i>Production and Marketing of Oil Palm Fresh Fruit Bunch Motorised Cutter "Cantas"</i>	NS Creative Technologies Sdn. Bhd.

Perjanjian pengkomersialan seperti ini berupaya memperkukuh dan meningkatkan daya saing sektor komoditi melalui peningkatan produktiviti dan kemampuan pengeluaran komoditi berkaitan serta penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) yang berterusan di samping menggalakkan kerjasama dan pertukaran teknologi/kepakaran di antara agensi di bawah MPIC dengan pihak swasta yang secara tidak langsung dapat meningkatkan aktiviti hiliran dan pengeluaran produk bernilai tambah tinggi.

Selain daripada 12 perjanjian pengkomersialan ini, sebanyak 18 teknologi/produk dan 9 perkhidmatan telah ditawarkan kepada pihak industri dan syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berminat untuk mengkomersialkan hasil kajian R&D MPOB melalui platform Seminar dan Pameran Pemindahan Teknologi (TOT) yang telah diadakan pada 11 Julai 2017 di Ibu Pejabat MPOB.

## Hari Inovasi

Selaras dengan penetapan oleh Kerajaan untuk mengadakan Sambutan Hari Inovasi pada setiap tahun bagi menandakan kepentingan budaya kreativiti dan inovasi dalam mendokong agenda transformasi sektor awam, MPIC telah mengadakan Sambutan Hari Inovasi Peringkat MPIC dan Agensi pada 6 dan 7 November 2017 di Dewan Keruing, MPIC. Antara pengisian program ini adalah Bicara Inovasi yang telah disampaikan oleh Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan Kursus *Training of Trainers* (TOT) Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).



### Program Aplikasi *MyHawker*

Dalam usaha menghadapi cabaran Revolusi Industri (IR) 4.0, kerajaan menumpukan perhatian dan usaha untuk memastikan semua pihak bersedia mengadaptasi teknologi pesat terutamanya pembangunan aplikasi internet dan media sosial. Lanjutan daripada itu, MPIC melalui Unit Pembangunan Penjaja, Peniaga Kecil dan Wakaf Hindu (UPPPKWH) telah membangunkan satu aplikasi *MyHawker* supaya para penjaja kecil dapat mengaplikasikan cara promosi jualan yang lebih drastik secara digital melalui media sosial, mempromosi keistimewaan pelbagai juaah dan budaya pelbagai kaum kepada pengguna tempatan dan pelancong asing dan seterusnya meningkatkan pendapatan para penjaja kecil dengan membantu mempromosikan perniagaan secara lokaliti di seluruh Malaysia dan memudahkan aksesibiliti (kebolehsampaian) para pengguna dari segi masa dan jarak.

Aplikasi *MyHawker* dibangunkan berdasarkan model carian, menjejak dan memuatnaik (Search, Locate & Upload - SLU). Bagi memastikan kelancaran program ini, UPPPKWH sedang giat melaksanakan pelan promosi yang merangkumi publisiti melalui media, *roadshow MyHawker* dan pertandingan gambar *foodies* yang paling unik serta pelan penambahbaikan aplikasi.

Program ini melibatkan kolaborasi strategik dan bersepadu bersama agensi-agensi berkaitan antaranya seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) dalam mempromosikan penggunaan aplikasi *MyHawker* dalam kalangan pengguna tempatan dan pelancong asing.

Sehingga masa ini, lebih daripada 5,000 gerai penjaja telah dimuatnaikkan selepas pelbagai program promosi aplikasi iaitu *Roadshow MyHawker App* dijalankan di setiap negeri.

## Program Modal Insan Industri

### Institut Perladangan Dan Komoditi Malaysia (IMPAC)

Selaras dengan keperluan semasa dalam industri komoditi dan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, MPIC telah menubuhkan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) pada 4 November 2010. IMPAC ditubuhkan untuk meningkatkan kemahiran pekerja sedia ada dan pekerja baru dengan menawarkan kursus dan latihan yang bersesuaian. Agensi-agensi yang terlibat adalah :

- i. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
- ii. Lembaga Getah Malaysia (LGM)
- iii. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
- iv. Lembaga Koko Malaysia (LKM)
- v. Lembaga Lada Malaysia (MPB)
- vi. Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)

Objektif utama IMPAC adalah untuk:

- i. melahirkan guna tenaga terlatih untuk sektor perladangan dan komoditi; dan
- ii. menyelaras dan memperluaskan liputan/skop latihan kemahiran dengan mengadakan kursus dan pameran seluruh negara.

## Kursus Dan Program Yang Dilaksanakan Oleh IMPAC

### Kursus Dan Latihan

IMPAC bertindak sebagai institusi induk untuk merancang dan melaksanakan latihan berkaitan sektor komoditi iaitu sawit, getah, perkayuan, koko, lada dan kenaf. Latihan yang ditawarkan merangkumi kursus jangka pendek dan jangka panjang sehingga di peringkat diploma.

Selaras dengan peranan IMPAC adalah sebagai peneraju untuk kursus dan latihan dalam sektor perladangan dan komoditi, IMPAC juga dilantik sebagai Badan Peneraju Industri (ILB) bagi sektor Perladangan dan Komoditi pada 1 Januari 2018.

Pada tahun 2017, IMPAC telah melatih seramai 6,880 orang peserta yang melibatkan 198 kursus.

Kusus	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta
Sawit	34	1,986
Getah	88	2,297
Kayu	18	294
Koko	15	500
Lada	31	1,033
Kenaf	8	648
Kursus Generik	4	122
<b>Jumlah</b>	<b>198</b>	<b>6,880</b>

Kejayaan yang dikecapi oleh IMPAC pada hari ini tidak terhad kepada bilangan pelatih sahaja tetapi turut dapat dilihat melalui pencapaian pelatih IMPAC di peringkat antarabangsa. Antaranya adalah melalui kejayaan yang diperoleh oleh pelatih membawa pulang *Medallion for Excellence* di pertandingan kemahiran *WorldSkills Competition 2017* di Abu Dhabi *National Exhibition Centre, United Arab Emirates* pada Oktober 2017.



Majlis Penganugerahan Konvokesyen IMPAC kali 5 Tahun 2017 pada 12 Disember 2017 di Hotel The Everly Putrajaya



Sesi pertukaran Memorandum Persefahaman (MOU) antara IMPAC dan Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia sempena Majlis Pelantikan IMPAC sebagai Badan Peneraju Industri (Industry Lead Body) pada 12 Disember 2017 di Hotel The Everly Putrajaya



YB Menteri menyaksikan penyerahan sijil pelantikan IMPAC sebagai Badan Peneraju Industri daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran pada 12 Disember 2017 di Hotel The Everly Putrajaya

### Program Roadshow Seminar Keperluan Latihan Dalam Memperkasa Modal Insan

IMPAC telah melaksanakan sebanyak 5 siri Program roadshow Seminar Keperluan Latihan Dalam Memperkasa Modal Insan di Sektor Komoditi Sawit di Malaysia pada tahun 2017 seperti berikut:

Tarikh	Lokasi
5 Ogos 2017	Lahad Datu, Sabah
7 Ogos 2017	Sandakan, Sabah
11 September 2017	Saratok, Sarawak
13 September 2017	Sibu, Sarawak
7 Oktober 2017	Teluk Intan, Perak



Majlis Perasmian Penutup *ROADSHOW* Seminar Keperluan Latihan Kemahiran Dalam Memperkasa Modal Insan Di Sektor Komoditi Sawit pada 7 Oktober 2017 di Teluk Intan Perak



Program *ROADSHOW* Seminar Keperluan Latihan Kemahiran Dalam Memperkasa Modal Insan Di Sektor Komoditi Sawit pada 11 September 2017 di Saratok, Sarawak

# TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN ICT

## Program Hari ICT MPIC 2017

Dalam mendedahkan warga MPIC dengan *technology update* ICT, program Hari ICT MPIC 2017 telah diadakan pada 25 Julai 2017. Objektif utama program ini ialah untuk memberikan informasi terkini ICT dan di samping untuk kesedaran warga MPIC kepentingan keselamatan dalam mengendalikan kemudahan ICT. Penceramah-penceramah daripada Cybersecurity Malaysia, Suruhanjaya komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Prestariang Sdn. Bhd. telah dijemput untuk memberikan taklimat kepentingan ICT dan langkah-langkah keselamatan maklumat.



Program yang dijalankan selama 1 hari ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada semua warga MPIC dan jabatan-jabatan kerajaan sekitar MPIC iaitu Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Audit Negara dengan pembukaan booth-booth pameran ICT yang telah disertai oleh syarikat-syarikat pembekal perkhidmatan ICT utama di Malaysia misalnya iaitu TM, EPSON, Cybersecurity Malaysia, MYTY, Speedminer, Celcom dan banyak lagi.





Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. TKSU(P) MPIC Encik Toisin Gantor. Beliau sendiri telah memuji BPM sebagai penganjur program ini kerana telah berjaya menarik minat warga MPIC untuk mendapatkan informasi terkini ICT dan kesedaran keselamatan ICT. Beliau berharap program ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.



TKSUP Bersama Setiausaha Bahagian dan Ketua Unit di Hari ICT MPIC 2017



Warga MPIC bersama-sama memeriahkan Hari ICT 2017)

## Pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013

Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) merupakan suatu pendekatan yang bersistematik dan berstruktur dalam pengurusan maklumat. Skop ISMS MPIC ialah “Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Pengoperasian Perkhidmatan Laman Web dan Data Komoditi MPIC”. Pelaksanaan ISMS meliputi polisi, proses, prosedur, struktur organisasi, perisian dan juga fungsi sesuatu perkakasan. MPIC telah berjaya dianugerahkan pensijilan semula ISMS di bawah standard ISO / IEC 27001:2013 *Information Security Management Systems* bagi tempoh 3 tahun dan sah sehingga 10 September 2020 oleh *Cybersecurity Malaysia* (No. Sijil: 020-ISO31).



## Penerimaan Anugerah Peneraju Data Terbuka Sektor Awam Sempena Hari Data Terbuka Tahun 2017

MAMPU telah mengajurkan Hari Data Terbuka Tahun 2017 pada 25 Mei 2017 bertempat di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya yang telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Di dalam majlis tersebut MPIC selaku penyumbang data terbuka telah menerima sijil penghargaan sebagai Peneraju Data Terbuka Terbaik bagi tahun 2016. Anugerah tersebut telah diterima oleh YBrs. TKSU(P) Encik Toisin Gantor selaku CIO MPIC.



TKSUP YBrs. En Toisin Gantor menerima Sijil Penghargaan sebagai Peneraju Data Terbuka Terbaik bagi Tahun 2016 yang disampaikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri

## Laman Web Rasmi Kementerian Menerima Penarafan Empat Bintang

Setiap tahun MAMPU dengan kerjasama MDEC melaksanakan penilaian ProBE (Provider Based Evaluation) ke atas semua portal dan laman web Kementerian. Penilaian ini merupakan satu mekanisme yang digunakan bagi mengukur kedudukan Kerajaan Malaysia dalam penyampaian perkhidmatan berasaskan rakyat. Pada tahun 2016, MDEC telah menjalankan penilaian ke atas semua portal dan laman web bermula pada bulan Mac sehingga Oktober 2016. Penilaian dijalankan dengan menilai 7 kriteria mandatori dan 33 kriteria tidak mandatori ke atas subjek. Pada 3 November 2017, MDEC telah mengeluarkan laporan penilaian dengan keputusan seperti di jadual. MPIC berjaya mengekalkan penarafan 4 bintang bagi 4 tahun berturut-turut.

MPIC	★★★★
MPOB	★★★
LGM	★★★
MTIB	★★★
LKM	★★★
MPB	★★★
LKTN	★★★

## Latihan Reka bentuk Poster Digital Menggunakan *Microsoft PowerPoint*


Salah satu daripada fungsi BPM adalah menyediakan latihan ICT kepada warga MPIC. Latihan Reka Bentuk Poster Digital menggunakan *Microsoft PowerPoint* telah mendapat penyertaan tinggi daripada warga MPIC. Latihan ini telah diadakan pada 16 Mac 2017 dan dibuka kepada semua warga MPIC yang berminat. Seramai 20 peserta telah menghadiri latihan tersebut.

## Latih Amal Krisis Siber Negara 2017 (X-Maya 6)

Sebagai salah satu kaedah perlindungan keselamatan ICT negara, pegawai di BPM telah terlibat dengan latihan pengurusan krisis negara melalui *National Cyber Coordination And Command Centre (NC4)*. Latihan ini telah diadakan secara berperingkat mulai 22 Februari 2017 dan tamat pada 9 Mac 2017. Latihan dibuat secara simulasi dengan situasi sebenar bagi memberikan gambaran sebenar jika berlaku serangan atau ancaman ICT di peringkat nasional di Kementerian atau Agensi.

## Pelaksanaan Sistem MyMesyuarat 2.0

Mulai tahun 2017, MPIC telah memulakan pelaksanaan penggunaan Sistem MyMesyuarat 2.0 secara komprehensif. Sistem ini merupakan salah satu daripada aplikasi utama Kerajaan yang menyokong ke arah kerajaan digital. Pelaksanaan dimulakan secara berfasa bermula mesyuarat pengurusan bahagian hinggalah kepada mesyuarat jawatankuasa tertinggi kementerian.



**Komoditi Mampan  
Demi Masa Depan  
Yang Gemilang**

# KOMUNIKASI KORPORAT

## Urus Setia Mesyuarat Pemantauan Laman Web Dan Media Sosial

Unit Komunikasi Korporat telah dilantik untuk menjadi urus setia bagi Mesyuarat Pemantauan Laman Web dan Media Sosial MPIC. Fungsi mesyuarat ini adalah memantau kandungan agar sentiasa dikemaskini sesuai dengan peredaran masa dan menepati kriteria laman web yang ditetapkan bagi setiap kementerian oleh pihak MDEC. Mesyuarat ini telah diadakan pada 27 Januari, 13 April dan 14 September 2017.

Bahagian Pengurusan Maklumat yang juga merupakan urusetia bagi aspek teknikal ICT sentiasa mencari idea-idea baru dalam memberikan wajah baru kepada Laman Web MPIC. Antara perubahan yang agak ketara pada tahun 2017 adalah pihak BPM telah *embed* media sosial MPIC di laman utama portal kementerian dan penambahan beberapa menu di portal/laman web. Ini adalah bagi meningkatkan lagi jumlah pengunjung di media sosial dan berkongsi status terkini mengenai maklumat semasa yang dimuatnaik di Facebook, Twitter dan Instagram. Pendekatan ini telah memberi impak penambahan pengunjung yang mengakses ke media-media sosial MPIC secara berterusan.

Penambahbaikan yang telah dilaksanakan sehingga kini telah memberi lebih keceriaan dengan penggunaan warna yang ceria, infografik berkaitan komoditi juga menu-menu diportal yang mesra pelanggan.

## Pengurusan Aduan Awam

- Media massa
- Surat menyurat
- Faks
- Telefon/sms
- Email
- Laman web;
- Facebook
- Bersemuka
- Peti cadangan





### Sistem Pengurusan Aduan Awam Bersepadu (SISPAA)


Pada tahun 2017 MPIC diperingkat akhir untuk melaksanakan sepenuhnya Sistem Pengurusan Aduan Bersepadu (SISPAA). Pada fasa ini semua pegawai penyelaras aduan diperingkat bahagian dan agensi di bawah kementerian telah menjalani sesi latihan menggunakan sistem bagi pengurusan aduan. Sistem ini akan digunapakai sepenuhnya pada tahun 2018.

### Statistik Penerimaan Aduan bagi Tahun 2017

Bagi tahun 2017, sebanyak 6 aduan telah diterima oleh kementerian menerusi semua saluran yang ada.

Jumlah Aduan Yang Diterima Dan Diselesaikan Dari Januari - Disember 2017

	2015	2016	2017
Januari	-	-	-
Februari	1	3	1
Mac	-	-	-
April	1	-	-
Mei	1	-	-
Jun	-	-	1
Julai	1	1	-
Ogos	-	3	-
September	1	1	1
Oktober	-	-	-
November	-	-	-
Disember	-	-	3





**Pecahan Kategori Aduan Yang Diterima**

**Jumlah = 6**

**Tempoh Penyelesaian Aduan Dari Januari - Disember 2017**

2-5 hari	<b>3</b>
6-10hari	<b>1</b>
11-15 hari	<b>1</b>
>15 hari	<b>1</b>




**Jumlah\* 6**

**Perhubungan Awam Dan Media**

**Laporan Pemantauan Berita dan Analisis Isu**

UKK MPIC juga berperanan sebagai *focal point* kementerian terutamanya dalam menganalisis isu dan berita berkaitan MPIC. Pemantauan dan analisis di hantar kepada pengurusan tertinggi kementerian pada setiap hari.

**Statistik Pengurusan Media MPIC**



## Pencapaian Piagam Pelanggan



### Pencapaian Piagam Pelanggan Luaran MPIC (Januari - Disember 2017)

Piagam Pelanggan	Bahagian Bertanggungjawab	Menepati Masa/ Standard	
		Jumlah	Peratus
<p><b>Penggubalan Dasar</b></p> <p>Menggubal dasar dan strategi yang jelas mengenai industri komoditi perladangan berlandaskan kepada keperluan semasa dalam tempoh masa seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 18 bulan bagi penggubalan dasar, dan strategi baharu; dan</li> <li>• Enam (6) bulan bagi meminda dasar dan strategi sedia ada.</li> </ul>	PSA	1 semakan Pelan Strategik MPIC 2017	100%
<p><b>Buku Perangkaan Komoditi</b></p> <p>Memuatnaik data Perangkaan Komoditi dalam Laman Web MPIC dan Portal Data Terbuka oleh MAMPU</p>	PSA	Proses muat naik data oleh BPM telah berjaya. Tindakan Selesai	100%
<p><b>Sesi Konsultasi</b></p> <p>Mengadakan sesi konsultasi dengan kerajaan-kerajaan negeri, pihak industri dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO):</p> <p><b>a) Peringkat Menteri:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu (1) mesyuarat setahun dengan exco pertanian negeri; dan</li> </ul>			



## Pencapaian Piagam Pelanggan Luaran MPIC (Januari - Disember 2017) (Sambungan)

Piagam Pelanggan	Bahagian Bertanggungjawab	Menepati Masa/ Standard	
		Jumlah	Peratus
<ul style="list-style-type: none"> <li>Satu (1) dialog sesi konsultasi setahun bagi setiap komoditi dengan industri komoditi.</li> </ul> <p><b>b) Peringkat Pegawai:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Enam (6) sesi konsultasi dengan industri: dan</li> <li>Satu (1) dialog setahun dengan NGO</li> </ul>	PSA	Tertakluk kepada keperluan dan persetujuan YB Menteri	10%
<p><b>Misi Perdagangan</b></p> <p>Menganjurkan misi galakan pasaran dan perdagangan/lawatan kerja bagi memperkukuhkan pasaran sedia ada dan menerokai pasaran baru sekurang-kurangnya lima (5) kali setahun serta mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.</p>	PSA	8 misi perdagangan telah diadakan iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Iran dan India pada 5 - 9 Februari 2017;</li> <li>ii. India pada 30 Mac - 4 April 2017;</li> <li>iii. China pada 3 - 6 Mei 2017;</li> <li>iv. China pada 3 - 6 Mei 2017;</li> <li>v. China pada 3 - 6 Mei 2017;</li> <li>vi. China pada 3 - 6 Mei 2017;</li> <li>vii. China pada 3 - 6 Mei 2017;</li> <li>viii. Jepun pada 13-16 Disember 2017</li> </ul>	160%
<p><b>Penggubalan Perundangan</b></p> <p>Menggubal perundangan utama dan perundangan subsidiari berkaitan industri perladangan dan komoditi berlandaskan kepada perkembangan dan keperluan semasa dalam tempoh seperti berikut:</p> <p><b>Perundangan Utama:</b></p> <p>Draf Perundangan Utama (Kedua-dua Bahasa Melayu dan inggeris) disediakan oleh Bahagian/ Agensi yang kemudiannya dipanjangkan ke Bahagian PUU melalui Bahagian di MPIC.</p> <p>Dalam masa 20 hari bekerja dari tarikh penyelesaian isu dasar dan perundangan. Jika ada isu dasar atau perundangan berbangkit tempoh 20 hari terhenti sehingga isu dasar atau perundangan selesai.</p>	PUU	Telah menepati masa dan sebanyak satu (1) perundangan utama dibuat sebagaimana yang diarahkan.	100%

## Pencapaian Piagam Pelanggan Luaran MPIC (Januari - Disember 2017) (Sambungan)

Piagam Pelanggan	Bahagian Bertanggungjawab	Menepati Masa/ Standard	
		Jumlah	Peratus
<p><b>Penggubalan Perundangan</b></p> <p>Kualiti : Selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Akta ibu, Akta lain dan menepati kehendak pelanggan.</p> <p><b>Perundangan Subsidiari:</b></p> <p>Draf Perundangan Subsidiari (Kedua-dua Bahasa Melayu dan Inggeris) disediakan oleh bahagian/ Agensi yang kemudiannya dipanjangkan ke Bahagian PUU melalui Bahagian di MPIC.</p> <p>Dalam masa 14 hari bekerja bagi teks kurang 50 m/s dan 21 hari bekerja bagi teks melebihi 50 m/s. Jika ada isu dasar atau perundangan berbangkit tempoh itu terhenti sehingga isu dasar atau perundangan selesai.</p>	PPU	Dalam masa 14 hari bekerja bagi teks kurang 50 m/s dan 21 hari bekerja bagi teks melebihi 50 m/s. Jika ada isu dasar atau perundangan berbangkit tempoh itu terhenti sehingga isu dasar atau perundangan selesai.	100%
<p><b>Projek Pembangunan</b></p> <p>Memastikan program pembangunan sektor perladangan dan komoditi dirancang, dilaksana dan dipantau sewajarnya termasuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) diadakan 12 kali setahun.</p>	PPK	12	100%
<p><b>Pembayaran Bil</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan 90% pembayaran bil yang lengkap diselesaikan dalam tempoh 7 hari; dan</li> <li>Sekiranya terdapat mana-mana pihak yang tidak menerima pembayaran dalam tempoh 14 hari, aduan yang diterima akan diselesaikan dalam tempoh 72 jam.</li> </ul>	PPK	Bil = 2,141 (RM716,493,164.22)  1-7 hari = 1,947 bil (90.94%) (RM697,516,922.63)  8-14 hari = 194 bil (9.06%) (RM18,976,241.59)	$\leq 14$ hari 100%
<p><b>Aduan Pelanggan</b></p> <p>Memastikan semua aduan pelanggan diberi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Akuan penerimaan dalam masa satu (1) hari;</li> <li>Maklum balas awal dalam masa lima (5) hari; dan</li> <li>Diselesaikan dalam tempoh 15 hari bagi aduan yang tidak melibatkan perkara dasar.</li> </ul>	UKK	6	100%
<p><b>Laman Web</b></p> <p>Memuat naik maklumat program terkini MPIC ke laman web MPIC dalam tempoh 24 jam.</p>	BPM	1,901	100%

## Pencapaian Piagam Pelanggan Luaran MPIC (Januari - Disember 2017) (Sambungan)

Piagam Pelanggan	Bahagian Bertanggungjawab	Menepati Masa/ Standard	
		Jumlah	Peratus
<p><b>Sesi Bertemu Pelanggan</b></p> <p>Mengadakan sesi bertemu pelanggan melalui program-program turun padang seperti Program Hello Komoditi sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun.</p>	PIMI	<p>Hello Komoditi Teluk Intan Perak 25 Mac 2017</p> <p>HK Bagan Datuk 2017 Ogos 2017 (Ditangguhkan)</p> <p>HK Felda Sahabat, Lahad Datu 21 Oktober 2017</p> <p>Jumlah: 3</p>	66.67%
<p><b>Lesen Biobahan Api</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengeluarkan akuan penerimaan bagi permohonan yang lengkap dalam tempoh satu (1) hari;</li> <li>Mengeluarkan lesen dalam tempoh tiga (3) hari selepas lesen ditandatangani oleh Pihak Berkuasa Pelesenan Biobahan Api; dan</li> <li>Memberi jawapan kepada permohonan yang tidak berjaya dalam tempoh tiga (3) hari selepas keputusan dibuat Pihak Berkuasa Pelesenan Biobahan Api.</li> </ul>	BBA	<p>45</p> <p>26</p> <p>-</p>	<p>100%</p> <p>100%</p> <p>-</p>

# MPIC Dalam Media



### Mesej Datuk Seri Mah Siew Keong

**T**he implementation of rubberised roads in Malaysia will make the transportation of goods and services, including the Ministry of Agriculture, Fisheries and Conservation.

Deputy Minister Datuk Seri Mah Siew Keong said that the government will continue to support the development of rubber products.

He said that the government will continue to support the development of rubber products.

### Rubberised roads to stabilise natural rubber price

**T**he implementation of rubberised roads in Malaysia will make the transportation of goods and services, including the Ministry of Agriculture, Fisheries and Conservation.

Deputy Minister Datuk Seri Mah Siew Keong said that the government will continue to support the development of rubber products.

He said that the government will continue to support the development of rubber products.

### Peraturan RM200j bantu pekebun kecil, penoreh getah

**D**epartment of Agriculture, Fisheries and Conservation (MPIC) has announced a new regulation to support small rubber growers and latex tappers.

The regulation will provide a subsidy of RM200 per hectare for small rubber growers and latex tappers.

MPIC said that the regulation will help to stabilize the natural rubber price and support the livelihoods of small rubber growers and latex tappers.

### TPM minta kaji semula dagangan dengan EU

**K**ementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (KITA) meminta kerajaan mengkaji semula dagangan dengan Eropah.

KITA berkata bahawa dagangan dengan Eropah adalah penting untuk ekonomi negara.

KITA meminta kerajaan mengkaji semula dagangan dengan Eropah.

### Eksport perabot tumbuh lima peratus tahun ini

**E**xport perabot meningkat lima peratus tahun ini, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MUDA).

MUDA berkata bahawa peningkatan ini menunjukkan bahawa industri perabot negara semakin maju.

MUDA berkata bahawa peningkatan ini menunjukkan bahawa industri perabot negara semakin maju.

### Eksport industri perikanan diunjur RM23 bilion

**E**xport industri perikanan diunjur RM23 bilion tahun ini, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MUDA).

MUDA berkata bahawa peningkatan ini menunjukkan bahawa industri perikanan negara semakin maju.

MUDA berkata bahawa peningkatan ini menunjukkan bahawa industri perikanan negara semakin maju.

### India setuju kaji semula duti import minyak sawit

**I**ndia setuju mengkaji semula duti import minyak sawit, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MUDA).

MUDA berkata bahawa India adalah salah satu negara import minyak sawit terbesar di dunia.

MUDA berkata bahawa India setuju mengkaji semula duti import minyak sawit.

### Sasar jualan RM10 juta

**S**asar jualan RM10 juta, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MUDA).

MUDA berkata bahawa sasaran ini menunjukkan bahawa industri perdagangan negara semakin maju.

MUDA berkata bahawa sasaran ini menunjukkan bahawa industri perdagangan negara semakin maju.

### Keadilan bagi pekebun kecil kelapa sawit

**K**eadilan bagi pekebun kecil kelapa sawit, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MUDA).

MUDA berkata bahawa keadilan bagi pekebun kecil kelapa sawit adalah penting untuk ekonomi negara.

MUDA berkata bahawa keadilan bagi pekebun kecil kelapa sawit adalah penting untuk ekonomi negara.

### Kilang proses kenaf di Setiu beroperasi tahun depan

**K**ilang proses kenaf di Setiu beroperasi tahun depan, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MUDA).

MUDA berkata bahawa kilang ini akan membantu meningkatkan pengeluaran kenaf negara.

MUDA berkata bahawa kilang ini akan membantu meningkatkan pengeluaran kenaf negara.

### Working hard to boost sector

**W**orking hard to boost sector, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MUDA).

MUDA berkata bahawa kerja keras diperlukan untuk meningkatkan sektor perdagangan negara.

MUDA berkata bahawa kerja keras diperlukan untuk meningkatkan sektor perdagangan negara.

### Malaysia perlu haramkan mentega dari EU

**M**alaysia perlu haramkan mentega dari EU, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MUDA).

MUDA berkata bahawa haramkan mentega dari EU adalah penting untuk melindungi industri mentega negara.

MUDA berkata bahawa haramkan mentega dari EU adalah penting untuk melindungi industri mentega negara.

### Malaysia, Belanda pacu industri biomas

**M**alaysia, Belanda pacu industri biomas, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MUDA).

MUDA berkata bahawa kerjasama antara Malaysia dan Belanda dalam industri biomas adalah penting untuk meningkatkan pengeluaran biomas negara.

MUDA berkata bahawa kerjasama antara Malaysia dan Belanda dalam industri biomas adalah penting untuk meningkatkan pengeluaran biomas negara.



Temubual YB Menteri di Slot Malaysia Hari Ini di Sri Pentas Bandar Utama sempena promosi 100 Tahun Sawit



Temubual YB Timbalan Menteri dalam program Selamat Pagi Malaysia sempena Promosi 100 Tahun Sawit



## Komunikasi Strategik Dan Media Sosial

### Penggunaan #Hashtag Komoditipedia (*commoditypedia*)

Selaras dengan hasrat kerajaan dalam menambah baik kaedah hubung jalin (*engagement*) dengan rakyat, penggunaan platform media sosial dipertingkatkan dan diperkayakan. Sosial media memberikan impak yang dirasai terutamanya dalam membantu MPIC menyampaikan mesej dan maklumat kepada golongan sasaran dan pada masa yang sama menggunakan platform ini sebagai medium publisiti dan memperkenalkan inisiatif-inisiatif yang ditawarkan MPIC kepada rakyat:



### Promosi Touch Point MPIC





### COMMODITY CHANNEL TV (CCTV)


CCTV merupakan satu inisiatif baru Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dalam menyediakan satu platform untuk menampilkan aktiviti dan program kementerian dalam bentuk visual.

CCTV dilancarkan bermula Disember 2017 dengan beberapa siri video pendek untuk dikongsikan bersama warga MPIC dan masyarakat luar, selain mendekatkan kementerian dengan komuniti komoditi di seluruh negara apabila ianya dikongsikan melalui medium sosial media kementerian seperti di Instagram, Youtube Channel, Facebook dan Twitter.

Berikut beberapa pautan video CCTV yang dikongsi:

<https://www.youtube.com/watch?v=fyzlQdJ1YeE>

<https://www.youtube.com/watch?v=V4lw40Dyvgg>



Video Pelancaran Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) oleh YAB Perdana Menteri, Di Alor Setar, Kedah



Video Pelancaran Sambutan 100 Tahun Kegemilangan Industri Sawit Negara yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia di Ladang Tennamaram, Selangor

Laman Sosial Rasmi MPIC



Laman Facebook Friend of MPIC

Penubuhan akaun Facebook Friends of MPIC (FOMPIC) bertujuan menyokong serta membantu kementerian dalam isu-isu komoditi dan sosial seperti penyebaran dan pengumpulan maklumat.





*Program*  
**MPIC 2017**



# PENGAUDITAN DAN INTEGRITI

## Pengauditan

Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 mengkehendaki Unit Audit Dalam (UAD) mengaudit pengurusan kewangan dan aktiviti Kementerian/Agensi dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Ketua Eksekutif. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, UAD telah menjalankan pengauditan berkenaan seperti berikut:



Pengauditan Dijalankan Pada Tahun 2017

Sasaran	Tarikh Pengauditan	Tarikh Laporan Dikemukakan	Tarikh Maklum Balas
<b>Pengauditan Pengurusan Kewangan</b>			
Pengurusan Pinjaman Dan Pendahuluan Diri – MPIC	6.2.17	8.3.17	22.3.17
Pengauditan Akaun Belum Terima Dan Akaun Belum Bayar - MPIC	13.3.17	30.3.17	13.4.17
Pengauditan Stor - MPIC	30.5.17	7.8.17	18.8.17
Pengauditan Pengurusan Kewangan MPIC - MPIC	2.10.17	17.11.17	30.11.17
<b>Pengauditan Prestasi Dan Perolehan</b>			
Pembinaan Kemudahan Pengeluaran Benih Kenaf - LKTN	9.4.17	24.5.17	5.6.17
Pembinaan Dan Pelaksanaan Projek Jalan Ladang Pekebun Kecil Persendirian Tahun 2016 - MPIC	31.7.17	20.9.17	16.10.17
Pusat Penyelidikan Dan Pembangunan Koko - LKM	Digantikan dengan Pengauditan Pengurusan Skim Tanam Baru dan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil di MPOB		
Pengurusan Pembinaan Dan Menaik Taraf Makmal-Makmal ISO 17025 Untuk Menepati Keperluan <i>Good Laboratory Practice</i> Dan Pematuhan Peraturan - LGM	28.8.17	21.11.17	14.12.17

## Pengauditan Dijalankan Pada Tahun 2017 (Sambungan)

Sasaran	Tarikh Pengauditan	Tarikh Laporan Dikemukakan	Tarikh Maklum Balas
<b>Pengauditan Ict</b>			
Pengauditan Sistem Pangkalan Data Pekebun Kecil Komoditi (PDPK) - MPIC	19.4.17	13.6.17	22.6.17
<b>Pemeriksaan Mengejut</b>			
Pengauditan Pemeriksaan Mengejut	16.8.17	5.9.17	18.9.17
<b>Pengauditan Khas</b>			
Jawatankuasa Audit Dalaman Khas IPG - LGM	Pengauditan dijalankan sepanjang tahun mengikut keperluan		
Verifikasi Aset dan Liabiliti Bagi Tujuan Pengumpulan Data Baki Aset Sehingga 30 Jun 2017 – MPIC	25.7.17	14.8.17	28.8.17
Verifikasi Aset dan Liabiliti Bagi Tujuan Pengumpulan Data Baki Aset Sehingga 31 Disember 2017 – MPIC	8.1.18	12.1.18	Tiada isu

Laporan Tahunan UAD ini mengandungi penemuan Audit hasil daripada pengauditan yang telah dilaksanakan di Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan Agensi di bawah Kementerian. Pada umumnya masih terdapat kelemahan dalam pematuhan peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan serta pemantauan yang kurang teliti. Namun begitu, semua kelemahan tersebut boleh dielakkan sekiranya pegawai yang bertanggungjawab mematuhi sepenuhnya peraturan/prosedur yang telah ditetapkan.

Seperti mana tahun yang lalu, Ketua Agensi yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan di dalam laporan ini. Ini bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Agensi berkenaan terhadap kelemahan yang dibangkitkan. Sepanjang pengauditan dijalankan pihak UAD telah menerima kerjasama yang baik daripada pihak auditi yang turut memberi maklum balas positif terhadap teguran yang dikemukakan. Pihak auditi juga telah mengambil tindakan pembetulan terhadap kelemahan yang dibangkitkan di dalam laporan.

## Integriti

### Mesyuarat Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus (JITU) MPIC

Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) MPIC dan Mesyuarat JK JITU MPIC telah diadakan tiga (3) kali setahun seperti yang ditetapkan dan ini menunjukkan komitmen dan penglibatan Pengurusan Tertinggi MPIC dan Agensi di bawah MPIC dalam pengurusan tadbir urus dan integriti.

### Program Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR)

Program Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) bersama Agensi dan Majlis di bawah MPIC yang diketuai oleh YB Menteri, Datuk Seri Mah Siew Keong dan disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM.



YB Menteri Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah disaksikan oleh YBrs. Pesuruhjaya Tinggi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Warga MPIC yang diketuai oleh YB Menteri dan YB Timbalan Menteri menyokong Ikrar Bebas Rasuah



Sambutan Bulan Integriti Kebangsaan "Semarak Hari Integriti MPIC 2017" yang telah diadakan pada 16 November 2017



Jelajah Semarak Integriti telah dilaksanakan di MPIC dan semua enam (6) Agensi di bawah MPIC



Bengkel Pembantu Pegawai Integriti (AIO) telah diadakan pada 7 April hingga 9 April 2017 telah melatih 35 orang pegawai dan kakitangan UI MPIC dan Agensi sebagai Pembantu Pegawai Integriti di Pusat Latihan Awam, Morib, Selangor

# PERAKAUNAN

## Prestasi Pengurusan Baucar Bayaran

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2017, sebanyak 2305 baucar bayaran berjumlah RM727,922,065.70 diproses dalam tempoh empat (4) hari seperti yang ditetapkan. Prestasi pengurusan baucar bayaran adalah seperti berikut:

Pengauditan Dijalankan Pada Tahun 2017

Bulan	Bil Baucar	Status					Amaun (RM)
		Tarikh Laporan Dikemukakan					
		0	1	2	3	4	
Januari	202	65	91	0	24	0	79,276,070.20
Februari	223	128	57	8	19	0	2,221,967.15
Mac	192	170	18	0	0	0	33,431,791.66
April	177	123	53	0	0	0	91,748,525.16
Mei	209	123	39	27	15	0	536,266.74
Jun	184	167	7	0	0	0	17,604,456.78
Julai	127	64	59	0	1	0	41,334,533.71
Ogos	184	104	63	0	11	0	43,074,768.43
September	194	84	92	0	10	0	120,790,892.65
Oktober	194	108	58	0	22	0	273,561,297.70
November	284	128	136	0	10	0	14,198,527.87
Disember	135	91	37	0	0	5	10,142,967.65
<b>Jumlah</b>	<b>2305</b>	<b>1355</b>	<b>710</b>	<b>35</b>	<b>112</b>	<b>5</b>	<b>727,922,065.70</b>

- Pembayaran gaji warga MPIC



Proses pembayaran gaji MPIC bagi tahun 2017 adalah melibatkan purata seramai 252 orang pegawai dan kakitangan dengan jumlah pembayaran sebanyak RM 17,979,181.33

- Pengurusan Hasil dan Terimaan MPIC

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 78 dokumen terimaan daripada Pejabat Pemungut dengan jumlah RM412,239.25 telah dibuat pengauditan meliputi bayaran lesen Bio Bahan Api dan pulangan balik gaji serta emolumen lain. Naziran terimaan juga telah dijalankan ke atas Pejabat Pemungut pada 5-9 Jun 2017.

- Pengumpulan Data Aset Dan Liabiliti

Sepanjang tahun 2017, aktiviti pengumpulan data aset dan liabiliti bagi MPIC dijalankan selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan. Status pengumpulan data sehingga akhir Disember 2017 yang dimuatnaik sebagai data migrasi adalah seperti berikut:

Aset Tak Alih (ATA) Tiada	] <b>ASET</b> 
----- Aset Dalam Pembinaan (AUC) Tiada	
----- Akaun Belum Terima (ABT) Tiada	
----- Aset Alih (AA) RM3,367,623.41	
] <b>LIABILITI</b> 	
Pajakan Kewangan (FL) RM91,649,059.86	
----- Akaun Belum Bayar (ABB) Tiada	

- Naziran Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Secara Elektronik (eSPKB)

Program naziran eSPKB dijalankan dengan tujuan pemantauan PTJ dalam mematuhi peraturan kewangan serta Panduan Pengguna eSPKB. Program ini telah dijalankan pada 1-11 Ogos 2017 meliputi 554 sampel dan secara keseluruhannya PTJ MPIC mendapat 95.05% markah pencapaian.

- Penganjuran latihan/kursus kewangan dan perakaunan

Sejajar dengan peralihan asas perakaunan tunai ubahsuai kepada asas akruan, kesemua aktiviti yang diadakan sepanjang tahun 2017 melibatkan tajuk berkaitan perakaunan Akruan. Kumpulan sasaran bagi aktiviti tersebut adalah peserta daripada Bahagian Akaun serta Bahagian Pengurusan Pembangunan dan Kewangan.

---

**19 Januari**

Bengkel Pemantapan Carta Akaun Akruan Bahagian Akaun Siri 1 Tahun 2017 - Belanja

**24 Januari**

Bengkel Carta Akaun Akruan kepada PTJ Siri 1 Tahun 2017 - Asas CAA dan Belanja

---

**17 Februari**

Bengkel Pemantapan Carta Akaun Akruan Bahagian Akaun Siri 2 Tahun 2017 - Hasil

---

**31 Mac**

Sesi Perkongsian Ilmu berkaitan Akruan bertajuk “Memahami Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Semasa”

---

**7 April**

Sesi Perkongsian Ilmu berkaitan Akruan bertajuk “Memahami Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Semasa - Pelaburan & Kumpulan Wang Disatukan”

---

**8 Mei**

Sesi Perkongsian Ilmu berkaitan Akruan bertajuk “Memahami Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Semasa - Penyata Akaun Amanah”

---

**21 Jun**

Sesi Perkongsian Ilmu berkaitan Akruan bertajuk “Penyata Kewangan Semasa vs Penyata Kewangan Akruan”

---

**28 Ogos**

Bengkel Carta Akaun Akruan kepada PTJ Siri 3 Tahun 2017 - CAA Aset

---

**13 - 24 November**

Latihan Sistem 1GFMAS Modul MM dan FICO kepada EEU MPIC

---



# DIREKTORI AGENSI DAN MAJLIS DI BAWAH MPIC



Lembaga Minyak Sawit Malaysia  
No.6, Persiaran Institusi,  
Bandar Baru Bangi,  
43000 Selangor,  
Peti Surat 10620,  
50720 Kuala Lumpur.  
T : 03-8769 4400  
F : 03-8925 9446  
W : <http://www.mpob.gov.my>



Lembaga Getah Malaysia (LGM)  
Tingkat 18, Bangunan Getah Asli (Menara)  
148, Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur  
T : 03-92062000  
F : 03-21613139  
W : <http://www.lgm.gov.my>



Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)  
Lot 14.01, Tingkat 13-17, Menara PGRM  
No.8, Jalan Pudu Ulu  
Peti Surat 10887  
50728 Kuala Lumpur  
T : 03-9282 2235  
F : 03-9200 3769  
W : <http://www.mtib.gov.my>



Lembaga Koko Malaysia (LKM)  
Tingkat 5,6 & 7, Wisma SEDCO  
Lorong Plaza Wawasan  
Off Coastal Highway  
Beg Berkunci 211  
88999 Kota Kinabalu, Sabah.  
T : 088-234477  
F : 088-259403, 088-253037, 088-239575  
W : <http://www.koko.gov.my>



Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)  
Kubang Kerian  
Peti Surat 198,  
15720 Kota Bharu, Kelantan  
T : 09-766 8000 / 766 8008  
F : 09-766 8071  
W : <http://www.lktn.gov.my>



Lembaga Lada Malaysia (MPB)  
Lot 1115, Jalan Utama, Tanah Putih  
93450 Kuching, Sarawak.  
T : 082-331811  
F : 082-336877  
W : <http://www.mpb.gov.my>



Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC)  
Tingkat 2, Wisma Sawit  
Lot 6 SS6, Jalan Perbandaran  
47301 Kelana Jaya  
Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
T : 03-7806 4097  
F : 03-7806 2272  
L : <http://www.mpoc.org.my>



Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC)  
Unit No.36-02, Aras 36 Q Sentral  
2A Jalan Stesen Sentral 2, KL Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
T : 03-2782 2100  
F : 03-2782 2199  
W : <http://www.mrepc.com>



Majlis Kayu Kayan Malaysia (MTC)  
18th Floor, Menara PGRM  
No. 8 Jalan Pudu Ulu, Cheras  
56100 Kuala Lumpur  
T : 03-9281 1999  
F : 03-9282 8999  
W : <http://www.mtc.com.my>



Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC)  
Tingkat 15, Bangunan Getah Asli (Menara)  
No.148, Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur  
T : 03-2181 0192  
F : 03-2181 0167  
W : <https://www.mpocc.org.my>



Majlis Pensijilan Kayu Malaysia  
C-08-05, Blok C, Megan Avenue II  
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng  
50450 Kuala Lumpur  
T : 03-2161 2298  
F : 03-2161 2293  
W : <http://www.mtcc.com.my>

**Kementerian Perusahaan Perladangan Dan komoditi**

Persiaran Perdana Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62654 Putrajaya

Tel: 603-8000 8000

Faks: 603-8880 3482

[www.facebook.com/MPICMalaysia](http://www.facebook.com/MPICMalaysia) 

[twitter.com/mpic\\_tweets](https://twitter.com/mpic_tweets) 

[@my.mpic](https://www.instagram.com/my.mpic) 

ISSN 2600-7835

